



LAPORAN TAHUNAN 2016



PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
M A L A Y A



PENGERUSI LEMBAGA PENGURUS PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.


Saya melahirkan rasa bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dapat membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan PPUM bagi tahun 2016. Laporan Tahunan ini amat bermakna kerana setiap aspek pembangunan, program, aktiviti, tanggungjawab sosial dan sebagainya dapat diketahui oleh kumpulan sasar.

Sekalung ucapan tahniah berikan kepada sidang pengarang kerana berjaya menerbitkan buku laporan ini dan saya pasti banyak input berguna telah dikongsikan dalam buku laporan ini.

Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua jabatan, bahagian dan unit atas kerjasama memberikan maklumat bagi memastikan laporan tahunan ini dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya berharap penerbitan buku laporan tahunan ini akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengetahui dengan lebih terperinci mengenai peranan dan aktiviti Pusat Perubatan Universiti Malaya. Marilah kita berdoa ke hadrat Ilahi agar diberikan kekuatan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.

Wassalam


DATO' SERI IR. MOHAMAD OTMAN ZAINAL AZIM
Pengerusi
Lembaga Pengurus Pusat Perubatan Universiti Malaya

01| VISI

PPUM berhasrat untuk menjadi sebuah pusat perubatan bertaraf dunia yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan perubatan yang berkualiti tinggi berdasarkan standard-standard antarabangsa.

02| MISI

PPUM adalah komited untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan yang berkualiti tinggi dalam perkhidmatan perubatan tertiar, komuniti dan kebajikan pesakit.



03| NILAI TERAS

(CORE VALUES)

- Kecemerlangan
- Efisien
- Empati
- Etika
- Berpusatkan pesakit
- Kemesraan



02	SEKAPUR SIREH
03	MISI, VISI & NILAI TERAS
08	LAPORAN EKSEKUTIF
32	CARTA ORGANISASI
36	LEMBAGA PENGURUS & PENGURUSAN
37	KETUA JABATAN UNIT
JABATAN KLINIKAL	
40	JABATAN KAWALAN JANGKITAN
41	JABATAN MIKROBIOLOGI PERUBATAN
42	JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI
46	JABATAN ONKOLOGI KLINIKAL
48	JABATAN OTORINOLARINGOLOGI
50	JABATAN PATOLOGI FORENSIK
52	JABATAN PATOLOGI
55	JABATAN PEDIATRIK
62	JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN
63	JABATAN PERUBATAN KECEMASAN
64	JABATAN PERUBATAN PEMULIHAN
67	JABATAN PERUBATAN RAWATAN UTAMA
68	JABATAN PERUBATAN SUKAN
70	JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI
76	JABATAN SUGERI
77	JABATAN SURGERI ORTOPEDIK
80	JABATAN PENYELIDIKAN KLINIKAL (CIC)
84	JABATAN PERUBATAN
87	UNIT MAKMAL KARDIOLOGI

JABATAN SOKONGAN KLINIKAL

90	JABATAN DIETETIK
94	JABATAN FARMASI
102	JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN
105	JABATAN MAKLUMAT PESAKIT
107	UNIT FIZIK PERUBATAN

JABATAN BUKAN KLINIKAL

110	JABATAN AUDIT DALAM
111	JABATAN KEJURUTERAAN
112	JABATAN KUALITI DAN TADBIR URUS KLINIKAL
116	JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
118	JABATAN PEROLEHAN
121	JABATAN SUMBER MANUSIA
131	JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
140	KOLEJ SAINS KESIHATAN (KSK)
143	UNIT FASILITI DAN KEMUDAHAN AM
144	UNIT KEJURUTERAAN BIOMEDIKAL
145	UNIT KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN
147	UNIT PERUNDANGAN
149	JABATAN KEWANGAN

152 PENYATA KEWANGAN

190 DIARI LAWATAN & MAJLIS 2016

204 KEJAYAAN DAN ANUGERAH 2016

208 STATUS PENCAPAIAN OBJEKTIF
KUALITI TERAS PPUM

219 PIAGAM PELANGGAN

222 PENYELIDIKAN



REPORT
CAPORAL
SISTEMI

LAPORAN EKSEKUTIF



**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
MALAYA**

LATAR BELAKANG PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

Pusat Perubatan Universiti Malaya adalah sebuah hospital pengajaran di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya. Objektif PPUM adalah:

- a. menubuhkan, mengendalikan dan membangunkan pusat perubatan yang bertaraf dan berkedudukan antarabangsa; dan
- b. bekerjasama dengan Fakulti dalam mengadakan kemudahan-kemudahan bagi pendidikan, latihan penyelidikan, pensiswazahan dan perundingan perubatan.

PPUM di tadbir urus oleh Lembaga Pengurus yang dilantik di bawah subseksyen 15(1) Perlembagaan Universiti Malaya yang terdiri daripada anggota yang berikut:

- a. Pengerusi yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti daripada kalangan anggotanya;
- b. Naib Canselor Universiti, jika tidak dilantik sebagai Pengerusi;
- c. Pengarah;
- d. Dekan Perubatan;
- e. Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan atau wakilnya;
- f. Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan atau wakilnya;
- g. Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan atau wakilnya.

PRESTASI PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA STATISTIK PESAKIT DI PPUM

Pada tahun 2016, jumlah pesakit yang menerima rawatan daripada perkhidmatan pesakit luar telah meningkat daripada 979,755 pesakit pada tahun 2015 kepada 1,027,621 (4.89%) pesakit pada tahun 2016. Manakala, perkhidmatan pesakit

dalam mencatatkan penurunan sebanyak 1.31% iaitu 54,473 pesakit yang menerima rawatan sebagai pesakit dalam berbanding tahun 2015 kerana PPUM melaksanakan penutupan kemasukan atau “Access Block” di wad.

Jadual : Statistik Pesakit Luar dan Dalam Tahun 2009 hingga 2016

Tahun	Pesakit Luar	Pesakit Dalam	Jumlah
2009	877,346	49,231	926,577
2010	883,047	49,843	932,890
2011	906,162	51,256	957,418
2012	910,672	53,825	964,497
2013	932,297	55,826	988,123
2014	975,549	59,387	1,034,936
2015	979,755	55,198	1,034,953
2016	1,027,621	54,473	1,082,094
Hospital KKM, 2015	1,182,405	130,670	1,313,075
Hospital Swasta, 2015	516,339	173,504	689,843

Nota:

- i. Berdasarkan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Sumber: Jabatan Maklumat Pesakit

Sumber data perbandingan: Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan katil rasmi pada tahun 2016 adalah sebanyak 1,643 buah katil dengan kadar penggunaan katil (*Bed Occupancy Rate*) mencatatkan peningkatan sebanyak 74.69% berbanding tahun 2015 (73.5%).

Jadual : Bilangan Katil Rasmi di PPUM Tahun 2016

Tahun	Bilangan katil di PPUM	Bilangan katil di hospital KKM, Tahun 2015 ⁱⁱ	Bilangan katil di hospital swasta, Tahun 2015 ⁱⁱ
2016	1,643	2,143	2,860

Nota:

- i. Bilangan katil termasuk di UMSC
- ii. Berdasarkan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Sumber: Jabatan Kejururawatan

Sumber data perbandingan: Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Jadual : Bilangan Katil dan Hospital di Kementerian Kesihatan Malaysia dan Sektor Swasta Tahun 2015

	Bilangan katil	Bilangan hospital
Hospital KKM	36,447	134
Hospital Swasta	12,963	183

Sumber: Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Berdasarkan perbandingan pencapaian PPUM bagi tahun 2016 dan tahun sebelumnya, terdapat sedikit peningkatan peratusan pada Kadar Guna Katil (KGK) dan Average Length of Stay (ALOS), manakala Turnover Interval (TOI) serta jumlah hari pesakit (Total Patient Days,

(TOD) merekodkan penurunan pada tahun tersebut, yang mana ia menunjukkan bahawa pencapaian PPUM mengikut pengelasan fungsi pada tahun 2016 masih mengekalkan prestasi yang berterusan pada tahun tersebut.

Jadual : Pencapaian PPUM mengikut Pengelasan Fungsi Tahun 2014 - 2016

Perkara	2014	2015	2016	HKL dan Negeri, Tahun 2013	Hospital Pakar KKM, Tahun 2013
Jumlah kemasukan	59,387	55,198	54,473	2,163,082	
Jumlah kehadiran pesakit di Jabatan Perubatan Kecemasan	118,492	112,589	110,422	7,533,979	
Kadar Guna Katil (<i>BOR</i>)	73.94%	73.54%	74.69%	82.33%	80.41%
Purata Tempoh Tinggal (<i>ALOS</i>)	5.03 hari	5.53 hari	5.81 hari	4.45 hari	3.8 hari
<i>Turnover Interval (TOI) days</i>	1.73	1.89	1.85	1.02	1.25
Jumlah Hari Katil	403,177	391,283	384,742	3,658,619	2,682,581

Sumber:

- Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia
- Jabatan Maklumat Pesakit

Jadual (di bawah) menunjukkan Average Length of Stay (*ALOS*) bagi setiap jabatan dan unit di PPUM. Pada tahun 2016, purata pesakit tinggal di wad bagi Jabatan

Ortopedik Surgeri merupakan yang paling panjang berbanding jabatan-jabatan lain dengan 6.791 hari per pesakit.

Jadual: Average Length of Stay (*ALOS*) per jabatan tahun 2014 - 2016

Jabatan / Unit	2014	2015	2016p
Jabatan Perubatan	6.080	5.510	5.985
Jabatan Surgeri	4.275	4.429	4.521
Jabatan Surgeri Ortopedik	6.577	6.719	6.791
Jabatan Obstetrik & Ginekologi	4.208	3.975	3.991
Jabatan Pediatrik	5.876	5.805	5.773
Intensive care Unit (ICU)	5.857	6.066	5.454


Nota:

- p = Permulaan (*Preliminary figures*)
- Statistik di Onkologi Klinikal dikira dalam Jabatan Perubatan
- Discaj ICU = Jumlah Pindah Keluar + Jumlah mata

Rajah (di bawah) menunjukkan purata peratusan masa menunggu bagi pesakit

yang mendapatkan perkhidmatan di klinik-klinik di PPUM pada tahun 2016.

Rajah : Purata Peratusan Masa Menunggu di Klinik Tahun 2016



Sumber: Sistem QMS

Pada tahun 2016, seramai 51,283 pesakit direkodkan telah discaj dari wad berbanding 55,081 pesakit pada tahun 2015. Jadual (dibawah) turut menunjukkan kadar

kematian pesakit yang mencatatkan sedikit peningkatan pada tahun 2016 dengan 1,941 kes berbanding 1,942 kes pada tahun 2015.

Jadual: Bilangan Discaj Dan Kematian Mengikut Disiplin Tahun 2015 - 2016

Disiplin	2015			2016p		
	Jumlah discaj	Bilangan kematian	Kadar kematian (setiap 1,000 discaj)	Jumlah discaj	Bilangan kematian	Kadar kematian (setiap 1,000 discaj)
Obstetrik M (Maternity)	7,555	0	0	7,691	0	0
Obstetrik B (Baby)	1,789	9	5.03	1,977	14	7.08
Otorinolaringologi	1,075	5	4.65	547	4	7.30
Oftalmologi	949	0	0	814	0	0
Ginekologi	3,234	27	8.35	2,805	36	12.84
ICU	1,317	259	196.66	1,306	225	172.28
Perubatan	17,326	1,295	74.74	17,284	1,373	79.44
Pediatrik	7,837	84	10.72	7,728	68	8.80
Perubatan Psikologi	1,435	1	0.7	1,237	0	0
Surgeri Ortopedik	4,387	53	12.08	3,207	44	13.72
Surgeri	7,886	209	26.50	6,687	177	26.47
Jumlah	54,790	1,942	35.44	51,283	1,941	37.85

Nota:

- Kadar kematian = Jumlah kematian/Jumlah discaj × 1,000
- p = Permulaan (*Preliminary figures*)

Sumber: Jabatan Maklumat Pesakit

Jadual (di bawah) menunjukkan perbandingan peratusan kes kematian kepada jumlah discaj bagi setiap disiplin serta perbandingan peratusan kematian bagi setiap disiplin terlibat kepada jumlah keseluruhan kes kematian di PPUM bagi tahun 2015 dan 2016.

Berdasarkan jadual tersebut, *Intensive Care Unit (ICU)* mencatatkan peratusan kes kematian kepada jumlah discaj yang tertinggi bagi tahun 2015 dan 2016 diikuti dengan Jabatan Perubatan. Namun, peratusan tersebut menunjukkan penurunan pada tahun 2016 dengan 17.23% kes kematian berbanding 19.67% kes kematian pada tahun sebelumnya.

Peratusan kes kematian kepada jumlah keseluruhan kematian yang paling tinggi direkodkan pada tahun 2016 adalah dari Jabatan Perubatan dengan 70.74% kes kematian diikuti *Intensive Care Unit (ICU)* dengan 11.59% kes kematian pada tahun yang sama. Namun, peratusan tersebut mencatatkan peningkatan di Jabatan Perubatan dengan 66.68% kes sahaja pada tahun 2015 kepada 70.74% kes pada tahun 2016. Manakala, *Intensive Care Unit (ICU)* merekodkan penurunan peratusan kes kematian dengan 13.34% kes pada tahun 2015 kepada 11.59% kes sahaja pada tahun 2016.

Jadual: Peratusan kematian kepada jumlah discaj per disiplin dan Peratusan kepada Jumlah Kematian tahun 2015 - 2016

Disiplin	2015		2016p	
	Peratusan kematian kepada jumlah discaj per disiplin	Peratusan kepada jumlah kematian	Peratusan kematian kepada jumlah discaj per disiplin	Peratusan kepada jumlah kematian
Obstetrik M (Maternity)	0%	0%	0%	0%
Obstetrik B (Baby)	0.50%	0.46%	0.71%	0.72%
Otorinolaringologi	0.47%	0.26%	0.73%	0.21%
Oftalmologi	0%	0%	0%	0%
Ginekologi	0.83%	1.39%	1.28%	1.85%
ICU	19.67%	13.34%	17.23%	11.59%
Perubatan	7.47%	66.68%	7.94%	70.74%
Pediatrik	1.07%	4.33%	0.88%	3.50%
Perubatan Psikologi	0.02%	0.05%	0%	0%
Surgeri Ortopedik	1.21%	2.73%	1.37%	2.27%
Surgeri	2.65%	10.76%	2.65%	9.12%
Total		100%		100%

Nota:

p = Permulaan (*Preliminary figures*)

Berdasarkan Jadual (di bawah), kadar kematian di PPUM merekodkan peningkatan sebanyak 3.78% kes pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 dengan peratusan 3.53% kes sahaja. Nisbah mortaliti ibu bersalin (*Maternal mortality ratio*) turut mencatatkan peningkatan sehingga 36.67 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup (*live births*) pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya dengan peratusan 18.88 kematian.

Di samping itu, kadar mortaliti neonatal (*Neonatal death rate*) menunjukkan peningkatan kes pada tahun 2016 iaitu sebanyak 2.2 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup (*live births*) berbanding tahun 2015 dengan 1.699 kes sahaja. Namun begitu, kadar kelahiran mati (*Stillbirths rate*) merekodkan penurunan pada tahun 2016 dengan 6.23 kes bagi setiap 1,000 kelahiran hidup (*live births*) berbanding Tahun 2015 iaitu sebanyak 8.31 kes.

Jadual : Kadar Kematian di PPUM Tahun 2014 – 2016

Indikator	2014	2015	2016p	Hospital KKM, Tahun 2014 ²
Kadar kematian (per 1,000 discaj)	33.5	35.26	37.85	
Kadar kematian (per 1,000 penduduk)	1.142	1.093	1.094	4.4
Nisbah Kematian Ibu (per 100,000 kelahiran hidup) ¹	110.19	18.88	36.67	13.0
Kadar Kematian Neonatal (per 1,000 kelahiran hidup) ¹	2.204	1.699	2.200	3.2
Kadar Kelahiran Mati (per 1,000 kelahiran) ¹	7.90	8.31	6.23	3.1

Nota:

- p = Permulaan (*Preliminary figures*)
 - Kadar kematian (per 1,000 discaj) = Jumlah kematian/Jumlah discaj x 1,000
 - Kadar kematian (per 1,000 penduduk) = Jumlah kematian / Jumlah penduduk di W.P Kuala Lumpur x 1,000
- ¹ Pengumpulan data melibatkan Wad Bersalin sahaja

Sumber:

- Jabatan Maklumat Pesakit
- Anggaran Penduduk Semasa Malaysia Tahun 2014 – 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumber data perbandingan: Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Nota:

- ² Berdasarkan kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja.

Nisbah mortality ibu bersalin**(Maternal mortality ratio)**

Merujuk kepada kematian yang disebabkan oleh kesulitan semasa hamil atau semasa melahirkan anak atau kematian dalam tempoh 42 hari selepas bersalin kepada setiap 100,000 kelahiran hidup.

Kadar mortality neonatal**(Neonatal death rate)**

Merujuk kepada kematian bayi yang berumur kurang daripada 28 hari kepada setiap 1,000 kelahiran hidup.

Kadar kelahiran mati (Stillbirths rate)

Merujuk kepada kelahiran selepas kehamilan 28 minggu atau lebih yang tiada tanda nyawa semasa dilahirkan kepada setiap 1,000 jumlah kelahiran.

Pada tahun 2016, jumlah kemasukan pesakit ke PPUM mencatatkan sedikit penurunan sebanyak 1.31% iaitu 54,473 pesakit berbanding tahun 2015 dengan kemasukan pesakit sebanyak 55,198.

Jadual () menunjukkan lima (5) sebab utama kemasukan pesakit ke PPUM yang telah dicatatkan pada tahun 2016 berdasarkan *International Statistical Classification of Disease 10th Revision (ICD 10)* kod perkumpulan 3-digit. Pada tahun 2016, “Pregnancy, childbirth and the puerperium” menjadi punca utama kemasukan pesakit ke PPUM dengan peratusan sebanyak 16.12% diikuti “Neoplasms” sebanyak 12.08% pesakit.

Jadual : 5 Sebab Utama Kemasukan Pesakit ke PPUM

Bil.	Sebab Utama	Peratusan kepada jumlah kemasukan di PPUM, 2016	Peratusan kepada jumlah kemasukan di hospital KKM, 2015 (# ¹)	Peratusan kepada jumlah kemasukan di hospital swasta, 2015 (# ²)
1	<i>Pregnancy, Childbirth and the Peurperium</i>	16.12%	23.85% (1)	10.97% (3)
2	<i>Neoplasms</i>	12.08%	4.09% (9)	4.15% (10)
3	<i>Diseases of the Circulatory System</i>	11.22%	7.29% (6)	6.8% (6)
4	<i>Diseases of the Respiratory System</i>	7.12%	12.34% (2)	14.79% (2)
5	<i>Injury, Poisoning and certain consequences of external causes</i>	6.73%	7.64% (5)	7.32% (5)

Nota:

- i. Berdasarkan kod perkumpulan 3-digit ICD 10
- ii. #¹ = Kedudukan (*ranking*) di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia
- iii. #² = Kedudukan (*ranking*) di peringkat sektor swasta

Sumber: Jabatan Maklumat Pesakit

Sumber data perbandingan: Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Pada tahun 2016 jumlah kematian pesakit (bagi semua sebab kematian) di PPUM menunjukkan sedikit penurunan berbanding tahun 2015 dengan peratusan sebanyak 0.05%. “Pneumonia” merupakan punca utama kematian pesakit di PPUM pada

tahun 2016 dengan peratusan sebanyak 14.99% diikuti “Septicemia” (9.47%). Jadual (di bawah) menunjukkan lima (5) sebab utama kematian pesakit di PPUM yang direkodkan pada tahun 2016.

Jadual : 5 Punca Utama Kematian di PPUM Tahun 2016

Bil.	Punca Utama	Bilangan kematian yang dicatatkan di PPUM	Peratusan kepada jumlah kematian Di PPUM
1	<i>Pneumonia</i>	291	14.99%
2	<i>Septicemia</i>	189	9.74%
3	<i>Malignant neoplasm of breast</i>	80	4.12%
4	<i>Malignant neoplasm of bronchus or lung</i>	78	4.02%
5	<i>Pneumonitis due to food and vomit</i>	77	3.97%

Nota:

- i. Berdasarkan kod perkumpulan 3-digit ICD 10
- ii. Kadar kematian bagi setiap 100,000 penduduk

Sumber: Jabatan Maklumat Pesakit

**Jadual : 5 Sebab Utama Kematian di
Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Tahun 2015**

Bil.	Punca Utama	Bilangan kematian	Peratusan kepada jumlah kematian
1	<i>Diseases of the Circulatory System</i>	11,893	22.77%
2	<i>Diseases of the Respiratory System</i>	9,681	18.54%
3	<i>Neoplasms</i>	7,080	13.56%
4	<i>Certain infectious and parasitic diseases</i>	6,894	13.20%
5	<i>External causes of morbidity and mortality</i>	5,086	9.74%

Sumber : Berdasarkan Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Jadual : 5 Sebab Utama Kematian di Hospital Swasta Malaysia Tahun 2015

Bil.	Punca Utama	Bilangan kematian	Peratusan kepada jumlah kematian
1	<i>Diseases of the Circulatory System</i>	1,149	27.70%
2	<i>Neoplasms</i>	1,061	25.58%
3	<i>Certain infectious and parasitic diseases</i>	569	13.72%
4	<i>Diseases of the Respiratory System</i>	560	13.50%
5	<i>Diseases of the Genitourinary System</i>	162	3.91%

Sumber : Berdasarkan Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Merujuk kepada Jadual (di bawah), terdapat peningkatan pada jumlah kelahiran di PPUM iaitu sebanyak 5,454 kelahiran (2.94%) bagi tahun 2016 kerana terdapat penambahan jumlah pesakit Obstetrics and Gynecology

(O&G) bagi tahun tersebut. Jadual (di bawah) menunjukkan perbandingan jumlah kelahiran mengikut mod kelahiran bagi tahun 2014 hingga 2016.

Jadual : Jumlah Kelahiran mengikut Mod Kelahiran

Mod Kelahiran	2014	2015	2016	W.P. Kuala Lumpur (Tahun 2014)
<i>Breech delivery</i>	20	28	30	
<i>Elective caesarean section</i>	651	610	619	
<i>Emergency caesarean section</i>	979	1,044	1,328	
<i>Assisted Forceps delivery</i>	39	77	109	
<i>Spontaneous Vaginal Delivery (SVD)</i>	3,428	3,189	2,953	
<i>Assisted Vacuum delivery</i>	282	286	294	
<i>Born before arrival</i>	17	21	72	
<i>Born at home</i>	29	47	49	
Jumlah Kelahiran (Hidup)	5,445	5,298	5,454	30,776
Purata kelahiran sehari	14.91	14.52	14.94	84.32

Sumber: Jabatan Maklumat Pesakit

Sumber data perbandingan: Petunjuk Kesihatan (*Health Indicators*) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Terdapat 13,624 kemasukan pesakit ke wad O&G yang menyumbang kepada 25% daripada jumlah kemasukan 54,473 pesakit ke PPUM pada tahun 2016. Sebanyak 74,585 pesakit luar yang hadir ke klinik pakar O&G turut juga dicatatkan pada tahun tersebut.

Jadual (di bawah) menunjukkan bilangan pesakit kanak-kanak dimasukkan ke PPUM mengikut kumpulan etnik, kumpulan umur dan jantina pada tahun 2016. Jumlah kemasukan pediatrik adalah 6924 kemasukan. Kumpulan umur tertinggi adalah pesakit dari umur 4 tahun dan ke bawah dengan 8785 kemasukan. Kiraan kemasukan terendah adalah dari pesakit yang berumur 15 hingga 19 tahun dengan 1,046 kemasukan.

Jadual : Bilangan Pesakit Kanak-kanak mengikut Kumpulan Umur, Jantina dan Etnik Tahun 2016^p

Kumpulan Umur	1 - 4 tahun			5 - 9 tahun		10 - 14 tahun		15 - 19 tahun	
Etnik/Jantina	Lelaki	Perempuan	Tidak dinyatakan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan
Melayu	3,430	2,394	0	1174	684	545	530	261	197
Cina	1,011	513	2	605	472	454	244	116	202
India	425	323	0	341	231	198	205	126	112
Lain-lain	281	157	0	29	48	15	11	7	5
Tidak dinyatakan	113	136	0	54	36	25	31	10	10
Jumlah mengikut kumpulan umur dan jantina	5,260	3,523	2	2,203	1,471	1,237	1,021	520	526
Jumlah mengikut kumpulan umur	8,785			3,674		2,258		1,046	
Jumlah keseluruhan	15,763 pesakit								

Nota:

p = Preliminary figures

Sumber: Sistem iPesakit, PPUM

Pada tahun 2016, sebanyak 26,127 unit darah telah berjaya dikumpul dan angka ini menunjukkan sedikit penurunan sebanyak 3.99% berbanding tahun sebelumnya. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan jumlah pendermaan darah pada tahun tersebut kerana kurang layanan dan insentif untuk penderma dari

segi makanan yang disajikan, kekurangan kemudahan parkir khas untuk penderma darah berhadapan Jabatan Forensik dan ketiadaan Majlis Penghargaan Penderma Darah yang lazimnya dilakukan sebelum ini. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan jumlah derma darah mengikut jenis penderma bagi tahun 2014 hingga 2016.

**Jadual : Jumlah Pendermaan Darah Mengikut Jenis Penderma
Tahun 2014 - 2016**

Aktiviti		2014	2015	2016
Penderma	Penderma Baru	13,268	11,995	11,415
	Penderma Berulang	15,592	15,218	14,712
	Total	28,860	27,213	26,127


Sumber: Jabatan Perubatan Tranfusi

Bagi tahun 2016, kadar hand hygiene compliance mencatatkan peningkatan sebanyak 81.66% dan telah berjaya mencapai KPI iaitu >75%. Antara faktor penyumbangan kepada peningkatan ini adalah kerana keberkesanan penganjuran bengkel dan kempen mengenai kepentingan

membasuh tangan serta sesi pengajaran yang berterusan kepada semua staf.

Rajah (bawah) menunjukkan perbandingan pencapaian *Hand Hygiene Compliance* bagi tahun 2014 hingga 2016.

Rajah : Kadar Pematuhan Membasuh Tangan Tahun 2014 - 2016




Sumber: Jabatan Kawalan Jangkitan

Berdasarkan Rajah (di bawah), purata kadar pematuhan membasuh tangan di wad Perubatan pada tahun 2016 menunjukkan wad 9SB mencatatkan peratusan paling tinggi iaitu dengan 90.6% diikuti dengan wad Kardiak Intervensi (ICW) dengan 89.6%.

Rajah (di bawah) menunjukkan perbandingan purata kadar pematuhan membasuh tangan di wad-wad Perubatan pada tahun 2015 dan 2016.

**Rajah : Kadar Pematuhan Membasuh Tangan di Wad Perubatan
Tahun 2015 & 2016**




Pada tahun 2016, purata kadar pematuhan membasuh tangan di wad Surgikal menunjukkan wad 9TD mencatatkan peratusan paling tinggi iaitu dengan 75.3% diikuti dengan wad 6U dengan 71.66%. Manakala di Jabatan Surgeri Ortopedik, wad 9U merekodkan peratusan pematuhan membasuh tangan paling tinggi dengan

77.35% diikuti wad 8U dengan 70.76% pada tahun 2016.

Rajah(dibawah) menunjukkan perbandingan purata kadar pematuhan membasuh tangan di wad-wad Surgikal pada tahun 2015 dan 2016.

**Rajah : Kadar Pematuhan Membasuh Tangan di Wad Surgikal
Tahun 2015 & 2016**




Berdasarkan Rajah (di bawah), purata kadar pematuhan membasuh tangan di wad Pediatrik pada tahun 2016 menunjukkan wad PBMT mencatatkan peratusan paling tinggi iaitu dengan 99.14% diikuti dengan wad NICU dengan 97.1%. Manakala di wad Obstetrik & Ginekologi, wad 10U merekodkan peratusan pematuhan membasuh tangan paling tinggi

dengan 89.71% diikuti wad ANW (Antenatal) dengan 79.85% pada tahun 2016.

Rajah(dibawah) menunjukkan perbandingan purata kadar pematuhan membasuh tangan di wad-wad Pediatrik dan Obstetrik & Ginekologi pada tahun 2015 dan 2016.


Rajah : Kadar Pematuhan Membasuh Tangan di Wad Pediatrik dan Obstetrik & Ginekologi Tahun 2015 & 2016



Rajah(dibawah)menunjukkanperbandingan purata kadar pematuhan membasuh tangan di lain-lain wad pada tahun 2015 dan 2016. Berdasarkan Rajah (di bawah), semua

wad yang dinyatakan dalam rajah tersebut mencatatkan peningkatan dalam peratusan pematuhan membasuh tangan pada tahun 2016 berbanding tahun sebelumnya.

Rajah : Kadar Pematuhan Membasuh Tangan di Lain-lain Wad Tahun 2015 & 2016



Jadual (di bawah) menunjukkan perbandingan jumlah pembedahan elektif dan kecemasan yang telah dijalankan bagi tahun 2014 hingga 2016. Berdasarkan jadual (di bawah), terdapat penurunan sebanyak 4.52% (5,919) pembedahan

elektif serta pembedahan kecemasan turut mencatatkan penurunan sebanyak 8.96% (6,535) pada tahun tersebut. Hal ini kerana berlakunya penurunan jumlah kemasukan pesakit dalam ke PPUM pada tahun tersebut.

**Jadual : Jumlah Pembedahan Elektif dan Kecemasan yang dijalankan
Tahun 2014 - 2016**

KEPAKARAN / SUB-KEPARAKAN	ELEKTIF			KECEMASAN		
	2014	2015	2016	2014	2015	2016
GYNAECOLOGY & OBSTETRICS	706	651	650	317	277	303
CARDIOTHORACIC	276	291	258	76	68	48
NEUROSURGERY	343	312	308	434	431	370
OBSTETRICS (O.T)	524	610	25	1,371	1,360	89
CAESARIAN SECTION	-	-	600	-	-	1,284
OPHTHALMOLOGY	579	544	565	52	64	50
OTORHINOLARYNGOLOGY	363	382	332	238	251	156
UROLOGY	623	665	625	262	274	195
GENERAL SURGERY	742	26	65	1,313	919	957
BREAST	85	333	314	0	62	26
HEPATOLOGY	13	96	104	0	81	11
COLORECTAL	54	203	203	0	199	36
UPPER GASTROINTESTINAL	-	109	99	-	30	8
ENDOCRINE	-	89	81	-	20	13
ORTHOPAEDIC SURGERY	1,260	1,258	1,132	2,877	2,764	2,713
PLASTIC	142	129	128	229	139	40
MAXILLOFACIAL	121	106	88	16	12	3
PAEDIATRICS	473	395	342	229	227	233
TOTAL	6,304	6,199	5,919	7,414	7,178	6,535


Sumber: Jabatan Kejururawatan

Pada tahun 2016, jumlah pembatalan pembedahan ke atas pesakit telah mencatatkan penurunan sebanyak 4.44% berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 5.66%. Antara sebab utama yang menyumbang kepada pembatalan pembedahan bagi kedua-dua tahun tersebut adalah kerana tiada masa dengan 301 kes pembatalan pembedahan pada tahun 2016 dan 443 kes pembatalan pembedahan bagi tahun

2015, di mana perkara ini berlaku apabila pesakit yang dikendalikan oleh Pakar Bedah terlalu ramai pada sesuatu masa sehingga pembedahan tidak dapat dilakukan pada masa yang ditetapkan.

Rajah (di bawah) menunjukkan sebab-sebab kepada pembatalan pembedahan yang direkodkan bagi tahun 2015 dan 2016.

Rajah : Sebab-sebab Pembatalan Pembedahan Tahun 2015 & 2016



Sumber: Jabatan Kejururawatan

STATISTIK KEWANGAN DAN SUMBER MANUSIA

Prestasi Perbelanjaan Operasi tahun 2016


Pada tahun 2016, perbelanjaan PPUM mencatatkan peningkatan sebanyak 0.65% iaitu RM535,718,389 berbanding tahun sebelumnya. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh dasar penjimatan dan perbelanjaan secara berhemah yang dilaksanakan oleh PPUM pada tahun tersebut.

Prestasi Keseluruhan Bajet Operasi tahun 2010 – 2016

Bagi tempoh tujuh tahun yang lalu (2010-2016), peruntukan Bajet Operasi PPUM meningkat daripada RM347,487,300 (2010) kepada RM516,526,000 (2016). Sementara itu, perbelanjaan bagi bajet mengurus mencatatkan peningkatan daripada RM397,426,129 (2010) kepada RM535,718,389 (2016).

Rajah (di bawah) menunjukkan laporan perbelanjaan PPUM pada tahun 2010 hingga 2016.

Rajah : Laporan Perbelanjaan PPUM Tahun 2010 – 2016




Sumber: Jabatan Kewangan

Berdasarkan rajah di bawah, peruntukan emolumen bagi staf PPUM pada tahun 2016 menunjukkan peningkatan sebanyak 7.81% iaitu RM295,001,198 berbanding tahun sebelumnya dan bilangan staf PPUM yang direkodkan pada tahun 2016 menunjukkan penurunan kepada 5,648 orang berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak 5,785 orang.

Rajah (di bawah) menunjukkan jumlah emolumen dan jumlah staf mengikut tahun 2008 hingga 2016 serta purata gaji bulanan dikalangan staf PPUM bagi tahun 2009 hingga 2016.

Rajah : Emolumen dan Jumlah Staf Tahun 2008 – 2016




Nota:

Jumlah staf adalah termasuk lantikan Kontrak, Sementara dll. (OS 29000)

Sumber: Jabatan Sumber Manusia

Purata emolumen bulanan dikalangan staf PPUM pada rajah di bawah merekodkan peningkatan sebanyak 9.45% (RM4,352.59)

pada tahun 2016 berbanding tahun 2015 (RM3,941.44).

Rajah: Purata Emolumen Bulanan dikalangan Staf PPUM Tahun 2009 - 2016

Kedudukan perjawatan dari segi bilangan perjawatan, pengisian dan kekosongan pada 31 Disember 2016 adalah seperti berikut:

Jadual : Kedudukan Perjawatan Tahun 2016

Kumpulan perkhidmatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan
Pengurusan Tertinggi	8	6	2
Pengurusan & Profesional	502	468	34
Pelaksana	4,985	4,872	113
Jumlah	5,495	5,346	149

Nota:

Berdasarkan lantikan bertaraf tetap sahaja.

Sumber: Jabatan Sumber Manusia

**Jadual : Kedudukan Perjawatan Mengikut Skim Perkhidmatan
Tahun 2015 dan 2016**

Bil.	Skim Perkhidmatan	Pengisianan 2015	Pengisianan 2016	Pengisian di Hospital KKM, 2015 ⁱ	Pengisian di Hospital Swasta, 2015 ⁱ
1	Pengarah (Terbuka)	1	1		
2	Timbalan Pengarah (Klinikal), Pegawai Perubatan	0	1		
3	Timbalan Pengarah (Pengurusan), Pegawai Tadbir	1	1		
4	Timbalan Pengarah (Ikhtisas), Pegawai Sains/Pegawai Dietetik/Pegawai Farmasi	1	1		
5	Sains (C)	31	29		
6	Sistem Maklumat (F)	49	49		
7	Kemahiran (H)	111	110		
8	Kejuruteraan (J)	107	108		
9	Keselamatan dan Pertahanan Awam (K)	128	145		
10	Perundangan dan Kehakiman (L)	1	1		
11	Pentadbiran dan Sokongan (N)	654	655		
12	Kewangan (W)	50	51		
13	Mahir/Sepuh Mahir/Tidak Mahir (R')	4	4		
14	Sosial (S)	29	28		
15	Perubatan dan Kesihatan (U)	4,347	4,162		
	Pegawai Perubatan	118	113	2,480	2,316
	Pegawai Perubatan SiswaZah	182	0		
	Penolong Pegawai Perubatan	37	42	641	418
	Pegawai Pemulihan Perubatan	38	43		
	Pegawai Farmasi	34	36	390	617
	Pegawai Farmasi Provisional	20	16		
	Penolong Pegawai Farmasi	71	71	228	179
	Pegawai Optometri	2	2	29	165
	Pegawai Dietetik	17	17		
	Juru X-Ray	177	178	212	
	Jururawat	2,096	2,108	4,585	6,374
	Pengajar	50	49		
	Jurupulih Perubatan	162	170	193	
	Juruteknologi Makmal Perubatan	264	263	680	
	Juruteknik Perubatan	25	25		
	Jururawat Masyarakat	17	11	724	18
	Penolong Jururawat	5	2		
	Pembantu Perawatan Kesihatan	1,032	1,016		
	Jumlah Keseluruhan	5,514	5,346		

Nota:

i = Data meliputi kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sahaja


Sumber : Jabatan Sumber Manusia

Sumber data perbandingan: Petunjuk Kesihatan (Health Indicators) 2016, Kementerian Kesihatan Malaysia

Merujuk kepada Rajah (di bawah), kadar pusing ganti (*turnover*) di kalangan kakitangan PPUM telah mencatatkan sedikit

peningkatan pada tahun 2016 iaitu sebanyak 1.9% berbanding tahun sebelumnya.


Rajah : Kadar Pusing Ganti (*Turnover*) Staf PPUM Tahun 2008 - 2016



Rajah (di bawah) menunjukkan purata perbelanjaan PPUM per pesakit secara keseluruhan bagi tahun 2010 hingga 2016. Pada tahun 2016, perbelanjaan keseluruhan PPUM per pesakit mencatatkan penurunan sebanyak 3.74% iaitu RM495.08 per pesakit berbanding tahun 2015 sebanyak RM514.29 per pesakit.

Perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan turut merekodkan penurunan sehingga 10.99% iaitu secara purata RM222.45 per pesakit berbanding tahun sebelumnya. Namun, purata perbelanjaan yang melibatkan emolumen menunjukkan sedikit peningkatan pada tahun 2016 iaitu sebanyak RM272.62 (3.12%) per pesakit berbanding tahun 2015.


Rajah : Purata Perbelanjaan PPUM per Pesakit Tahun 2010 - 2016



Rajah di bawah menunjukkan anggaran kos per pesakit luar bagi tahun 2010 hingga 2016. Berdasarkan rajah tersebut, anggaran

kos bagi setiap pesakit luar yang dicatatkan pada tahun 2016 adalah sebanyak RM58.81.

Rajah : Anggaran Kos per Pesakit Luar Tahun 2010 - 2016



Nota:

Anggaran kos tahun sebelumnya adalah berdasarkan kadar pertumbuhan pesakit luar yang hadir ke PPUM – *Baseline data*

Sebagai rumusan, PPUM telah melaksanakan beberapa penambahbaikan bagi membolehkan PPUM menyediakan perkhidmatan perawatan kesihatan yang terbaik di samping menyediakan kemudahan pengajaran dan penyelidikan untuk Fakulti Perubatan Universiti Malaya. Sebagai sebuah hospital pengajaran yang pertama di negara ini, PPUM menjanjikan komitmen yang terbaik dalam memberikan perkhidmatan yang tercanggih dan lengkap dengan pelbagai perkhidmatan kepakaran.

Sekian, terima kasih.



**Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman bin
Zainol Abidin**
Pengarah
Pusat Perubatan Universiti

CARTA
ORGANIZA
SASI



CARTA ORGANISASI



**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
MALAYA**

PENGARAH

- JABATAN AUDIT DALAM
- JABATAN KUALITI DAN TADBIR URUS KLINIKAL
- JABATAN PERHUBUNGAN AWAM
- UNIT PERUNDANGAN
- UNIT KESELAMATAN
- UNIT INTEGRITI DAN TADBIR URUS KORPORAT

TIMBALAN PENGARAH
(IKHTIAS)

- JABATAN FARMASI
- JABATAN MAKLUMAT PESAKIT
- JABATAN DIETETIK
- JABATAN KERJA SOSIAL PERUBATAN
- UNIT FIZIK PERUBATAN
- UNIT PERKHIDMATAN MAKMAL DIAGNOSTIK



**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
M A L A Y A**



CARTA ORGANISASI

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA 2016

.....

**TIMBALAN PENGARAH
(KLINIKAL)**

- JABATAN PERUBATAN
- JABATAN SURGERI
- JABATAN SURGERI ORTOPEDIK
- JABATAN PEDIATRIK
- JABATAN ANESTESIOLOGI
- JABATAN OBSTETRIK & GINEKOLOGI
- JABATAN OTORINOLARINGOLOGI
- JABATAN OFTALMOLOGI
- JABATAN PERUBATAN PSIKOLOGI
- JABATAN PERUBATAN RAWATAN UTAMA
- JABATAN PERUBATAN PEMULIHAN
- JABATAN PATOLOGI
- JABATAN MIKROBIOLOGI PERUBATAN
- JABATAN PERUBATAN KECEMASAN
- JABATAN ONKOLOGI KLINIKAL
- JABATAN PERUBATAN KESUKANAN
- ABATAN PATOLOGI FORENSIK
- JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI
- JABATAN PENGIMEJAN BIOPERUBATAN
- JABATAN KAWALAN JANGKITAN
- JABATAN KEJURURAWATAN
- JABATAN KESIHATAN AWAM
- UNIT KESIHATAN STAF DAN PELAJAR
- UNIT PENJAGAAN DIABETES
- UNIT GENETIK PERUBATAN
- JABATAN PUSAT PENYELIDIKAN KLINIKAL (CIC)

.....

**TIMBALAN PENGARAH
(PENGURUSAN)**

- JABATAN SUMBER MANUSIA
- JABATAN KEJURUTERAAN
- JABATAN PEROLEHAN
- JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
- JABATAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN
- JABATAN KEWANGAN
- UNIT FASILITI DAN KEMUDAHAN AM
- UNIT PENGURUSAN PSIKOLOGI & KAUNSELING
- UNIT KEJURUTERAAN BIOMEDIKAL
- KOLEJ SAINS KESIHATAN

- PERKHIDMATAN PENSWASTAAN

STRUKTUR GOVERNANCE **PPUM DAN FPUM** DI UNIVERSITI MALAYA



LEMBAGA PENGURUS & PENGURUSAN PPUM



PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
M A L A Y A

LEMBAGA PENGURUS PPUM 2016



01 Pengerusi

(Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaya)

Dato' Seri Ir. Mohamad Othman bin Zainal Azim

Ahli-ahli

02 Naib Canselor Universiti Malaya

YBhg. Profesor Dato' Dr. Mohd Amin bin Jalaludin

03 Pengarah Pusat Perubatan Universiti Malaya

YM Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman bin Tunku Zainol Abidin

04 Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya

Profesor Dato' Dr. Adeeba binti Kamarulzaman

05 Wakil, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan

Dr. Mastura binti Abdul Karim

06 Wakil, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia

Dr. Ahmad Nazri bin Sulaiman

07 Wakil, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan

Dr. Ahmad Razid bin Salleh

08 Setiausaha Lembaga Pengurus

Timbalan Pengarah (Pengurusan) Pusat Perubatan Universiti Malaya

Encik Iskandar bin Ahmad

PENGURUSAN TERTINGGI PPUM



01 Pengarah
YM Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman bin Tunku Zainol Abidin

02 Timbalan Pengarah (Klinikal)
Profesor Madya Dr. Nazirah binti Hasnan

03 Timbalan Pengarah (Pengurusan)
Encik Iskandar bin Ahmad

04 Timbalan Pengarah (Ikhtisas)
Puan Harbans Kaur a/p Harcharan Singh

AHLI MESYUARAT PENGURUSAN PPUM




05 Ketua Akauntan
Encik Hashim bin Anuar

06 Ketua Juruaudit
Puan Maisarah binti Abdul Rahman



JABATAN
KESIHATIAN

JABATAN KLINIKAL



PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
M A L A Y A

JABATAN KAWALAN JANGKITAN

Jabatan Kawalan Jangkitan memberi perkhidmatan kawalan infeksi yang efektif dalam mencegah dan mengawal penyakit berjangkit. Jabatan juga

berusaha untuk meningkatkan kualiti dan tahap kesihatan pesakit dan juga mengurangkan kadar jangkitan nosokomial.

Statistik Program-program Yang dijalankan oleh Jabatan Kawalan Jangkitan

Point Prevalence Survey

Jenis Infeksi	Bilangan kes	
	April 2016	Oktober 2016
Pneumonia	14	16
Bloodstream infection	0	0
Surgical Site Infection-Superficial (SSI)	0	2
Surgical Site Infection-Deep (SSI)	1	2
Surgical Site Infection-Organ/space (SSI)	1	0
Clinical sepsis	0	1
UTI	20	11
No. of patients with HCAI	32	31
HCAI Prevalence Percentage (%)	4.12	3.89

Data Hand Hygiene

Data MDRO

	MRSA	ESBL Kleb	ESBL E.Coli	MDRAB	CRE	Colistin Resistant CRE	VRE	Jumlah
Jan	W22	19	11	23	19	4	1	99
Feb	9	18	4	22	9	2	1	65
Mac	20	26	9	29	13	0	3	100
Apr	19	27	10	35	9	2	0	102
Mei	16	28	10	34	6	0	0	94
Jun	18	32	6	32	11	0	0	99
Jul	16	24	8	21	6	0	0	75
Ogos	16	23	6	36	9	0	0	90
Sept	17	9	6	29	11	0	1	73
Okt	10	21	7	28	3	1	1	71
Nov	20	11	7	29	7	0	5	79
Dis	21	22	7	20	16	0	5	91

JABATAN MIKROBIOLOGI PERUBATAN

Makmal Diagnostik Mikrobiologi memberi perkhidmatan diagnostik makmal kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya, Pusat Pakar Universiti Malaya, serta makmal dan hospital swasta.

Permintaan untuk Perkhidmatan Diagnostik Makmal secara keseluruhannya menurun sebanyak -2.38% daripada 330,694 bagi tahun 2015 kepada 322,814 pada

tahun 2016. Bidang perkhidmatan yang mengalami peningkatan permintaan adalah perkhidmatan diagnostik Serologi & Imunologi (1.04%) dan Virologi (1.63%), manakala perkhidmatan yang mengalami penurunan adalah Bakteriologi (-7.64%), Mikologi (-8.08%), Mikobakteriologi (-12.18%) dan makmal Advanced Diagnostik (-7.78%).

Permintaan Mengikut Perkhidmatan

Permintaan Untuk Perkhidmatan Diagnostik Makmal	2016	2015	Perbezaan (%)
Bakteriologi (termasuk kawalan jangkitan)	100,270	108,574	-7.64
Serologi & Immunologi	42,550	42,113	1.04
Virologi (termasuk HIV/ Hepatitis, saringan Jab Transfusi dan Pemindahan Organ)	158,054	155,521	1.63
Mikologi	3,574	3,888	-8.08
Mikobakteriologi (TB)	12,546	14,287	-12.18
“Advanced Diagnostic” (molekular)	5,820	6,311	-7.78
JUMLAH	322,814	330,694	-2.38

Pusat Perubatan Universiti Malaya kekal sebagai pelanggan utama iaitu sebanyak 301,221 permintaan ujian atau 93.31%,

selebihnya adalah daripada pelanggan luar iaitu hospital/ klinik dan makmal swasta serta hospital awam yang lain.

Permintaan Mengikut Pelanggan

Pelanggan Perkhidmatan Makmal Diagnostik Mikrobiologi	Jumlah Permintaan	% Permintaan
Pusat Perubatan Universiti Malaya	301,221	93.31
<i>University Malaya Specialist Centre</i>	11,658	3.61
Hospital, Klinik dan Makmal Swasta	9,478	2.93
Hospital Awam Kerajaan	375	0.12
Lain-lain	82	0.03
JUMLAH	322,814	100

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan

Makmal diagnostik termaju, makmal diagnostik bakteriologi, makmal diagnostik HIV & hepatitis, bilik pencucian dan pensterilan serta bilik utiliti tidak termasuk dalam pengubahsuaian bagi tahun 2016.

Oleh itu kawasan ini masih lagi mempunyai permasalahan dari segi posisi peralatan makmal dan ruang bekerja yang masih tidak mematuhi syarat biokeselamatan dan akreditasi sepenuhnya.

JABATAN OBSTETRIKS DAN GINEKOLOGI

Jabatan Pediatrik juga terlibat dalam menyediakan program pengajaran fakulti untuk para penuntutnya dan akan memastikan program pengajaran tersebut berkualiti, bersesuaian dan terkini dimana ia akan memenuhi piawaian dan kehendak yang digariskan.

Jabatan juga berperanan dalam menyumbang dan berkongsi kepakaran dan maklumat yang ada dengan sesiapa yang berminat melalui bengkel-bengkel dan simposium yang akan diadakan dari masa ke semasa.

Klinik Antenatal - Klinik ini memberitupuan kepada penekanan aspek pengurusan kesihatan kepada ibu-ibu mengandung. Program-program pendidikan yang dirangka adalah seperti ceramah atas penyusuan susu ibu, proses bersalin, menjagaan semasa hamil, pemakanan dan senaman. Jumlah kehadiran pesakit baru ke Klinik Antenatal adalah seramai 5,064 orang pada tahun 2016 berbanding pada tahun 2015 seramai 4,909 orang.

Bilangan Pesakit Yang Hadir Ke Klinik Antenatal

	Bilangan Pesakit	
	2016	2015
Pesakit Baru (New Booking)	5,064	4,909
Rawatan Susulan (ANC)	13,551	12,297
Rawatan Susulan (PNC)	589	713

Klinik Ginekologi - Klinik ini memberi rawatan kepada pesakit-pesakit yang menghadapi masalah sakit puan serta ibu mengandung di bawah 12 minggu yang menghadapi masalah dengan kehamilan mereka.

Statistik Kehadiran Pesakit ke Klinik Ginekologi

	2016	2015
Jumlah kehadiran pesakit ke Klinik Ginekologi	13,683	13,101

Khidmat Ultrasound - Unit Ultrasound di bawah jabatan ini menyediakan perkhidmatan pemeriksaan seperti berikut:-

- *Obstetrics Ultrasound*
- *Gynaecology Ultrasound*
- *Invasive Prenatal Procedure*
 - *Amniocentesis*
 - *Chorionic Villus Sampling (CVS)*
 - *Cordocentesis*

Pada tahun 2016, bilangan pemeriksaan ujian ultrasound yang dijalankan terhadap pesakit adalah sebanyak 12,899 pemeriksaan berbanding tahun sebelumnya iaitu 11,326 pemeriksaan. Jumlah pesakit yang datang untuk pemeriksaan bertambah sebanyak 1,573 orang berbanding tahun sebelumnya.

Rawatan Kehamilan Awal - memberi rawatan kepada ibu-ibu mengandung yang mempunyai masalah di awal kehamilan (usia kandungan bawah 12 minggu) contohnya seperti berlaku pendarahan, keguguran, kehamilan ektopik, serta mengalami muntah-muntah semasa mengandung. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah dengan memberikan perkhidmatan diagnosis, kaunseling serta rawatan susulan untuk jangka masa pendek bagi menyelesaikan isu kehamilan awal ini.

Pre - Assessment Centre (PAC) - memberi rawatan kepada ibu-ibu mengandung yang di awal proses bersalin dan juga CTG untuk memantau kesihatan bayi.

Kardiotokogram (CTG) - Menyediakan perkhidmatan kardiotokogram (CTG) bagi ibu mengandung yang usia kandungannya telah mencapai minggu yang ke - 30 dan ke atas untuk mengetahui dengan lebih

lanjut keadaan bayi dan juga kadar denyutan jantung bayi serta untuk melihat kontraksi ibu yang telah melebihi tarikh jangkaan bersalin.

Urodinamik – menyediakan kemudahan rawatan untuk membuat analisa kebolehan pundi kencing untuk menahan kencing. Sekiranya pesakit tersebut telah didiagnos sebagai mempunyai prolapsed uterus, mereka akan dirujuk ke Klinik Ginekologi PPUM untuk mendapat rawatan seterusnya.

Histeroskopi – rawatan ini adalah untuk melihat dengan lebih lanjut pendarahan atau masalah di dalam rahim untuk rawatan lanjut. Membuat pemeriksaan ke atas pesakit-pesakit yang mempunyai masalah sakit puas (rahim) dengan menggunakan skop.

Kolposkopi – rawatan untuk peringkat awal perubahan kepada serviks yang boleh membawa kepada barah pangkal rahim.

Rawatan Kemandulan/ Infertiliti – Menyediakan kemudahan rawatan IVF/ICSI dan IUI kepada pesakit yang memerlukan rawatan kesuburan untuk tujuan mendapatkan zuriat. Rawatan-rawatan yang disediakan adalah :-

- Kaunseling untuk pasangan yang menghadapi masalah Infertiliti (Ketidaksuburan)
- Teaching & Consultation
- Seminal Fluid Analysis
- Intrauterine Insemination (IUI) – di mana sperma akan dimasukkan ke dalam rahim wanita untuk membantu pasangan mendapatkan zuriat.
- In-Vitro Fertilization (IVF) – Bayi Tabung Uji di mana ianya menggunakan hormon bagi tujuan merangsang folikel untuk disenyawakan didalam makmal apabila tiba waktunya matang.
- Intracytoplasmic Sperm Injection (ICSI) – rawatan ini dilakukan dengan memasukkan satu sperma ke dalam telur yang telah dikeluarkan dari ovari wanita.

Statistik Reproduktif 2016

Bilangan Pesakit Menjalani Rawatan Kesuburan IVF

Cancelled Cycle	9
IVF Ovum Pick Up	90
Frozen Embryo Transfer (FET)	11
Embryo Freezing	30
TOTAL PREGNANCY IVF	15
TOTAL PREGNANCY FET	3
PERCENTAGE PREGNANCY PER EMBRYO TRANSFER	21.25%
PERCENTAGE PREGNANCY FOR FROZEN EMBRYO TRANSFER (PER EMBRYO TRANSFER)	30%

Bilangan Pesakit Menjalani Rawatan Kesuburan IUI (Januari - November 2016)

TOTAL CYCLE	321
CANCELLED CYCLE	94
COMPLETED INTRA UTERINE INSEMINATION CYCLE	138
TIME SEXUAL INTERCOURSE(TSI)	89
PERCENTAGE INTRA UTERINE INSEMINATION PREGNANCY	6.52%
PERCENTAGE TIME SEXUAL INTERCOURSE PREGNANCY	5.62%

Bilangan dan Jenis Kelahiran di Wad Bersalin

Suit Bersalin – Bagi Suit Bersalin pula, bilangan pesakit yang dimasukkan pada tahun 2016 ialah seramai 5,301 orang.

Jenis Kelahiran (Singleton)	2016	2015
SVD	3,036	3,155
Breech	39	25
Vacuum	308	284
Forceps	126	75
Elective LS CS	643	594
Emergency LS CS	1,324	1,025
TOTAL DELIVERIES	5,476	5,158

**Bilangan Kematian
Semasa Kelahiran**

JENIS	2016	2015
MATERNAL DEATH (MOTHER)	2	0
KEMATIAN FSB& MSB	34	13
KEMATIAN NND	12	9

Statistik Pembedahan OBS & GINE

	2016		2015	
	Elective	Emergency	Elective	Emergency
OT Obs	608	1374	610	1,360
OT Gine	594	273	653	281

Statistik Pembedahan Ginekologi

Bil.	Jenis Pembedahan	Elektif	Kecemasan
1.	Abdominal Wall Tumor resection	1	0
2.	Bartholin Marsupolization	1	5
3.	Changing of JJ Stent	1	
4.	Chemoport	1	
5.	Colostomy	1	
6.	Colpodeisis & Penneorraphy	2	
7.	Colposcopy & LLETZ	1	
8.	Cystectomy	7	4
9.	Cystectomy, Oophorectomy + Omentectomy + Appendicectomy	1	
10.	Cystoscopy	4	
11.	Debulking Surgery	10	1
12.	Defunctioning Transverse Colostomy	1	
13.	Diag. Lap Convert to Salphingo - oopharectomy	1	
14.	EL LCSC & TAH & Cystoscopy & JJ Stenting & Partial Resection of Bladder	1	
15.	ERPOC	17	40
16.	EUA ± Proceed (resection/repair/drainage/cystoscopy etc)	16	8
17.	Excision Biopsy	8	
18.	Exploratory Laparotomy	2	1
19.	Hysterectomy/TAH	19	1
20.	Hysteroscopy DD +C/D+C	78	4
21.	Hysteroscopy, Polypectomy + Myomectomy	1	
22.	Hysteroscopy, Removal of IUCD	1	
23.	Incision + Drainage	3	6
24.	Insertion Of Tenckhoff Catheter	2	
25.	Lap + Salphingectomy		1
26.	Lap + Dye Test	3	
27.	Lap Bil Salphingo - Oophorectomy	3	1
28.	Lap Dye Test and Adhesidysis	1	
29.	Lap. BTL	2	
30.	Lap. Cystectomy	60	7
31.	Lap. Myomectomy	5	
32.	Lap. Radical Hysterectomy	1	
33.	Laparatomy Defunctioning colostomy		1
34.	Laparoscopy + Drainage	5	3
35.	Laparoscopy ± Salphingectomy	38	90
36.	Laparotomy - Removal of Uterine Horn	1	
37.	Laparotomy Repair of VVF + Omental Flap	1	
38.	Laparotomy-Ovary Reconstruction		1

39.	Laporotomy - side to side anastomosis		1
40.	LAVHBSO	4	
41.	LLETZ	5	
42.	LSCS		8
43.	LSCS & TAH	2	
44.	Minilaparotomy + Tubal Patency Test	1	
45.	MRP		2
46.	Myomectomy	16	2
47.	Oophorectomy	1	2
48.	Polypectomy	1	
49.	Prophylactic BSO	1	
50.	Pseudocyst	1	
51.	Radical Parametrectomy	1	
52.	Radical Vulvectomy	1	
53.	Radical Vulvectomy & Inguinal LND	2	
54.	Relaparotomy		4
55.	Relaparotomy Burst Abdomen		2
56.	Relaparotomy, Pelvic Washout, Debridment of Slough and Resuturing		2
57.	Removal Chemoport		2
58.	Removal J.J Stent	3	
59.	Removal of Impacted Gellhorn	1	
60.	Removal of stucked Radivac Drain		1
61.	Secondary Suturing Cytoreductive Surgery (THBSO)	1	
62.	Secondry Suturing	3	5
63.	SPC Insertion	1	
64.	Staging Laparotomy, PLND	9	
65.	Suction, Curettage and Polypectomy	4	12
66.	TAH & Cholecystectomy	1	
67.	TAHBSO & Anterior Wall Repair	94	
68.	TAHBSO & PLND	37	
69.	TAHBSO & PND, Anterior and Posterior Fascial Repair, Perineorraphy	1	
70.	TAHBSO + Bilateral Ureteric Stenting	1	
71.	TAHBSO, Omentectomy, PLND, Appendicectomy	5	2
72.	TLHSO & PLND	34	
73.	Trans Resection Of Cervical Fibroid	1	
74.	Upper Vaginectomy	1	
75.	Vaginal Hysterectomy + Repair ± SSF	15	
76.	Wertheim's Hysterectomy	7	

Unit Ginekologi Onkologi

Unit Ginekologi Onkologi adalah merupakan pusat rawatan tertiari bagi pengurusan barah sistem peranakan wanita (uterus, serviks, ovari, vulva dan vagina). Jabatan O&G bekerjasama dengan Jabatan Klinikal Onkologi dalam memberikan perkhidmatan kanser yang menyeluruh. Ini termasuk rawatan pembedahan, kemoterapi dan radioterapi.

Gabungan pakar dari pelbagai bidang disiplin bersama jururawat-jururawat terlatih

memberi perkhidmatan yang mantap dari diagnosa dan perawatan yang setimpalnya secara holistik.

Unit Ginekologi Onkologi juga aktif berkecimpung di dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan yang melibatkan perawatan pesakit seperti 'Clinical Trials' dan juga yang melibatkan ujikaji makmal seperti genetik, histopatologi dan 'translational research' yang dijalankan bersama kolaborasi antarabangsa.

JABATAN ONKOLOGI KLINIKAL

Perkhidmatan pesakit luar- menawarkan perkhidmatan pesakit luar untuk pesakit baru yang datang dengan surat rujukan atau pesakit lama yang datang dengan janji temu susulan dan masalah baru. Perkhidmatan tambahan seperti klinik psiko-onkologi yang dikendalikan oleh pegawai perubatan dari Jabatan Psikologi Perubatan dan dietetiks (nasihat pemakanan) yang dikendalikan oleh Unit Dietetik juga ada disediakan mengikut keperluan pesakit.

Perkhidmatan Pusat Rawatan Harian

- menyediakan perkhidmatan rawatan kimoterapi, ubat-ubatan biologik dan supportif, pengambilan darah, pemberian suntikan serta '*flushing chemoport*' dan juga perkhidmatan '*wound dressing*'. Selain itu perkhidmatan pendidikan kesihatan diberi kepada setiap pesakit yang akan menjalani rawatan kimoterapi atau biologik untuk pertama kali.

Perkhidmatan Radioterapi-menyediakan perkhidmatan perancangan rawatan yang meliputi prosedur simulasi dan perancangan berkomputer, selain daripada perkhidmatan rawatan radioterapi.

Perkhidmatan pesakit luar - menawarkan perkhidmatan pesakit luar untuk pesakit baru yang datang dengan surat rujukan atau pesakit lama yang datang dengan janji temu susulan dan masalah baru. Perkhidmatan tambahan seperti klinik psiko-onkologi yang dikendalikan oleh pegawai perubatan dari Jabatan Psikologi Perubatan dan dietetiks (nasihat pemakanan) yang dikendalikan oleh Unit Dietetik juga ada disediakan mengikut keperluan pesakit.

Perkhidmatan Pusat Rawatan Harian

- menyediakan perkhidmatan rawatan kimoterapi, ubat-ubatan biologik dan supportif, pengambilan darah, pemberian suntikan serta '*flushing chemoport*' dan juga perkhidmatan '*wound dressing*'. Selain itu perkhidmatan pendidikan kesihatan diberi kepada setiap pesakit yang akan menjalani rawatan kimoterapi atau biologik untuk pertama kali.

Perkhidmatan Radioterapi-menyediakan perkhidmatan perancangan rawatan yang meliputi prosedur simulasi dan perancangan berkomputer, selain daripada perkhidmatan rawatan radioterapi.

Perkhidmatan Terbaharu Yang Diperkenalkan

Rawatan Intra-Operative Radiotherapy (IORT)

Jabatan Onkologi Klinikal dengan kerjasama Breast Surgery Team telah memperkenalkan prosedur rawatan kanser payudara bermula 11 Mac 2016. Rawatan ini dijalankan dengan menggunakan alat intrabeam (Carl Zeiss®, Germany). Rawatan ini dijalankan setelah pakar bedah payudara memasukkan applicator ke kawasan sasaran dan pakar onkologi mengesahkan preskripsi dos pesakit. Teknik rawatan ini menggunakan teknik sinaran radiasi untuk membunuh tisu-tisu di sekeliling kawasan ketumbuhan (tumour bed) setelah pesakit menjalani pembedahan untuk menghalang keupayaan sel kanser daripada merebak. Sejak perkhidmatan ini dimulakan seramai 7 orang pesakit telah berjaya menjalani rawatan menggunakan prosedur ini.

Pengenalan Prosedur Baharu

Prosedur Stereotaktik Radiosurgery/radiotherapy (SRS/SRT) bagi kes Arteriovenous Malformation (AVM), Trigiminal Neuralgia (TN) dan Cervical Spine Stereotaktik Body Radiotherapy (SBRT)

Prosedur baharu telah diperkenalkan pada bulan Mei 2016 ini memberi rawatan kepada pesakit yang mengalami penyakit Arteriovenous Malformation (AVM), Trigiminal Neuralgia (TN) dan ketumbuhan pada cervical spine. Kes pertama telah dijalankan pada 26 Mei 2016 dengan bantuan pakar dari Epworth Radiation Oncology Department, Richmond Australia yang dijemput khas oleh pihak Brainlab. Pemberian rawatan bagi ketiga -tiga jenis ketumbuhan ini memerlukan teknik khas

semasa membuat pelan perancangan berkomputer yang dikendali oleh Pegawai Sains (Fizik) di Jabatan Onkologi Klinikal. Penentuan lokasi ketumbuhan Arteriovenous Malformation (AVM) dengan lebih tepat menggunakan gabungan imej diagnostik Digitally Subtracted Angiogram (DSA) dan imej Magnetic Resonance Imaging (MRI). Manakala, rawatan Trigeminal Neuralgia (TN) memerlukan kepakaran dari aspek anatomi dalam penentuan saraf yang terlibat. Seramai 48 orang pesakit telah menerima rawatan dengan menggunakan prosedur baharu ini sejak ia mula digunakan.

Stereotactic Body Radiotherapy (SBRT)

Kes pertama rawatan SBRT tulang belakang (spine) adalah pada 27 Januari 2016 manakala, kes pertama SBRT peparu (lung)

adalah pada 25 Julai 2016. Sehingga Januari 2017, sebanyak 8 kes SBRT tulang belakang (spine) dan 5 kes SBRT peparu (lung) telah berjaya dilaksana dan dikendalikan sepenuhnya oleh kumpulan SBRT PPUM. Rawatan bagi kes pertama pada mulanya mengambil masa selama 1-11/2 jam. Namun, masa rawatan kini semakin berkurangan kepada 20-40 minit untuk satu kes rawatan SBRT dengan peningkatan kemahiran kesemua ahli profesional. Perjumpaan secara berkala selepas rawatan setiap pesakit di kalangan ahli profesion diadakan bagi memperbaiki dan meningkatkan mutu dan tahap perawatan SBRT. Kajian penyelidikan berkaitan keberkesanan rawatan SBRT tulang belakang (spine) juga sedang dijalankan bagi tujuan penyeliaan prosedur rawatan SBRT yang diberikan.

Statistik Pesakit Mengikut Jenis Perkhidmatan

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Baru	1,438	1,331	-3.9
Pesakit Susulan	9,282	8,756	-2.9
Kimoterapi	5,019	5,293	2.6
Pengambilan Darah	9,805	9,811	0.03
Brakiterapi	96	166	26.7
Radioterapi	11,056	11,423	1.6
Simulasi	836	897	3.5
IORT	-	7	100
SRS/SRT	-	48	100
Pencucian Luka/ Flushing Chemoport	2,103	2,423	7
PengajaranKesihatan	1,353	1,167	-7.3
Jumlah	41,072	41,325	0.3

Penurunan jumlah pesakit baru dan rawatan susulan adalah disebabkan langkah yang diambil oleh pihak jabatan mengurangkan penerimaan pesakit baharu bagaimanapun untuk memastikan kelancaran ubahsuai jabatan onkologi yang dirancang bermula Oktober 2016.

Masalah Yang Dihadapi oleh Jabatan

Jabatan masih kekurangan jururawat onkologi untuk memberikan perawatan kanser yang sempurna, efisyen dan berkualiti dengan pertambahan pesakit yang menerima rawatan dan juga regim kimoterapi yang diubahsuai.

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

Mewujudkan sistem pengurusan dan perkhidmatan perubatan dan kesihatan yang bersepadu, selamat, selesa dan berterusan bagi meningkatkan taraf kesihatan masyarakat kearah menjadikan sistem Pusat Perubatan lain Negara.

Jabatan Otorinolaringologi menawarkan perkhidmatan perundingan, pemeriksaan telinga, hidung dan tekak, endoskopi dan diagnostik, serta perawatan dan pembedahan berdasarkan maklumat terkini dan perawatan termaju. Hasil objektifnya adalah untuk mengurangkan kadar morbiditi dan mortaliti penyakit telinga, tekak, hidung, barah leher dan kepala.

Unit Vestibular

Perkhidmatan yang disediakan di unit Vestibular adalah seperti berikut:

Full ENG (Electronystagmography) Testing. Both video or electrode recording

Electronystagmography (ENG) adalah ujian diagnostic untuk merakam gerakan tidak terkawal dari mata disebabkan oleh keadaan yang dikenali sebagai nystagmus. Ujian ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan diagnosis penyebab vertigo, pening atau masalah keseimbangan dengan menguji sistem vestibular pesakit. Senarai ujian yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Nystagmus testing
- Caloric testing
- Saccade testing
- Smooth pursuit testing
- Optokinetic testing

Air Caloric testing

Air caloric testing (vestibular caloric stimulation) adalah ujian dari vestibulo-mata refleks yang melibatkan udara sejuk atau hangat yang dihembus ke dalam saluran pendengaran dalam tempoh masa yang tertentu. Pergerakan mata semasa dan selepas setiap hembusan udara akan direkodkan untuk tujuan diagnosis.

Kerusi putaran

Tujuan ujian kerusi putaran adalah untuk menentukan sama ada ada vestibular (telinga) atau sistem saraf adalah punca gangguan keseimbangan badan. Apabila seseorang mengerakkan kepala mereka, sistem vestibular menghantar isyarat yang berterusan kepada otak mengemaskini atas kedudukan kepala itu. Ini menyebabkan isyarat tambahan untuk dihantar ke otot-otot mata melalui refleksokular vestibular (VOR). Untuk setiap pergerakan kepala dalam satu arah, terdapat pergerakan mata ke arah yang bertentangan. Ujian kerusi putaran sangat membantu dalam mengesan kehilangan dua hala (tiada fungsi dalam kedua-dua telinga) fungsi vestibular atau jika terdapat keabnormalan cerebellar motor okular.



Unit Audiologi

Ujian Universal Newborn Hearing Screening (UNHS)

Setelah beberapa tahun merancang, akhirnya pada tanggal 1 Ogos 2016, Unit Audiologi, Jabatan Otorinolaringologi dengan kerjasama Jabatan Pediatrik dan Ginekologi telah Berjaya memulakan Program Universal Newborn Hearing Screening (UNHS). Program ini adalah bertujuan mengesan masalah pendengaran di kalangan bayi yang lahir di PPUM. Ujian saringan pendengaran dilakukan sebelum mereka dibenarkan *discharge* dari hospital

Statistik Pesakit Unit Audiologi

Pesakit	2015	2016	Perbezaan (%)
Kes Baharu	3,562	5,249	47.4
Kes Lama	2,703	2,964	9.7
Jumlah	6,265	8,213	31.1

Statistik Pesakit Dewasa Mengikut Jenis Masalah Pendengaran

Jenis	2015	2016
Kehilangan Pendengaran Sensorineural	3,118	3,489
Kehilangan Pendengaran Konduktif	597	497
Kehilangan Pendengaran Bercampur	559	517
Pendengaran Normal	637	659
Jumlah	4,911	5,162

Statistik Pesakit Kanak-kanak Mengikut Jenis Masalah Pendengaran

Jenis	2015	2016
Kehilangan Pendengaran Sensorineural	254	278
Kehilangan Pendengaran Konduktif	473	924
Kehilangan Pendengaran Bercampur	12	12
Pendengaran Normal	887	2,196
Jumlah	1,626	3,410

Statistik Pesakit Mengikut Jenis Ujian Audiologi

Jenis Ujian	2015	2016
Ujian Pure Tone Audiometry (PTA)	3,932	3,789
Ujian Impedans Akustik	3,538	3,312
Hearing Aid Evaluation	1,424	1,384
Hearing Aid Recommendation	373	285
Ujian "Auditory Brainstem Response" (ABR)	505	334
Ujian Otoacoustic Emission (OAE)	560	863
Ujian Saringan UNHS (OAE)	-	1,645
Evaluasi Implan Koklea	90	142
Jumlah	10,422	11,754

Unit Terapi Pertuturan

Menjalankan penilaian dan diagnosis pesakit yang mempunyai masalah komunikasi, memberi terapi pertuturan dan bahasa yang efektif, memberi kaunseling nasihat dan

panduan kepada pesakit dan ahli keluarga bagi meningkat keupayaan komunikasi serta menjalankan terapi berkumpulan kepada pesakit-pesakit yang mengalami masalah komunikasi tertentu dalam pertuturan.

Statistik Pesakit Unit Terapi Pertuturan

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Baharu	420	329	-21.6
Pesakit Susulan	1,416	1,283	-9.39
Jumlah	1,836	1,612	-12.20

JABATAN PATOLOGI FORENSIK

Jabatan Patologi Forensik merupakan jabatan yang menyediakan perkhidmatan bilik mayat dan pemeriksaan bedah siasat bagi memenuhi standard, peraturan dan undang-undang sejajar dengan visi, misi dan nilai teras PPUM.

Jabatan Patologi Forensik menawarkan perkhidmatan seperti berikut:

Perkhidmatan Bilik Mayat

Jabatan ini merupakan laluan transit keluar mayat-mayat dari wad PPUM, dewan bedah dan perubatan kecemasan untuk diserahkan kepada waris atau pihak yang menuntut. Perkhidmatan menyimpan mayat disediakan sebelum mayat-mayat dituntut oleh waris atau dilepaskan oleh pihak polis setelah selesai siasatan.

Perkhidmatan Bedah Siasat

Perkhidmatan ini dilaksanakan atas permintaan pihak polis/mahkamah atau Pegawai Perubatan dengan kebenaran waris bagi mengenal pasti sebab-sebab kematian.

Perkhidmatan Pendidikan

Melaksanakan aktiviti pendidikan dan saintifik dengan melatih pelajar-pelajar perubatan dalam memahami persoalan tentang mayat dan sebab-sebab kematian.

Perkhidmatan Penyelidikan

Aktiviti penyelidikan dilaksanakan oleh penyelidik perubatan dalam mengkaji badan manusia dan penyakit yang dialami.

Perkhidmatan Penyiasatan Jenayah

Pakar Forensik membantu pihak polis dalam menyelesaikan kes-kes jenayah melalui pemeriksaan bedah siasat yang dilaksanakan.

Bilangan Pendaftaran Mayat dan Bedah Siasat


Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pengurusan Mayat	2,638	2,730	3.37
Pemeriksaan Bedah Siasat	340	391	13.04

Pada tahun 2016, Jabatan Patologi Forensik PPUM telah menguruskan sebanyak 2730 kes kematian berbanding 2638 kes kematian pada tahun 2015 iaitu penambahan sebanyak 3.37%. Manakala

bagi pemeriksaan bedah siasat pula pada tahun 2016, jabatan ini telah menguruskan sebanyak 391 kes berbanding 340 kes pada tahun 2015 iaitu penambahan sebanyak 13.04%.

Peratusan kategori kes kematian

Kategori Kes Kematian (%)



Berdasarkan kepada kategori kes pemeriksaan bedah siasat sepanjang tahun 2016, didapati 45% kes adalah natural deaths, road traffic deaths- 24%, other accident deaths-16%, suicides-8%, homicides-6% dan miscellaneous cause-1%.

Masalah Yang Dihadapi oleh Jabatan

- Jabatan tidak mempunyai Pegawai Perubatan Akademik di kalangan warganegara untuk melaksanakan aktiviti pendidikan kepada pelajar-pelajar perubatan. Bilangan pensyarah perubatan sedia ada seramai dua (2) orang tidak mencukupi untuk

melaksanakan aktiviti pengajaran kerana pada masa yang sama mereka perlu memberikan perkhidmatan di samping menjalankan penyelidikan.

- Laporan bedah siasat yang memerlukan laporan toksikologi tidak dapat disiapkan dengan cepat kerana Jabatan Kimia Malaysia mengambil masa yang lama untuk memberikan laporan. Sekiranya jabatan mempunyai makmal sendiri maka keputusan toksikologi dapat disiapkan dengan cepat dan laporan bedah siasat juga dapat disiapkan dalam tempoh yang singkat.

JABATAN PATOLOGI

Jabatan Patologi berfungsi dengan dua bahagian perkhidmatan iaitu Bahagian Patologi Anatomik yang memberi perkhidmatan diagnostik dalam bidang histopatologi dan sitopatologi. Manakala, Bahagian Perubatan Makmal bertanggungjawab dalam perkhidmatan diagnostik kepada pesakit dan doktor, penyelidikan ke atas teknik-teknik dalam ujian diagnostik, menyalurkan informasi tentang perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan BPM dan pelajar-pelajar serta menyediakan khidmat nasihat dan latihan teknikal yang berterusan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan-kakitangan BPM dan PPUM.

Jabatan Patologi mempunyai dua (2) bahagian perkhidmatan yang utama iaitu Bahagian Patologi Anatomik dan Bahagian Perubatan Makmal.

Bahagian Patologi Anatomik

Makmal Histopatologi menyediakan perkhidmatan diagnostik Histopatologi rutin yang berasaskan perwarnaan H&E, perwarnaan istimewa, imunohistokimia dan in-situ hybridization. Makmal Histopatologi juga memberi perkhidmatan diagnostik

segera melalui intraoperative frozen section diagnosis. Pakar Perunding dan Klinikal terlibat dalam perkhidmatan perundingan untuk hospital-hospital Kementerian Kesihatan dan sektor swasta dalam bidang biopsi ginjal, transplantasi kardiak, otot, neurologi dan lain-lain.

Makmal Sitopatologi menjalankan ujian calitan ginekologik dan bukan ginekologik serta Fine Needle Aspiration. Pakar Patologi turut menjalankan Fine Needle Aspiration sebanyak dua kali seminggu (setiap Selasa dan Rabu) untuk pesakit Pusat Perubatan Universiti Malaya di wad dan klinik PPUM.

Bahagian ini juga menawarkan perkhidmatan ujian diagnostik molekular yang telah disediakan sejak tahun 2014.

Perkhidmatan patologi transplant pula telah dimulakan sejak Mei 2013 yang bertanggungjawab dalam menyediakan frozen section dan menilai kesesuaian organ untuk pemindahan.

Di dalam tahun 2016, ujian imunohistokimia yang baharu telah ditawarkan seperti beta catenin, INI-1, ALK (anti ALK D5F3) dan glycophorin A.

Statistik Perkhidmatan di Bahagian Patologi Anatomik

BUTIRAN	PENUNJUK KECEKAPAN		PERBEZAAN (%)
	2015	2016	
HISTOPATHOLOGY			
Histopathology (cases)	13,346	13,055	-2.2
Histopathology (paraffin blocks)	38,403	39,616	3.2
Histopathology (H&E slides)	46,019	46,323	0.7
Special histochemistry (slides)	10,656	10,386	-2.5
Immunohistochemistry (slides)	12,101	10,911	-9.8
Intraoperative Frozen Sections (cases)	103	92	-10.7
Molecular (cases)	265	304	14.7
ISH (slides)	109	144	32.1
CYTOPATHOLOGY			
Gynae smears (cases)	3,934	4,061	3.2
Non-Gynae smears (cases)	1,478	1,514	2.4
FNA (cases)	994	822	-17.3

Pencapaian dan Penghargaan

Audit Surveillance untuk Skim Akreditasi Makmal Malaysia (SAMM) MS ISO 15189 : 2014

Bahagian Patologi Anatomik telah berjaya memperolehi akreditasi semula daripada pihak Standards Malaysia selepas menjalani sesi Audit Surveillance MS ISO 15189 : 2014 pada tahun ini. Akreditasi tersebut sah sehingga 17 Ogos 2018.

2016 Merdeka Award

Profesor Ulung, YBhg. Prof. Datuk Dr. Looi Lai Meng telah menerima 2016 Merdeka Award pada 8 Disember 2016 di dalam satu majlis yang diadakan di Dewan Filharmonik, KLCC. Anugerah ini diasaskan oleh PETRONAS, Shell dan Exxonmobile yang mengiktiraf dan meraikan pencapaian serta sumbangan besar individu terhadap masyarakat di dalam bidang masing-masing. YBhg. Prof. Datuk Dr. Looi diberi penghormatan ke atas pencapaian cemerlang beliau untuk kategori Health, Science and Technology.

Anugerah Pertandingan Tempat Kerja Selamat (Kategori: Makmal)

Bahagian Patologi Anatomik telah memenangi Anugerah Pertandingan Tempat Kerja Selamat (Kategori: Makmal) sempena Minggu Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Inovasi 2016 anjuran Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar PPUM dan Jabatan Kualiti dan Tadbir Urus Klinikal.

BAHAGIAN PERUBATAN MAKMAL (BPM)

Bahagian Perubatan Makmal diselia oleh Dr Hemalatha Shanmugan, seorang Pakar Patologi (Hematologi) dari Jabatan Patologi. Selain memberikan perkhidmatan makmal diagnostik kepada PPUM, Pakar Perunding dan Pakar Klinikal serta staf sokongan BPM juga terlibat dalam pengajaran/penyelidikan

bagi kursus-kursus ijazah MBBS, BDS, BBiomedSc dan kursus pascaijazah Sarjana Patologi, Sarjana Sains Perubatan dalam Patologi Klinikal, Sarjana Sains Perubatan, Doktor Perubatan dan Doktor Falsafah yang dianjurkan oleh Fakulti Perubatan.

Fungsi

BPM bertanggungjawab dalam perkhidmatan diagnostik kepada pesakit dan doktor, penyelidikan ke atas teknik-teknik dalam ujian diagnostik, menyalurkan informasi tentang perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggan-pelanggan BPM dan pelajar-pelajar serta menyediakan khidmat nasihat dan latihan teknikal yang berterusan kepada pelajar-pelajar dan kakitangan-kakitangan BPM dan PPUM.

Jenis Perkhidmatan Yang Disediakan

BPM memberikan perkhidmatan diagnostik bagi bidang-bidang berikut:

- Patologi Kimia (Kimia Klinikal, Kimia Khas, Endokrin, Imunologi, Bendalir dan Perkumuhan, Pemantauan Dadah Teraputik)
- Hematologi (Hematologi Rutin, Hematologi Khas, Koagulasi, Pemeriksaan Sumsum Tulang)
- 'Inborn Errors of Metabolism'
- Sitogenetik
- Genetik Molekul
- Immunogenetik dan Transplantasi
- Toksikologi klinikal
- Fertiliti (kiraan dan kualiti sperma)

Perkhidmatan baru yang ditawarkan pada tahun 2016

- Ujian Saringan Toksikologi bagi 'Drugs of Abuse' telah diperluaskan dengan pengesanan dadah-dadah seperti Amphetamine, Metamphetamine, Ketamine, Morphine, 6-Acetylmorphine, Codeine, MDA, MDMA dan lain-lain. Ujian ini turut digunakan sebagai 'Workplace Drug Testing' bagi menyarang mana-mana staf yang disyaki terlibat dalam penggunaan dadah terlarang.

- Peningkatan sistem automasi makmal bagi platform Patologi Kimia melalui penyambungan kontrak 'sewaan reagen' sedia ada telah memberi manfaat kepada pesakit dan pakar klinikal kerana sistem ini kini mampu memproses ujian yang lebih banyak dalam tempoh yang singkat. Sistem ini dilengkapi dengan trek yang lebih panjang dan cekap, 3 unit online centrifuges, decapper, recapper, 2 unit mesin analisa Imunoasei, 3 unit mesin analisa Kimia Rutin serta storan sampel yang pintar juga besar cukup untuk menampung beban kerja sehari-hari yang diterima oleh makmal.
- Makmal Bendalir & Perkumuhan telah memperolehi satu unit mesin analisa biokimia urin automatik secara sewaan reagen untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan analisa urin kepada pesakit.
- BPM juga telah menawarkan beberapa ujian diagnostik baru bagi memenuhi keperluan Pakar-pakar Klinikal PPUM. Ujian-ujian tersebut ialah:
 - Mycophenolic Acid (MPA)
 - Beta-CrossLaps (CTX)
 - P1NP
 - BNP (B-type Natriuretic Peptide)
 - Calprotectin
 - Everolimus
- BPM melalui kontrak bersama Jabatan Pembangunan Perniagaan PPUM telah memulakan perkhidmatan makmal diagnostik Patologi Kimia dan Hematologi termasuk perkhidmatan flebotomi kepada Klinik UMSC mulai April 2016.

Statistik Perkhidmatan Bahagian Perubatan Makmal

Butiran	PENUNJUK KECEKAPAN		Perubahan %
	2015	2016	
Kimia Klinikal ¹	4,158,190	4,015,103	-3.44
Kimia Khas	94,250	104,637	11.02
Bendalir & Perkumuhan	74,923	77,459	3.38
Endokrin	225,274	242,130	7.48
Immunologi	68,838	66,646	-3.18
Hematologi	338,067	334,002	-1.20
Hematologi Khas ²	21,575	24,245	12.38
Makmal Poliklinik ³	46,891	38,205	-18.52
Koagulasi ²	178,547	169,960	-4.81
Sitogenetik ⁵	875	720	-17.71
IEM	1,789	3741	109.11
Genetik Molekul	1,775	1,753	-1.24
Toksikologi/Trace Element	330	562	70.30
Sub TOTAL	5,232,362	5,097,165	-2.58
Sum-sum Tulang ⁴			
Bone Marrow (Cases)	749	560	-25.23
Bone Marrow (Slides)	3,767	3,401	-9.72
Trephine	489	386	-21.06
PNH(cases)	49	29	-40.82
PNH (markers)	1,104	468	-57.61
Immunophenotyping (cases)	306	251	-17.97
Immunophenotyping (markers)	14,644	12,935	-11.67
Cytospin	1,037	812	-21.70

JABATAN PEDIATRIK

Jabatan Pediatrik juga terlibat dalam menyediakan program pengajaran fakulti untuk para penuntutnya dan akan memastikan program pengajaran tersebut berkualiti, bersesuaian dan terkini dimana ia akan memenuhi piawaian dan kehendak yang digariskan.

Jabatan juga berperanan dalam menyumbang dan berkongsi kepakaran dan maklumat yang ada dengan sesiapa yang berminat melalui bengkel-bengkel dan simposium yang akan diadakan dari masa ke semasa.

OBJEKTIF JABATAN

Untuk menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dan berperanan di dalam mengendalikan semua peringkat rawatan kanak-kanak daripada lahir hingga umur 18 tahun. Ini ialah supaya semua kanak-kanak di rantau ini amnya dan di negara ini khasnya dapat menikmati mutu kesihatan yang tinggi.

MISI DAN PIAGAM JABATAN

Untuk menghasilkan mutu kerja yang tinggi dan para doktor yang cekap di dalam bidang kesihatan kanak-kanak. Jabatan Pediatrik juga terlibat dalam menyediakan program pengajaran fakulti untuk para penuntutnya dan akan memastikan program pengajaran tersebut berkualiti, bersesuaian dan terkini dimana ia akan memenuhi piawaian dan kehendak yang digariskan. Jabatan juga berperanan dalam menyumbang dan berkongsi kepakaran dan maklumat yang ada dengan sesiapa yang berminat melalui bengkel-bengkel dan simposium yang akan diadakan dari masa ke semasa.

Bilangan Kemasukan Pesakit di Wad Pediatrik

Tahun	2015	2016	Perbezaan %
Kemasukan pesakit	7,044	6,924	-1.70

Pada tahun 2016 bilangan pesakit yang dimasukkan ke wad-wad Pediatrik telah menurun sebanyak -1.73% iaitu seramai 6924 berbanding 7,044 orang pesakit pada tahun 2015 . Penurunan ini adalah kerana pesakit telah dirawat oleh Pakar Pediatrik yang terbaik dan yang terulung dalam memberi perkhidmatan dan rawatan kepada pada pesakit. Kadar temujanji pesakit yang masuk ke wad juga telah berkurang kerana Pakar Pediatrik berjaya merawat pesakit sehingga sembah.

Perbandingan Beban Kerja Klinik Pediatrik 2015 dan 2016

Pengkhususan Klinik	Pesakit Luar 2015	Pesakit Luar 2016	Perbezaan %
Endokrinologi			
Kes baru	192	223	+16.14
Kes Susulan	1,956	2,039	+4.24
Nefrologi	276	213	-29.57
Respiratori			
i. Respiratori Am	905	781	-13.70
ii. Asma	886	797	-10.045
Unit Rawatan Rapi	81	63	-22.22
Genetik & Metabolisma			
i. Klinik Kes baru	134	117	-12.7
ii. Klinik Kes Susulan	826	915	+10.8
Gastroentrologi & Hepatologi	1,197	1,193	-0.33
Kawalan Jangkitan	334	276	-21.01
Kardiologi			
i. Kardiologi Am	1,184	1,208	2.027
ii. Kawasaki	209	247	18.18
Perkembangan Kanak-kanak	426	470	+10.3
Komuniti Pediatrik	258	232	-10.0
Neonatalogi	1,293	1,468	+13.53
Pediatrik Am	5,219	5,334	+2.20
Neurologi	805	749	-7.47
Hematologi / Onkologi			
i. Hematologi/ Pemindahan Sum-sum Tulang	1,361	1,338	-1.6
ii. Onkologi	1,684	1,895	+12.5
Child Health Pediatric	1,681	3,018	+79.53
Jumlah	20,907	22,576	+7.98

Unit Pediatrik Endokrinologi dan Diabetes

Statistik Bilangan Pesakit Klinik Mendapat Perkhidmatan

PERKHIDMATAN	2015	2016	Perbezaan
Kes Baru	192	223	31
Endokrinologi	140	139	-1
Diabetes	24	37	13
Obesiti	19	25	6
Endo-Onko	9	22	13
Kes Susulan	1,956	2,039	83
Endokrinologi	1,427	1,498	71
Diabetes	363	366	3
Obesiti	96	68	-28
Jumlah	2,148	2,262	114

Aktiviti Yang Dijalankan Oleh Unit Pediatrik Endokrinologi dan Diabetes

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Kem Diabetes	18-20 March 2016
2.	UMMC Insulin Pump and CGM Workshop 2016	24 Aug 2016
	World Diabetes Day Celebration (Paediatrics) dan Pelancaran buku Lina ada Diabetes	14-16 November 2016.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Unit

- Ketiadaan pakar psikologi kanak-kanak yang berkemahiran dalam rawatan diabetes untuk kanak-kanak. Perkhidmatan psikologi ini merupakan salah satu daripada keperluan asas bagi perawatan diabetes secara menyeluruh. Lebih daripada separuh masalah kawalan diabetes yang kurang memuaskan adalah berpunca daripada masalah psikologi yang bermula di rumah dan juga di sekolah.

• Ketiadaan dana untuk menjalankan penyelidikan molecular diagnosis bagi kebanyakan pesakit endokrinologi walaupun molecular diagnosis telah dikenalpasti sebagai asas diagnosis bagi kebanyakan penyakit endokrin di kalangan kanak-kanak. Oleh kerana itu, diagnosis yang diberi agak kurang tepat dan ini menjadikan perawatan pesakit serta peluang untuk menyebarkan ilmu melalui penulisan saintifik. Buat masa ini, perkhidmatan ini hanya dijalankan di Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), dan perkhidmatan yang disediakan amatlah terhad.

- Masalah kekurangan peruntukan untuk pembelian ubat growth hormone walaupun setelah 25 tahun kepakaran rawatan ini disediakan untuk pesakit di PPUM. Peruntukan bagi ubat ini dianggarkan lebih kurang RM400,000 setahun.

Unit Genetik dan Metabolisma

Pengenalan prosedur baru

Unit Genetik dan Metabolisma telah memperkenalkan prosedur Risk Assessment Clinic (RAC) untuk pesakit barah payudara berisiko tinggi di klinik Surgeri dengan kes pertama pada 12 Ogos 2016.

Bilangan Pesakit Yang Mendapat Perkhidmatan di Klinik Genetik & Metabolism

PERKHIDMATAN	2015	2016	Perbezaan
Kes Klinik Baru	134	117	-12.7%
Kes Klinik Susulan	826	915	+10.8%
Jumlah	960	1,032	+7.5%

Unit Komuniti Pediatrik

Statistik Pesakit Yang Mendapatkan Perkhidmatan

Kategori	2016	2015	Peratusan (%)
Developmental clinic	470	426	10.3
Paediatric community clinic	232	258	-10.0
Child protection referrals	214	212	0.9
Jumlah	916	896	2.2

Unit Neurologi

TYPE of SERVICES	2014	2015	2016
Paediatric Neurology Inpatients			
Total seen	212	215	412
• Follow-up patients admitted	89	79	350
• New referrals	123	131	62
Paediatric Neurology Daycare			
Total seen		34	50
• Brain MRI		15	33
• Muscle biopsy or LP	No service	4	10
• Muscle botulinum toxin injection		4	6
• Others		11	1
Paed Neuro Outpatient clinic (PD09)			
Total no. of outpatient visits	685	805	689
• New referrals	41	92	72
Joint Paed Neuro-rehab clinic (RE07)			
Total no. of outpatient visits	298	451	471
• New referrals	31	49	25

<i>Total number of outpatient visits seen in PD09 + RE07</i>	983	1256	1160
<i>Diagnosis of patients seen in outpatient clinic PD09</i>			
<i>Diagnosis of patients seen PD09</i>	No records	805	689
• Epilepsy		596	466
• Cerebral palsy		5	25
• Neuromuscular disorders		17	15
• Others		187	183
<i>Diagnosis of patients seen in outpatient clinic RE07</i>			
<i>Total number of patients seen</i>	No records	451	471
• Epilepsy		191	117
• Cerebral palsy		109	133
• Neuromuscular disorders		36	32
• Others		115	190
<i>EEGs performed</i>			
<i>Total</i>		184	208
• Outpatient		110	85
• Inpatient		65	110
• Overnight inpatient 5PB		9	13
<i>Nerve Conduction Study/EMG</i>		23	28
<i>Muscle biopsy performed</i>		5	7
			4

Neonatal Intensive Care Unit (NICU)

Pada tahun 2016 didapati bilangan kemasukan/pindah masuk pesakit berkurangan daripada tahun 2015 sebanyak -2.88%, iaitu 381 orang (2015) berbanding 370 orang (2016). Walau bagaimanapun, jumlah hari pesakit di hospital meningkat sebanyak 10.46% iaitu 6177 hari (2016), berbanding 5592 hari (2015), menunjukkan peningkatan bilangan pesakit yang lebih

tenat. Purata hari seorang pesakit tinggal di wad meningkat 13.76 % iaitu 16.69 (2016) berbanding 14.67 (2015).

Pemerhatian ini turut menyaksikan peningkatan bilangan pesakit yang memerlukan ventilasi sebanyak 20.55% iaitu 217 orang (2016) berbanding 180 orang(2015). Walau bagaimanapun, purata hari setiap pesakit menggunakan ventilasi (mean patient ventilation days) telah berjaya menurun sehingga -20.59%, yakni 7.17 hari (2016) berbanding 9.03 hari(2015).

Bilangan pesakit yang memerlukan rawatan intensif serta penyusuan yang kerap meningkat sebanyak 16.21% iaitu 43 orang (2016) berbanding 37 orang (2015). Peningkatan ini turut kelihatan pada tahun 2014 ke 2015, iaitu, peningkatan sebanyak 15.62% pada tahun tersebut. Aktiviti NICU menunjukkan peningkatan jumlah pesakit seiring dengan penurunan bilangan hari setiap pesakit dimasukkan di NICU. Pemerhatian ini menunjukkan terdapat peningkatan kadar pusingan pesakit (patient turnover), serta peningkatan bilangan pesakit yang memerlukan perawatan intensif.

Jumlah kematian menurun sebanyak -31.0% iaitu 20 orang (2016) berbanding 29 orang (2015). Jumlah kematian yang paling ramai iaitu pada bulan September seramai 5 orang. Ini adalah kerana bayi merupakan “extremely premature” iaitu 22-25 minggu serta kes sepsis, contoh, gram positive septicaemia, pada bulan yang tersebut. Ini berlaku mungkin disebabkan terdapat peningkatan bilangan pesakit pada satu-satu masa di dalam bahagian perawatan intensif, serta perawatan invasive yang tinggi.

Walaupun statistik “hand hygiene” telah dikategorikan sebagai tinggi dan sentiasa sebanyak lebih 90% di kalangan staf di wad ini, pihak NICU telah bekerjasama dengan Jabatan Kawalan Jangkitan untuk memastikan jangkitan serta bilangan pesakit yang mengalami kolonisasi dikurangkan dengan sewajarnya. Di antara langkah yang dijalankan termasuk ‘cohort nursing’, mematuhi prosedur dan pelaksanaan ‘personal protective equipment’(PPE), pemantauan keadaan sekeliling wad (environmental surveillance), serta aktiviti pembersihan wad berkala yang kerap.

Unit ini juga turut memperkenalkan prosedur baru seperti berikut:

Pre-discharge Hearing assessment

Prosedur ini akan dilakukan kepada semua bayi di Wad NICU bagi mengenal pasti bayi yang mempunyai masalah pendengaran pada peringkat lebih awal.

Screening for Inborn Error Metabolism

Prosedur ini perlu saringan dari awal iaitu semasa temujanji ibu di Klinik Antenatal. Bagi ibubapa yang telah bersetuju bagi prosedur ini, darah bayi akan diambil bertujuan mengesan lebih awal permasalahan inborn error metabolism.

Standardised Parenteral Nutrition (PN) Bags

Perkhidmatan PN yang standard bagi NICU membolehkan bayi dimulakan nutrisi parenteral sejurus selepas lahir. Perkhidmatan ini membolehkan bayi mendapatkan nutrisi walau pun semasa tempoh percutian (public holidays) yang panjang atau hujung minggu.

Pembelian Peralatan Baharu

BIL	TARIKH	NAMA PERALATAN	HARGA SEUNIT	KEGUNAAN	BILANGAN
1	19/4/2016	High Frequency Oscillatory Ventilator	RM149,800.00	Untuk membantu bayi yang mengalami masalah pernafasan	1 unit

Kejayaan Yang Dicapai oleh Kakitangan Akademik Unit

- Dr. Azanna Ahmad Kamar : Anugerah 'Certificate of Pediatric Bioethics'. Children's Mercy Hospital in affiliation with the University of Missouri - Kansas City, School of Medicine, United States of America.
- Best Poster Award, PENSMA Congress 2016 : Jasreena Kaur Gill, Jabatan Farmasi & Neonatal Intensive Care Unit. "Standardized Parenteral Nutrition Formula Among Neonates in UMMC – An approach to improve delivery of care".
- Best Poster Award, Perinatal Society of Malaysia Congress 2016 : Nur Farah Inani Zakaria, Diyana Husnin, Azanna Ahmad Kamar. Survey of Breastfeeding Experience of Mothers in a Tertiary Hospital.

Aktiviti Yang Dijalankan oleh NICU

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Sambutan Hari Pramatang Sedunia	20 Nov 2016
2.	Bengkel Perawatan Neonate	11-12 Mei 2016
3.	STABLE Program	1 - 2 Jun 2016
	PEARLS Workshop for Neonatal Nursing Practitioner	12 - 13 Jul 2016
4.	Neonatal Resuscitation Provider's Program (NRP)	19 - 20 Okt 2016

PICU

Statistik Pesakit PICU

Kumpulan Umur	2015		2016	
	Bilangan	%	Bilangan	%
Neonates	108	20	133	25
Infants	189	36	152	29
Child (up to 12 years)	198	37	2,018	40
Adolescent	37	7	33	6
Jumlah	532	100	526	100

	2015	2016
No of Admissions	541	539
Patient-days	2,906	2,739
Average length of stay (days)	5.37	5.08
% occupancy (based on 10 PICU beds)	79.6	75.04
Number of deaths	21	21
Crude mortality rate (%)	3.88	3.90
Number of referrals from outside PPUM	134	126
No of general surgical admissions	112	112
No of oncology admissions	11	28
No of neurosurgical admissions	41	45
No of cases on hemodialysis/renal support/extracorporeal	20	7
No of patients in inhaled nitric oxide therapy	18	14
Non-Invasive ventilation	202 (BiPAP and Vivo)	110
High Flow Nasal Oxygen therapy (Optiflow)	357	177
High Frequency Oscillation/Jet	HFOV-21 HFJV-7	HFOV-17 HFJV-5
No of bronchoscopy	39	26
Cooling Therapy	15	16

Unit Gastroenterologi dan Hepatologi

Bilangan Pesakit Mendapat Perkhidmatan

Perkhidmatan	2015	2016
Liver biopsy (<i>in-ward, Menghini's method</i>)	14	11
Liver biopsy (<i>ultrasound-guided by interventional radiologist</i>)		25
Oesophageal-gastro-duodenoscopy	109	111
Colonoscopy	67	55
Enteroscopy	1	1
ERCP	0	0
Variceal banding	10	10
Sclerosant injection	4	3
Scope via stoma	0	3
Oesophageal dilatation	0	2
PEG insertion	2	0

Unit Hematologi / Onkologi

Perkhidmatan terbaru yang diperkenalkan ialah program Haploididentical Stem Cell Transplantation (HSCT). Secara umumnya, hanya 25-30% sahaja daripada para pesakit pediatrik yang memerlukan rawatan pemindahan sel stem hematopoietik mempunyai padanan Human Leukocyte Antigen (HLA) daripada adik-beradik masing-masing dan selebihnya tidak sesuai sebagai penderma. Sehubungan itu, program HSCT ini telah diperkenalkan pada April 2016, sekaligus membuka peluang kepada pesakit pediatrik yang memerlukan rawatan pemindahan sel stem hematopoietik terutamanya kepada individu yang tidak mempunyai adik-beradik dengan HLA yang sepadan dan memerlukan pemindahan dengan segera.

Pada bulan April dan November 2016, dua pesakit telah menjalani "Haploid identical family donor transplant". Pesakit pertama telah berjaya dan dibenarkan keluar wad. Pesakit kedua stabil dan masih dalam rawatan di wad.

Statistik Rawatan Harian Pediatrik Medikal bagi Pesakit Onkologi & Thalassaemia Mengikut Jenis Perkhidmatan

Prosedur	2015	2016	Perbezaan (%)
Kemoterapi	1,112	820	-26.3
Rawatan susulan + Ujian Darah	2,113	1,889	-10.6
Ujian Darah	1,315	1,525	16.0
Prosedur	792	639	-19.3
Tranfusi Darah	1,353	1,313	-3.0
Dressing	625	401	-35.8
JUMLAH	7,310	6,587	-9.9

Pada tahun 2016, bilangan kes di Unit Rawatan Harian Pediatrik telah menurun sebanyak 9.9% iaitu sebanyak 6587 kes berbanding 7310 orang pesakit pada tahun 2015.

Statistik Kes-kes Baru bagi Pesakit Onkologi dan Hematologi

Perkhidmatan Rawatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Hematologi	53	41	-22.6
Pesakit Onkologi	120	129	7.5
Jumlah	173	170	-1.7

Pada tahun 2016, statistik mencatatkan penurunan pesakit onkologi dan hematologi sebanyak 1.7% dari tahun 2015.

Statistik Bilangan Pesakit Yang Mendapat Perkhidmatan

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Klinik Hematologi/ BMT	1,361	1,338	-1.6
Klinik Onkologi	1,684	1,895	12.5
Jumlah	3,045	3,233	6.2

Bilangan pesakit di klinik pada tahun 2016 telah meningkat sebanyak 6.2% iaitu sejumlah 3233 orang berbanding 3045 orang pesakit pada tahun 2015

Statistik Jumlah dan Jenis Pemindahan Sum-Sum Tulang

Jenis pemindahan sum-sum tulang	Tahun 2015	Tahun 2016
Autologous Bone Marrow Transplant	0	0
Allogenic Bone Marrow Transplant	10	7
Allogenic Cord Blood Transplant	0	0
Autologous Stem Cell Transplant	6	5
Allogenic Stem Cell Transplant	0	0
Haploid Identical Transplant	0	2
Jumlah	16	14

Pada tahun 2016, bilangan pesakit yang telah menjalani pemindahan sum-sum tulang mencatatkan penurunan sebanyak 12.5% iaitu sebanyak 14 kes berbanding 16 kes pada tahun 2015

Paediatric Respiratory And Allergy Unit

Bilangan Pesakit Luar Klinik

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Asthma Clinic	886	797	-10.0
Respiratory Clinic	900	781	-13.2
Respiratory Research	331	316	-4.5
Jumlah	2,117	1,894	-4.9

Unit Kardiologi Pediatrik

Bilangan Pesakit Luar Klinik Kardiologi Pediatrik (PD19)

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Kes Susulan	693	728	5.1
Kes Tanpa Temujanji	465	457	-1.7
Kes Baru	26	23	-11.5
Jumlah	1,184	1,208	2.0

Bilangan Pesakit Luar Klinik Kawasaki / Rheumatic Heart Disease (PD13)

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Kes Susulan	164	176	7.3
Kes Tanpa Temujanji	45	66	46.7
Kes Baru	0	5	-
Jumlah	209	247	18.2

Jumlah Echocardiography yang dilakukan

Perkhidmatan	2016
Transthorasik Echo di Makmal	1741
Transthorasik Echo Portable	187
Transoesophageal Echo	6
Jumlah	1,934

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

Jabatan Pengimejan Bioperubatan memberi perkhidmatan pengimejan diagnostik dan terapeutik serta membantu di dalam pengajaran bagi Program Sarjana Radiologi, Program Sarjana Sains Perubatan (Fizik), Program Diploma Radiografi, Program Sarjana Muda Pengimejan Perubatan dan Program Sarjana Muda Sains Biomedikal. Jabatan juga menjalankan penyelidikan baru dengan menggunakan teknologi pengimejan dan intervensi minimal terkini.

Tahun 2016, perkhidmatan CIGMIT telah mula beroperasi dibawah projek usahasama antara PPUM dan pelabur swasta bagi menyediakan kemudahan perawatan terkini kepada pesakit meliputi kemudahan dewan bedah, mesin radioterapi, MRI dan CT scan. Kemudahan ini membolehkan pesakit menjalani perawatan dengan lebih berkesan di samping masa menunggu yang lebih pendek. Selain daripada itu, kemudahan ini membolehkan PPUM menjana pendapatan melalui perkongsian

keuntungan dengan pelabur swasta berkenaan yang mana keuntungan tersebut akan dimanfaat kembali kepada pesakit yang kurang berkemampuan.

Perkhidmatan MRI menggunakan mesin MRI 3Tesla di Pusat Penyelidikan Universiti Malaya juga telah dimulakan pada 23 Mei 2016. Dengan adanya perkhidmatan ini akan memberi lebih pilihan kepada pesakit dan mempercepatkan masa menunggu pesakit MRI. Di samping itu juga pusat ini akan menjadi pusat penyelidikan bukan sahaja bagi warga PPUM dan UM tetapi juga kepada institusi luar. Mesin ini juga dilengkapkan dengan peralatan bagi penyelidikan yang menggunakan haiwan sebagai subjek.

Pada tahun 2016, bilangan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di Jabatan ini telah menunjukkan penurunan sebanyak -0.34% iaitu seramai 203,554 orang berbanding 204,251 orang pesakit pada tahun 2015.



CT scan - CIGMIT



MRI-CIGMIT

Jenis Pemeriksaan	2015	2016	Perbezaan %
Angiogram	2,808	3,997	30
General Radiography	145,476	140,986	-3.18
CT Scan	19,699	20,666	4.7
Fluoroscopy	798	695	-13
Mammogram	7,890	8,608	8.34
Magnetic Resonance Imaging	5,336	6,366	16.2
Nuclear Medicine	4,444	4,307	-3.18
Ultrasound	17,800	17,929	0.71
Jumlah	204,251	203,554	-0.34

JABATAN PERUBATAN KECEMASAN

Statistik Perkhidmatan Jabatan Perubatan Kecemasan

	2015	2016	Perbezaan (%)
Jumlah Keseluruhan	111,708	106,547	- 4.62
Dewasa	88,388	79,027	-10.59
Pediatrik	23,320	27,250	16.85
Kemasukan Ke Wad	2015	2016	Perbezaan (%)
Kemasukan Ke Wad	28,417	24,242	-14.69
Panggilan Ambulans	2015	2016	Perbezaan
Panggilan Ambulans	7,782	8,271	489 (6.28%)

Jabatan Perubatan Kecemasan memberi perkhidmatan rawatan kecemasan kepada pesakit berdasarkan kriteria penyaringan (*Triage*) dengan pendekatan komprehensif dan pelbagai disiplin serta beroperasi 24 jam sehari dengan menitikberatkan kerja kumpulan didalam pengurusan pesakit kecemasan.

Kejayaan Yang Dicapai oleh Jabatan

Johan Best Camp Competition

Jabatan telah memenangi johan bagi kategori Best Camp Competition di dalam *International Major Incident Rescue Exercise Competition (iMIREX)* 2016 pada 22 Oktober 2016. Pertandingan ini telah dianjurkan oleh *Malaysian Society and Traumatology and Emergency Medicine (MASTEM)* dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri Melaka dan Kerajaan Negeri Melaka.



Gambar 1:
Trofi Johan
Kategori
Best Camp
Competition

Duta Keselamatan Jalan Raya SDC 2016

Safe Driving Centre (M) Sdn Bhd dengan sokongan Jabatan Keselamatan Jalan Raya dan Yayasan Kumpulan Utusan telah menganugerahkan sijil pelantikan kepada 2 orang staf Jabatan Perubatan Kecemasan sebagai Duta Keselamatan Jalan Raya SDC 2016 iaitu Encik Noor Azman bin Mohd Husin dan Encik Norkamarulazam bin Mohd Nasir.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan

Ketiadaan bilik isolasi untuk pesakit *pulmonary tuberculosis* menyebabkan staf dan pesakit lain terdedah kepada risiko jangkitan. Risiko dikesan apabila pesakit *pulmonary tuberculosis* tidak dapat dihantar ke wad berikutan masalah kekurangan katil dan sepanjang tempoh itu pesakit akan ditempatkan di Jabatan Perubatan Kecemasan.



Gambar 2: Gambar Pertandingan Ketika Modul 'Mass Casualty Incident'

JABATAN PERUBATAN PEMULIHAN

Fungsi dan peranan jabatan ini ialah menyediakan khidmat rawatan klinikal Perubatan Pemulihan secara komprehensif dan holistik. Selain itu juga, ia menjadi tapak pengajaran bagi pelbagai bidang perubatan dan kesihatan sekutu yang berkaitan dengan Perubatan Pemulihan. Jabatan ini berperanan menjadi nadi projek penyelidikan dan perkembangan dalam bidang Perubatan Pemulihan.

Jabatan Perubatan Pemulihan mempunyai 5 bahagian perkhidmatan iaitu Pemulihan Cara Kerja, Pemulihan Anggota, Pemulihan Pertuturan, Bengkel Prostetik & Ortotik dan Bengkel Teknologi Perubatan Pemulihan dan Kerusi Roda. Manakala, satu lagi bahagian perkhidmatan di bawah pentadbiran bersama Ambulatori iaitu perkhidmatan Perubatan Pemulihan Klinikal merangkumi pesakit dalam (wad pemulihan) dan pesakit luar (Klinik Pemulihan) bagi menyokong kelima-lima bahagian perkhidmatan yang utama.

**Statistik Mengikut Kategori Pesakit Luar & Pesakit Dalam
Jabatan Perubatan Pemulihan 2016**

Bahagian	Pesakit Luar			Pesakit Dalam		
	Bil. Pesakit	Bil. Kehadiran	Bil. Rawatan	Bil. Pesakit	Bil. Kehadiran	Bil. Rawatan
Pemulihan Carakerja	26,596	50,695	151,811	7,849	27,904	65,285
Pemulihan Anggota	42,060	72,245	159,901	22,360	90,016	112,504
Pemulihan Pertuturan	2,561	2,561	5,122	2,347	4,307	7,277
Bengkel Prostetik & Ortotik	1,437	3,670	-	220	359	-
Bengkel Kerusi Roda	382	764	-	-	-	-
JUMLAH	73,036	129,935	316,834	32,776	122,586	185,066

**Statistik Perbandingan Bilangan Kehadiran/Lawatan Pesakit Di
Jabatan Perubatan Pemulihan**

Bahagian/Unit	Pesakit Luar			Pesakit Dalam		
	2015	2016	%	2015	2016	%
Pemulihan Cara Kerja	47,156	50,695	7.5	26,432	27,904	5.5
Pemulihan Anggota	60,922	72,245	18.6	92,590	90,016	-2.7
Pemulihan Pertuturan	2,120	2,561	20.8	3,413	4,307	26.2
Bengkel Prostetik & Ortotik	3,057	3,670	20.0	315	359	13.9
Bengkel Kerusi Roda	302	764	152.9	-	-	-
JUMLAH	113,557	129,935	14.4	122,750	122,586	-0.1

Lawatan Ke Rumah Pesakit / Tempat Kerja / Sekolah 2016
Bahagian Pemulihan Carakerja

Jenis Lawatan	Pesakit Luar		Pesakit Dalam	
	Bil. Pesakit	Bil. Lawatan	Bil. Pesakit	Bil. Lawatan
Lawatan Rumah	416	467	84	84
Lawatan Tempat Kerja	8	8	-	-
Lawatan Sekolah	1	1	-	-

Bilangan Sesi Klinik Fiberoptic Endoscopic Evaluation of Swallowing (FEES)

Bahagian Pemulihan Pertuturan

	2015	2016	Perbezaan %
Bilangan sesi FEES	64	80	25

Statistik Kemasukan Pesakit Ke Wad Mengikut Disiplin

Disiplin	Bilangan Pesakit
Neuromedical Rehab	163
Accurate Brain Injury (ABI) Rehab	103
Spinal Cord Injury (SCI) Rehab	110
Cardiac Rehab	0
Amputee Rehab	2
Paediatric Rehab	11
Muskuloskeletal	5
Jumlah	394

Statistik Kehadiran Pesakit Mengikut Disiplin

Jumlah Pesakit Mengikut Disiplin	Bilangan Pesakit
Pemulihan Spinal	869
Pemulihan Amputee	779
Pemulihan Neuro Stroke	1,335
Pemulihan Neuro Brain Injury	583
Chronic Pain Clinic	236
Wheelchair Seating Clinic	64
Pemulihan Kardiak	825
Pemulihan Kanak-Kanak	938
Neuropathic Clinic	104
Neuropalliative	121
Klinik Scoliosis	1,614
Klinik Spasticity	75
General Rehab	315
Klinik Accupuncture	9
Klinik Return To Work	3

Aktiviti Jabatan

Bil.	Aktiviti	Tarikh
1.	Program Khidmat Masyarakat Sesi Pengajaran BLS kepada Pelajar Sekolah Menengah Agama, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan	9 April 2016
2.	Program Khidmat Masyarakat (BLS) Sempena Hari Keluarga Taman Aman	22 Mei 2016
3.	FEUM Charity Walk for Cerebral Palsy	14 Mei 2016
4.	Sambutan Parti Bersama Pesakit, Pemulihan Cara Kerja	26 Ogos 2016
5.	Aktiviti kumpulan sokongan pesakit burn, <i>limphoedema</i> Neurologi	25 Mei & 11 Julai 2016
6.	Lawatan ke pusat jagaan warga emas, Pusat Zakat Selangor	30 Januari 2016
7.	Sambutan <i>World Occupational Therapy Day</i>	22 Oktober 2016
8.	<i>Hand Therapy Day</i>	1-3 Jun 2016
9.	<i>Speech and Hearing Week 2016</i>	4 Mei 2016
10.	Bengkel Vitalstim	22-23 April 2016
11.	Kursus <i>Insole dan Ankle Foot Orthosis</i>	10-11 Oktober 2016

Statistik Penempatan Pelatih Bahagian Pemulihan Anggota**Penempatan Klinikal Dari Dalam Negara**

Bil.	Universiti/Kolej	Bilangan Pelajar Fisioterapi
1.	Ramsay Sime Darby Healthcare College	40
2.	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	3
3.	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)	13

Bil.	Universiti/Kolej	Bilangan Pelajar Lain
1.	Kolej Kejururawatan, PPUM	185
2.	International University of Malaya-Wales	8
3.	Pelajar Sarjana Perubatan Sukan, UM	1
4.	Pelajar Sarjana Perubatan Pemulihan, UM	1
5.	Pelajar Fakulti Kejuruteraan BioPerubatan, UM	21

Penempatan Klinikal Dari Luar Negara

Bil.	Universiti/Kolej	Bilangan Pelajar
1	Payap University, Chiangmai	5
2	Indian Spinal Injuries Centre (ISIC)	3
3	Pelajar Kejururawatan Mahidol University	4

JABATAN PERUBATAN RAWATAN UTAMA

Jabatan Perubatan Rawatan Utama mengendalikan perkhidmatan klinikal untuk pesakit luar di Pusat Perubatan Universiti

Malaya melalui Klinik Am, Klinik Keluarga, Perkhidmatan Perawatan di Rumah dan juga Klinik K.I.D.D.S.

Statistik Pesakit Yang Mendapatkan Perkhidmatan di Jabatan Perubatan Rawatan Utama

Perkhidmatan	2015	2016
Klinik Rawatan Utama (Baru & Susulan)	154,659	142,687
Perawatan di Rumah (Jumlah Lawatan)	384	374
Penilaian kesihatan & perkembangan kanak-kanak	440	140
Imunisasi	4,669	3,450
Pengajaran diabetis Klinik RUKA	1,812	1,599
Perkhidmatan Pesakit ECG	5,250	5,337
Klinik DOTS	73,430	69,503

Kejayaan Yang Dicapai oleh Jabatan

Best Free Oral Presentation

Pembentangan kertas kerja di *5th Biennial Scientific Meeting Malaysian Association Malaysian Association for The Study of Pain* Dr. Beh Hooi Chin, Dr Tun Firzara, Prof. Datin Dr Chia Yook Chin, Prof Madya Dr Nik Sherina Haidi Hanafi dan Prof. Dr. Ng Chirk Jenn telah memenangi *Best Free Oral Presentation* dan *1st Runner Up* bagi pembentangan kertas kerja di *5th Biennial*

Scientific Meeting Malaysian Association Malaysian Association for The Study of Pain (MASP).

Poster Presentation & Young Investigator's Award

Prof. Datin Dr Chia Yook Chin telah memenangi tempat pertama bagi pembentangan poster, dan tempat ke-3 bagi *Young Investigator's* di *Annual Scientific Meeting of the Malaysian Society of Hypertension* di Kuala Lumpur.

JABATAN PERUBATAN SUKAN

Menyediakan perkhidmatan klinikal Perubatan Kesukunan secara personal, komprehensif, terkoordinasi dan menyeluruh (*holistic*) dengan matlamat seperti berikut:-

- Menjadi tapak pengajaran bagi bidang perubatan yang berkaitan dengan Perubatan Sukan sejajar dengan moto PPUM sebagai Peneraju Pendidikan Perubatan.
- Menjadi Pusat Rujukan Primer kes dan rawatan perubatan kesukunan
- Menjadi nadi projek penyelidikan dan perkembangan dalam bidang Perubatan Sukan, Senaman, Obesiti, Penyakit Degerative dan sebagainya.
- Komited menjadi Pusat Kecemerlangan Perubatan Sukan (*Centre of Excellence*) serantau.

Jabatan Perubatan Sukan Pusat Perubatan Universiti Malaya komited dan tekad untuk menjadi Pusat Kecemerlangan Perubatan Sukan serantau yang disegani di Malaysia khususnya dan peringkat antarabangsa amnya (Leading Sports Medicine Centre of Excellence)

Digerakkan oleh 6 orang Pensyarah/Pakar Klinikal, 30 orang Pegawai Perubatan Sarjana, 2 orang Pegawai Pemulihan Perubatan (Fisiologi Sukan) dan seorang Pegawai berstatus kontrak untuk program BeFitt buat masa ini, Jabatan Perubatan Sukan sedang mengorak langkah dan berkembang pesat untuk memberi perkhidmatan perubatan sukan, senaman, kecergasan dan gaya hidup sihat yang terbaik buat para pesakit secara langsung mahupun tidak langsung. Jabatan ini juga menjadi pusat pembelajaran Perubatan Sukan peringkat sarjana di kalangan para Pegawai Perubatan yang terpilih dalam usaha meningkatkan kualiti serta kesedaran sukan tempatan.

Tidak hanya itu, Jabatan ini sedang giat menjalankan penyelidikan perubatan sukan dan kecergasan dalam usaha meningkatkan kualiti pencapaian prestasi sukan Negara

serta menyumbang ke arah menurunkan statistik Penyakit Tidak Berjangkit (Non-communicable disease) yang masih membimbangkan di Malaysia.

Selain itu, jabatan juga komited dalam membantu Jabatan Pembangunan Perniagaan untuk menjana pendapatan PPUM melalui pengkomersilan perkhidmatan dengan permulaan melalui 2 ujian kecergasan iaitu VO₂max Testing dan Isokinetic Testing untuk masyarakat awam mahupun atlit-atlit elit tempatan.


Jabatan telah memperkenalkan program-program kesihatan untuk staf seperti berikut:

- Program BeFitt yang berobjektifkan peningkatan tahap kecergasan dan aktiviti fizikal di kalangan kakitangan hospital, meningkatkan status kesihatan mereka serta mendidik pengamalan gaya hidup sihat telah dimulakan pada bulan Julai 2016 terhadap 168 staf terpilih sebagai Fasa 1. Program yang mempunyai 4 fasa ini dibuka kepada staf PPUM & UMSC yang telah menjalani saringan kesihatan.
- Fit for Health program obesiti di kalangan staf PPUM
- Program Fitness dan Senaman Rutin untuk Pengurusan Tertinggi PPUM

Jumlah Pesakit Tahunan Klinik Perubatan Sukan

	2015	2016
Bilangan Pesakit	6,293	8,423

Jumlah Pesakit Klinik Perubatan Sukan mengikut tahun



Bilangan pesakit di Klinik Perubatan Sukan telah bertambah dari tahun ke tahun. Bilangan pesakit pada tahun 2014 meningkat sebanyak 9.8% berbanding 2013. Sehingga 31 Disember 2015, bilangan pesakit sedikit menurun dari tahun 2014 sebanyak 17.2% kerana banyak perkhidmatan baru telah diperkenalkan dan telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada pihak luar seperti Kelab Bola Sepak Frenz United dan Institut Sukan Negara untuk menjalani ujian kecergasan lengkap.

Selain itu ujian kecergasan untuk para jururawat baru PPUM pada tahun 2015 juga ditangguhkan. Namun statistik 2016 menunjukkan peningkatan semula jumlah pesakit daripada 6,293 orang kepada 8,423 orang iaitu peningkatan sebanyak 25.2%. Keadaan ini disokong oleh reputasi Jabatan Perubatan Kesukanan yang telah dikenali kewujudan, fungsi dan peranannya oleh disiplin-disiplin lain serta peningkatan kesedaran aktiviti fizikal, bersukan dan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat.

JABATAN PERUBATAN TRANSFUSI

Jabatan ini mempunyai fungsi penting dalam menyediakan perkhidmatan transfusi yang selamat dan efektif, menentukan praktis transfusi klinikal adalah sejajar dengan polisi nasional dan antarabangsa dan memperluaskan skop perkhidmatan transfusi melalui penyelidikan dan latihan kepada anggota medikal, para-medikal dan bukan medikal. Jabatan ini juga berfungsi sebagai pusat rujukan dan perundingan bagi masalah berhubung dengan perubatan transfusi.

Perkhidmatan Jabatan terbahagi kepada beberapa bahagian seperti berikut:-

Bahagian Pengumpulan Darah

Sebanyak 26,127 unit darah telah dikumpul pada tahun 2016 berbanding dengan 27,213 unit pada tahun 2015. Ini merupakan pengurangan sebanyak 3.9%. Jumlah penderma statik (in-house) menunjukkan pengurangan sebanyak 6.5%, manakala jumlah penderma bergerak (mobile) menunjukkan pengurangan sebanyak 3.2%, berbanding dengan tahun 2015. Penurunan berterusan ini adalah membimbangkan dan telah turut menjelaskan perkhidmatan pembekalan darah kepada pesakit. Beberapa perkara telah dikenalpasti menyumbang kepada penurunan ini. Antaranya termasuk masalah penjadualan dan pengendalian mobile darah bergerak, kehilangan staf yang mahir akibat persaraan, perletakan jawatan dan pertukaran antara jabatan dan kurang layanan dan insentif untuk penderma dari segi makanan yang disajikan dan majlis penghargaan.

Daripada statistik penderma mengikut kaum pula, kaum Cina kembali merekodkan penderma terbanyak, diikuti oleh kaum Melayu, India, warga asing dan lain-lain kaum. Aktiviti retensi penderma darah akan terus ditingkatkan untuk menentukan penderma darah terus setia menderma darah di Jabatan Perubatan Transfusi dan usaha berterusan dilakukan tanpa henti untuk menarik penderma darah baru.

Statistik Aktiviti Pengumpulan / Pendermaan Darah

Jumlah Pengumpulan	2015	2016	Perbezaan (%)
Jumlah penderma statik (in-house)	6,744	6,306	-6.5
Jumlah penderma bergerak (mobile)	20,469	19,821	-3.2
Jumlah	27,213	26,127	-3.9

Statistik Penderma Darah Mengikut Kaum

Kaum	2015	2016	Perbezaan (%)
Cina	11,055	10,672	-3.5
Melayu	11,148	10,045	-9.9
India	2,456	2,689	9.5
Lain-lain	452	482	6.6
Warga Asing	2,102	2,239	6.5
Jumlah	27,213	26,127	-3.9

Taburan Pengumpulan Darah Mengikut Sasaran Penderma Semasa Kempen Derma Darah Bergerak (Mobile)

Sasaran	2015	2016	Perbezaan (%)
30-60	146	149	2.1
80-100	68	91	33.8
>100	63	30	-52.4
Jumlah	277	270	-2.5

Merujuk kepada taburan pengumpulan darah mengikut sasaran penderma semasa kempen derma darah bergerak (mobile), mobile yang sasaran penderma melebihi 30-60 penderma dan 80-100 orang penderma menunjukkan peningkatan sebanyak 2.1% dan 33.8% masing-masing berbanding dengan tahun 2015. Manakala, mobile dengan sasaran >100 penderma pula menunjukkan penurunan berbanding tahun sebelumnya. Penurunan adalah sebanyak 52.4%. Penurunan ini berkemungkinan timbul akibat kekurangan staf untuk menyempurnakan mobil besar dan saingen dengan Pusat Darah Negara.

Bahagian Pemerosesan dan Bekalan Darah

Sebanyak 62,558 unit komponen telah dihasilkan pada tahun 2016 berbanding dengan 63,199 unit pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 1.0%. Permintaan dalaman untuk komponen darah secara keseluruhannya menunjukkan pengurangan sebanyak 7.1% berbanding tahun 2015. Permintaan dalaman untuk sel darah merah pula telah berkurang sebanyak 2.3%. Penurunan dalam permintaan untuk sel darah merah mungkin sekali timbul akibat kawalan ketat yang terpaksa dikenakan untuk pembekalan sel darah dan latihan berterusan yang diberi berkenaan penggunaan darah secara berhemah.

Dalam tahun 2016 sebanyak 234 unit darah terpaksa dibawa masuk untuk menampung keperluan hospital berbanding dengan 280 unit darah dalam tahun 2015. Pada masa yang sama, jabatan telah juga membekalkan komponen darah kepada hospital lain di mana 176 unit komponen darah dibekalkan ke hospital lain pada tahun 2016, berbanding dengan 69 unit pada tahun 2015 dengan peningkatan sebanyak 155.1%

Statistik Penghasilan Komponen Darah

Jenis	2015	2016	Perbezaan (%)
Darah Penuh	3,429	1,832	-46.6
Sel Darah Merah	17,847	18,587	4.1
Sel Darah Merah 'Leucodepleted'	6,124	5,854	-4.4
Platelet Rawak	13,022	13,668	5.0
Platelet Aferesis	2,444	2,190	-10.4
Platelet Gabungan	538	436	-19.0
Plasma Beku Segar	13,063	13,679	4.7
Krioendapan	3,366	3,156	-6.2
Kriosupernatan	3,366	3,156	-6.2
Jumlah	63,199	62,558	-1.0

Statistik Penggunaan Komponen Darah

Jenis	2015	2016	Perbezaan (%)
Darah Penuh	3,025	1,482	-51
Sel Darah Merah	16,612	17,266	3.9
Sel Darah Merah 'Leucodepleted'	5,603	5,450	-2.7
Platelet Rawak	6,609	5,760	-12.8
Platelet Aferesis	1,636	1,418	-13.3
Platelet Gabungan	504	402	-20.2
Plasma Beku Segar	9,854	9,088	-7.8
Krioendapan	2,656	2,262	-14.8
Kriosupernatan	72	136	88.9
Jumlah	46,571	43,264	-7.1

Statistik Komponen Darah Yang Diimport

Jenis	2015	2016	Perbezaan (%)
Darah Penuh	3	5	66.7
Sel Darah Merah	98	26	-73.5
Darah Rh Negatif	1	5	400
Platelet Rawak	178	173	-2.8
Platelet Aferesis	0	0	
Plasma Beku Segar	0	25	
Krioendapan	0	0	
Kriosupernatan	0	0	
Jumlah	280	234	-16.4

Statistik Komponen Darah Yang Dieksport

Jenis	2015	2016	Perbezaan (%)
Darah Penuh	30	0	-100
Sel Darah Merah	23	151	556.5
Sel Darah Merah 'Leucodepleted'	1	0	-100
Darah Rh Negatif	0	25	
Platelet Aferesis	4	0	-100
Platelet Rawak	11	0	-100
Jumlah	69	176	155.1

Bahagian perkhidmatan makmal rutin

Permintaan ujian untuk penentuan kumpulan darah ABO dan Rh untuk tahun 2016 bagi pesakit telah menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 0.4% dan 0.6%, masing-masing berbanding tahun 2015. Ujian penskrinan antibodi untuk pesakit pula telah menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 1.7%. Manakala, ujian pengecaman antibodi pula menunjukkan peningkatan yang tinggi iaitu sebanyak 59.8%.

Statistik Ujian Untuk Pesakit

Jenis Ujian	2015	2016	Perbezaan (%)
Penentuan kumpulan darah ABO	59,920	60,151	0.4
Penentuan Rh(D)	59,920	60,276	0.6
Rh genotyping	634	387	-39
Red Cell Phenotyping	62	11	-82.3
Penskrinan antibodi	49,423	50,266	1.7
Direct Antiglobulin Testing	3,484	4,069	16.8
Pengecaman antibodi (Jumlah spesimen disiasat)	988	1,579	59.8
Cold Agglutinin Titre	5	1	-80
Penyiasatan Reaksi Transfusi	183	267	45.9
Ujian compatibiliti	38,698	38,320	-1.0
Titration Anti A & Anti B (Transplant buah pinggang)	83	28	-66.3
Jumlah	213,400	215,355	0.9

Di bawah kategori ujian bagi penderma darah pula, ujian penentuan kumpulan darah ABO dan Rh(D) telah menunjukkan pengurangan sebanyak 7.3% berbanding dengan tahun 2015. Ini sejajar dengan pengurangan bilangan penderma darah secara umumnya.

Statistik Ujian Untuk Penderma Darah

Jenis Ujian	2015	2016	Perbezaan (%)
Penentuan kumpulan darah ABO	28,173	26,123	-7.3
Penentuan Rh(D)	28,173	26,123	-7.3
Titration Anti A & Anti B (Group O donor – Platelet leucocyte reduced dan Rh negatif)	7	20	185.7
Jumlah	56,353	52,266	-7.3

Statistik Bahagian Apheresis

Jenis Prosedur	2015	2016	Perbezaan (%)
Platelet Aferesis	864	761	-11.9
Pertukaran Plasma	157 (34 pesakit)	122 (29 pesakit)	-22.3
Leukoferesis	0	3 (2 pesakit)	
Pengumpulan Limfosit	0	0	
Pengumpulan PBSC	37 (25 Autologus + 12 Alogenik)	38 (23 Autologus + 15 Alogenik)	2.7
Pertukaran Sel Darah Merah	0	0	

Bahagian Perkhidmatan Aferesis

Bilangan prosedur plateletapheresis telah berkurang dari 864 prosedur pada tahun 2015 ke-761 pada tahun 2016. Pengurangan adalah sebanyak 11.9%.

Bilangan prosedur pertukaran plasma pula telah menunjukkan pengurangan sebanyak 22.3%. Leukoferesis merekodkan tiga prosedur yang dijalankan ke atas dua orang pesakit. Manakala bagi Pengumpulan limfosit dan Pertukaran sel darah merah tiada prosedur dijalankan dalam tahun 2016. Bilangan prosedur pengumpulan stem cell (PBSC) pula menunjukkan sedikit peningkatan iaitu sebanyak 2.7% iaitu sebanyak 37 prosedur dijalankan dalam tahun 2015 berbanding dengan 38 prosedur pada tahun 2016.

Bahagian Perkhidmatan Sel Stem

Perkhidmatan ‘Cryopreservation’ bagi ‘Peripheral Blood Stem Cell (PBSC)’ bagi dewasa dan kanak-kanak bagi tahun 2016 telah menunjukkan pengurangan sebanyak 37.1% berbanding dengan tahun sebelumnya. Sebanyak dua prosedur Cryopreservation darah tali pusat (pediatric) dan lima prosedur Cryopreservation untuk sum-sum tulang (pediatric) telah dibuat sepanjang tahun 2016.

Selain daripada prosedur ‘Cryopreservation’, tahun 2016 juga merekodkan sebanyak lapan prosedur ‘Direct infusion’ yang melibatkan pesakit dewasa. Dari lapan prosedur tersebut, lima prosedur ‘Direct infusion’ untuk ‘Peripheral blood stem cell collection’ manakala tiga prosedur lagi melibatkan ‘Direct infusion’ untuk sum-sum tulang.

Statistik Perkhidmatan Sel Stem (Cryopreservation)

Jenis Prosedur	2015	2016	Perbezaan (%)
Darah tali pusat (pediatrik)	0	2	
Sum-sum tulang (pediatrik)	5	5	0
Peripheral Blood Stem Cell/ "PBSC" (dewasa dan pediatrik)	54	34	-37.1
Jumlah	59	41	-30.5

Bahagian Makmal Aliran Saitometri

Sebanyak 152 ujian CD34 telah dijalankan keatas darah peripheral, produk apheresis dan darah tali pusat yang dikumpulkan dalam tahun 2016, berbanding dengan 173 ujian dalam tahun 2015. Berlaku pengurangan sebanyak 12.1%. Bagi ujian 'Leucocount' dan 'CD3' pula berlaku pengurangan sebanyak 53% dan 45% masing-masing, berbanding tahun 2015.

Secara keseluruhannya ujian-ujian yang dijalankan di bawah makmal aliran saitometri menunjukkan pengurangan berbanding dengan tahun 2015.

Statistik Makmal Aliran Saitometri

Jenis Ujian	2015	2016	Perbezaan (%)
Enumerasi CD34 (darah periferal)	100	81	-19
Enumerasi CD34 (produk aferesis)	71	69	-2.8
Enumerasi CD34 (darah tali pusat)	2	2	0
Ujian CD3	20	11	-45
Ujian Leucocount	198	93	-53

Masalah Yang Dihadapi Oleh Jabatan

Masalah Yang Dihadapi Pelanggan

- Walaupun bekalan darah dari segi kuantiti telah bertambah baik semenjak beberapa tahun kebelakangan ini dan selaras dengan keperluan, namun kualiti komponen darah yang dibekalkan masih perlu dipertingkatkan selaras dengan perkembangan masa dan keperluan piawaian antarabangsa. Pesakit yang menerima darah masih mempunyai risiko reaksi kepada transfusi darah dan jangkitan penyakit, walaupun risikonya kecil. Universal leucoreduction dan 'platelet bacterial testing' mampu mengurangkan risiko ini, tetapi masih belum diperkenalkan. Hanya ujian NAT barusajadiperkenalkanpadapenghujung tahun 2014. Walau bagaimanapun, ia sering menghadapi masalah peruntukan kewangan.
- 'Delivery system' kepada pelanggan perlu diperbaiki. Masih terdapat kelewatan dalam pembekalan darah disebabkan masalah komunikasi, komputer dan automasi.
- Program 'Patient Blood Management' perlu dipertingkatkan untuk menentukan keadaan pesakit yang berkemungkinan menerima darah dioptimakan dan penggunaan darah dikurangkan.
- Penderma darah dalaman (In-house) dan di mobile bergerak perlu dipertingkatkan lagi. Sebarang ketidakpuasan hati dan masalah yang diadukan oleh penderma darah perlu diambil serius dan diatasi bagi mengekalkan penderma sedia ada dan menarik penderma-penderma baru.

Luas Masalah

- Perkhidmatan Diagnostic Molecular dan Flow Cytometry, memerlukan dua orang lagi pakar hematologi untuk mengendalikan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.
- Kekurangan penyeliaan ke atas bekalan darah yang digunakan oleh pelanggan mengakibatkan penyalahgunaan dan pembaziran komponen darah.
- Pengawasan yang teliti perlu dijalankan ke atas penggunaan darah memandangkan

kesan-kesan mudarat yang mungkin timbul daripada penerimaan darah. Pada masa sekarang, tidak ada audit yang teliti dan berterusan dijalankan ke atas penggunaan darah. Kumpulan jururawat sepenuh masa (Transfusion practitioner) adalah diperlukan untuk menjalankan tugas tersebut.

JABATAN SURGERI

Jabatan Surgeri bertanggungjawab memberikan perkhidmatan seperti perkhidmatan klinikal, pengajaran pelajar-pelajar prajazah, pengajaran jururawat, pengajaran calon-calon lepasijazah, pengajaran pelajar - pelajar pergigian , mengendalikan peperiksaan ijazah dan lepasijazah serta menjalankan penyelidikan.

Di antara perkhidmatan yang disediakan termasuklah mengendalikan klinik-klinik seperti berikut iaitu:-

Surgeri Am

- » Klinik pesakit baru yang menawarkan perkhidmatan untuk mereka yang datang tanpa surat rujukan atau dengan surat rujukan

- » Klinik susulan bagi pesakit yang sudah mempunyai janji temu susulan dan yang mempunyai masalah baru.
- » Klinik Payudara
- » Klinik kardiotorasik Surgeri
- » Klinik Neurosurgeri
- » Klinik Pediatrik Surgeri
- » Klinik Plastik surgeri
- » Klinik Urologi termasuk menyediakan perkhidmatan Urodynamics, perkhidmatan lithotripsy dan juga menjalankan pembedahan ‘Renal Transplant’.

Surgical Research Lab

- » Untuk mengkaji molecular dan genetics marker in diseases.

Unit	Tahun 2016	Tahun 2015	Perbezaan (%)
Surgeri am	801	856	-6.42
Urologi	625	665	-6.01
Surgeri Neuro	308	312	-1.28
Surgeri Plastik	126	129	-2.32
Surgeri Pediatrik	342	395	-13.4
Surgeri Kardiothorasik	258	291	-11.3
JUMLAH	2,460	2,648	-7.09

Bilangan pembedahan elektif pada tahun 2016 telah berkurangan sebanyak -7.09% dari tahun 2015. Penurunan ini adalah

kerana pembedahan dikurangkan atas sebab pengubahsuaian dewan bedah

JABATAN SURGERI ORTOPEDIK

Jabatan Surgeri Ortopedik bertanggungjawab mengendalikan urusan di dalam bidang **Pengajaran, Penyelidikan, Perkhidmatan Klinikal dan Pentadbiran**

bagi memastikan semua urusan dapat dilaksanakan dengan berkesan di Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Bilangan Pesakit Luar Klinik Ortopedik

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
General Orthopaedic Clinic	4,357	4,532	4.02%
Oncology	1,781	1,750	-1.74%
Orthopaedic Clinic	554	563	1.62%
Spine	4,614	4,387	-4.92%
DJR Clinic	3,551	3,309	-6.81%
Hand & Microsurgery	5,350	5,674	6.06%
Sport	2,306	2,479	7.50%
Pediatric	2,162	2,039	-5.69%
LLRS	1,591	1,451	-8.80%
Foot & Ankle	1,874	1,044	-44.29%
Trauma Team (Green)	3,070	3,100	0.98%
Trauma Team (Red)	3,079	2,563	-16.76%
Trauma Team (Blue)	2,631	2,587	-1.67%
Trauma Team (Yellow)	3,142	2,755	-12.32%
Daycare Assessment	433	328	-24.25%
Orthopaedic procedures (DJR injection)	314	342	8.92%

Bank Tulang

Bank Tulang adalah salah satu kemudahan di NOCERAL, Fakulti Perubatan Universiti Malaya yang dijalankan bersama Jabatan Pembangunan dan Perniagaan (JPP), PPUM.

Perkhidmatan bekalan graf tulang yang dikendalikan oleh Bank Tulang adalah di bawah Jabatan Ortopedik Surgeri bersama JPP. Perkhidmatan ini melibatkan aktiviti perolehan, pemprosesan dan

penyimpanan tisu tulang manusia bagi tujuan membekalkan graf tulang yang steril dan selamat kepada pakar ortopedik untuk transplantasi ke atas pesakit di PPUM, UMSC dan beberapa hospital di Malaysia (Hospital Kuching, Hospital Sultanah Bahiyah Alor Setar, Hospital Fatimah Ipoh, Hospital Pulau Pinang, Pusat Perubatan Prince Court Kuala Lumpur, Hospital Queen Elizabeth II Kota Kinabalu, KPJ Specialist Centre Ipoh, Mahkota Medical Centre,Melaka dan Hospital Sultan Abdul Halim, Alor Setar).

Perkhidmatan dan Prosedur Terbaru

Selain dari graf tulang femoral head yang diperolehi dari tulang pinggul penderma hidup, Bank Tulang telah mula memperolehi dan membekalkan tulang panjang daripada penderma kadaver yang diselaraskan oleh NTRC, Kementerian Kesihatan Malaysia. Sistem kualiti berteraskan persijilan ISO 9001 untuk sistem pengurusan kualiti Bank Tulang telah mula diamalkan selaras dengan kehendak Malaysian Association of Tissue Banking (MACTB) dan Asia Pacific Association of Surgical Tissue Banks (APASTB).

Bank tulang mula membekalkan Donor kit-Femoral head kepada dewan bedah PPUM,

UMSC dan Quill Orthopaedic Specialist Centre. Setiap Donor kit-Femoral head mengandungi swab stick, tiub darah, slip pemeriksaan bakteriologi dan virologi dan plastik polietilen (PE). Pembekalan Donor kit ini memudahkan kerja perolehan tulang femoral heads dan knee slices semasa pembedahan penggantian sendi tulang pinggul and sendi lutut.

Bank tulang memperkenalkan Donor kit-Cadaveric untuk digunakan semasa perolehan tulang-tulang panjang daripada pesakit kadaverik. Setiap Donor kit-Cadaveric mengandungi plastik polietilen (PE), getah (4) dan kain linen. Bagi tujuan keselamatan pesakit, Donor kit ini dihantar ke Agensi Nuklear Malaysia untuk pensterilan

	2013	2014	2015	2016
Jumlah tulang diperolehi dari penderma untuk disaring	106	87	155	108
Jumlah geraf tulang yang dihasilkan oleh Bank Tulang	41	41	77	55
Jumlah geraf tulang yang ditransplan kepada pesakit	33	39	53	45
Nilai geraf tulang beku yang ditransplan (RM)		20,500.00	20,500.00	36,400.00
				59,550.00

Penderma dan Jenis Tisu Yang Dihantar Ke Bank Tulang PPUM

Penderma	Jenis Tisu						Jumlah
	Femoral Head	Knee Slices	Femur	Tibia	Humerus	Fibula	
UM Specialist Centre	79	8	0	0	0	0	87
UM Medical Centre	34	0	1	1	1	1	38
Quill Orthopaedic Specialist Centre	8	3	0	0	0	0	11
General Hospital Penang	0	0	2	0	1	0	3
Hospital Tengku Ampuan Rahimah	0	0	2	2	0	0	4
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah	0	0	4	4	1	0	9
Hospital Selayang	0	0	1	1	0	1	3
Jumlah							155

2016	Femoral Head	Knee Slices	Femur	Tibia	Humerus	Fibula	
UM Specialist Centre	18	12	0	0	0	0	30
UM Medical Centre	44	3	0	0	0	0	47
Quill Orthopaedic Specialist Centre	11	2	0	0	0	0	13
Hospital Miri	0	0	2	2	0	0	4
General Hospital Penang	0	0	4	2	0	0	6
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah	0	0	1	1	2	0	4
UKM Medical Centre	0	0	2	2	0	0	4
Jumlah							108

Hospital Penerima Musculoskeletal Tissue Allografts

Penerima	Tisu
2015	Deep Frozen Bone
Hospital Raja Permaisuri Bainon, Ipoh	2
Quill Orthopaedic Specialist Centre	1
KPJ Ipoh	2
Hospital Fatimah, Ipoh	7
General Hospital Penang	2
Hospital Umum Sarawak	10
UM Medical Centre	23
UM Medical Specialist Centre	6
Jumlah	53
2016	
Deep Frozen Bone	
Hospital Pulau Pinang	11
Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu	2
Hospital Sultan Abdul Halim	1
UM Medical Centre	8
UM Medical Specialist Centre	5
UKM Medical Centre	1
Hospital Umum Sarawak	7
Penang Adventist Hospital	2
Quill Orthopaedic Specialist Centre	2
Mahkota Medical Centre	1
Hospital Miri, Sarawak	2
Hospital Fatimah, Ipoh	1
Hospital Selayang	2
Jumlah	45

JABATAN PENYELIDIKAN KLINIKAL (CIC)

Jabatan Penyelidikan Klinikal telah ditubuhkan pada 1 Jun 2016 yang berperanan memantapkan lagi perkhidmatan penyelidikan klinikal di PPUM. Terdapat dua (2) jenis penyelidikan di bawah kendalian CIC iaitu *Industrial Sponsored Research (ISR)* dan *Investigator Initiated Trial (IIT)* yang mematuhi piawaian *Malaysian and ICH (International Conference Harmonization) Good Clinical Practice*.

Di antara perkhidmatan yang disediakan oleh PTj ini ialah:

Unit Pentadbiran dan Jaringan Awam

- memberi khidmat sokongan kepada penaja (pihak yang terdiri daripada syarikat farmaseutikal dan bioteknologi), *Contract Research Organization (CRO)* dan Ketua Penyelidik dalam hal-hal penyediaan bajet sebelum memulakan sesuatu penyelidikan. Pada masa yang sama, unit ini menjalankan rangkaian dengan pihak penaja, *Contract Research Organization (CRO)*, institusi, universiti sama ada di dalam maupun di luar negara bagi meningkatkan bilangan penyelidikan klinikal di PPUM.

Unit Kewangan - menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan yang cekap kepada Ketua Penyelidik dan Pembantu Penyelidik. Jabatan Penyelidikan Klinikal (CIC) akan mengawasi dan memastikan bajet yang disalurkan adalah mencukupi sepanjang pengendalian penyelidikan. Unit ini membekalkan lejar bagi setiap penyelidikan klinikal kepada Ketua Penyelidik melalui sistem i-CiC untuk memastikan urusan penyelidikan klinikal berjalan lancar seperti mana yang dijadualkan dalam jadual bajet. Bahagian ini juga menguruskan tuntutan-tuntutan bagi pengendalian penyelidikan, pembayaran kepada Ketua Penyelidik, Pembantu Penyelidik dan ahli-ahli teknikal dan syarikat/penaja yang terlibat.

Unit Undang-undang - menyediakan dan memberikan ulasan terhadap *Clinical Trial Agreement (CTA)* dan *Research Agreement*

untuk kesemua penyelidikan klinikal di bawah kendalian CIC bagi memastikan penyelidikan ini selari dengan piawaian Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) dan polisi yang ditetapkan di PPUM, mematuhi undang-undang Malaysia dan juga agensi kawal selia di dalam dan di luar negara. Unit ini melaksanakan pindaan kepada CTA/RA sekiranya diperlukan bagi penambahbaikan kepada sesuatu penyelidikan. CIC juga menyediakan perkhidmatan undang-undang kepada klien CIC (penyelidik-penyelidik) serta memastikan kelancaran dari segi hal ehwal undang-undang. Unit ini juga menyediakan memorandum persefahaman bagi projek kerjasama dengan para penaja atau CRO bagi meningkatkan bilangan penyelidikan klinikal dan kerjasama di antara kedua-dua belah pihak.

Unit Latihan dan Fasiliti - menyediakan dan memastikan kemudahan fasiliti seperti komputer, mesin pencetak, mesin fotostat, mesin faks, set tekanan darah, peti sejuk, tempat penyimpanan ubat, ECG, *centrifuge*, almari inkubator bagi penyimpanan dokumen dan lain-lain fasiliti yang spesifik kepada penyelidikan klinikal berfungsi dengan baik. Unit ini menyediakan ruang kepada kakitangan pentadbiran, Ketua Penyelidik, Pembantu Penyelidik untuk menguasai kepakaran dalam bidang masing-masing melalui pelbagai jenis latihan dan seminar. Jabatan Penyelidikan Klinikal (CIC) juga mengendalikan Kursus *Good Clinical Practice (GCP)* kepada kakitangan dan pelajar-pelajar Universiti Malaya (UM) serta peserta-peserta daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta, farmaseutikal dan juga hospital-hospital kerajaan sebanyak empat (4) kali dalam setahun.

Unit Penyelidikan - memastikan segala perjalanan penyelidikan lancar daripada Feasibility sehingga Site Closure dan juga membantu penyelidik melaporkan *Protocol Deviation*, laporan *Serious Adverse Event (SAE)*, laporan tahunan, *Closure Report*, dan sebarang pindaan kepada MREC,

PPUM dalam masa yang ditentukan dalam garis panduan *ICH/GCP*. Bahagian ini juga membantu Ketua Penyelidik dalam proses pengauditan daripada Agensi Regulatori Farmasi Negara (*NPRA*), agensi kawal selia antarabangsa, *Food and Drug Administration*

(*FDA*) dan juga penaja-penaja. Unit ini juga berinteraksi dengan jabatan-jabatan PPUM sama ada di dalam maupun di luar negara untuk memastikan pengendalian penyelidikan dijalankan dengan teratur dan baik.

JENIS KAJIAN	2015	2016	PERBEZAAN (%)
ISR	42	33	-9.0%
IIT	11	10	-1.0%
JUMLAH	53	43	-10.0%

Jumlah bilangan penyelidikan ISR dan IIT yang dijalankan melalui CIC pada tahun 2016 adalah sebanyak 43 di mana penurunan sebanyak 10% dapat dilihat berbanding tahun 2015 yang mencatatkan jumlah sebanyak 53 penyelidikan klinikal. Penurunan minima dapat dilihat bagi penyelidikan jenis IIT iaitu sebanyak 1.0% daripada tahun 2015 berbanding dengan tahun 2016. Bilangan penyelidikan klinikal jenis ISR menurun daripada 42 kepada 33 dengan peratus penurunannya adalah 9.0%

Kejayaan dan Anugerah

The *INSPIRE* Program

Jabatan Perubatan Klinikal (CIC) telah diiktiraf sebagai *INSPIRE Site (Investigator Networks, Site Partnership and Infrastructure for Research Excellence)* – Pencapaian ini telah diberikan oleh Pfizer Inc. pada 8 Jun 2016.



Certificate of Approval

This is to certify that

University Malaya Medical Centre – Clinical Investigation Centre

Has been selected as

INSPIRE Site

(Investigator Networks, Site Partnerships and Infrastructure for Research Excellence)

As of


<8-JUN-2016>*

Errol M. Casiano
Investigator Site Development Lead

*The certificate is valid for 1 year from the date of approval

PAREXEL Site Alliances 2016

Parexel International telah memilih CIC sebagai Site Alliance yang pertama di Malaysia. Pemilihan ini berdasarkan kepada keupayaan CIC dalam pengendalian penyelidikan klinikal, perekutan (pengambilan) pesakit dan kerjasama dengan baik kepada hospital dan para penyelidik yang terlibat serta penglibatan CIC seiring dengan pembangunan semasa.

**Quintiles Prime Site 2016**

Jabatan Perubatan Klinikal (CIC) telah mengekalkan status Prime Site Quintiles untuk enam tahun berturut-turut pada tahun 2016.



Rancangan Masa Hadapan Jabatan

- Mengelakkan status CIC sebagai sebuah pusat penyelidikan klinikal yang terunggul di Asia dan memantapkan reputasi CIC di peringkat antarabangsa.
- Merancang 3 strategi di bawah teras penyelidikan dalam pelan strategik PPUM untuk mendapatkan lebih banyak projek penyelidikan klinikal daripada syarikat farmaseutikal antarabangsa secara berhemah dan efektif.
- Menyediakan premis CIC Mengukuhkan perhubungan dengan syarikat farmaseutikal yang sedia ada dan mewujudkan jaringan baru dengan menghadiri pameran dan persidangan di peringkat europah untuk mengekalkan dan menambah projek-projek penyelidikan klinikal (ISR) yang akan mendatangkan keuntungan.
- Strategi pembangunan secara '*diversified resources*', iaitu selain dari menjalankan penyelidikan klinikal, Jabatan Penyelidikan Klinikal (CIC) boleh menjana lebih banyak dana dengan mengendalikan kursus dan bengkel, memberikan perkhidmatan baru yang berkenaan dengan penyelidikan klinikal dan lain-lain.
- Untuk mendapatkan akreditasi AAHRPP (*Association for the Accreditation of Human Research Protection Programs*). Akreditasi ini menggunakan satu set piawaian objektif untuk menilai kualiti dan tahap perlindungan sesebuah organisasi itu terhadap penyelidikan klinikal. Melalui akreditasi ini, sesebuah organisasi subjek itu dapat menunjukkan kecemerlangan dalam keseluruhan program penyelidikan klinikal dengan menyediakan perlindungan yang paling komprehensif kepada subjek penyelidikan klinikal.
- Mengintegrasikan sistem pengelasan penyakit berdasarkan kod ICD-10 (diagnosis semasa discaj), sistem iPharmacy, LIS dan iPesakit.
- Masalah yang dihadapi oleh jabatan berkaitan penyelidikan adalah kenaikan dan perubahan secara kerap caj rawatan dan prosedur diagnostik dengan GST yang mendadak menyebabkan penaja tidak mempertimbangkan PPUM sebagai *preferred site* untuk menjalankan kajian klinikal. Pihak penaja kini beralih kepada site yang lebih murah dan kompetitif seperti hospital swasta dan kerajaan.

JABATAN PERUBATAN

Jabatan Perubatan merupakan jabatan yang terbesar dengan pelbagai disiplin klinikal yang diuruskan di bawah unit-unit klinikal seperti berikut:

Unit Dermatologi

Unit Dermatologi menyediakan perkhidmatan biopsi kulit & electrocautery, cryotherapy, intralesional injections, skin

scraping & Tzanck smear, nail clipping dan MOHs micrographic surgery.

Program akademik yang dijalankan oleh unit ini adalah seperti berikut:

- Pengajaran Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS)
- Latihan bagi pasca-ijazah iaitu Sarjana Perubatan (MMed) dan Sarjana Lanjutan Dermatologi (AdvMDerm, Universiti Kebangsaan Malaysia [UKM])

Statistik Pesakit Unit Dermatologi

Perkhidmatan	2012	2013	2014	2015	2016	Jumlah
Pesakit Baru	1,801	1,749	1,803	1,911	1,856	9,120
Pesakit Susulan	4,261	5,028	5,316	5,850	6,037	26,492
Kemasukan terus ke wad	59 (0.87%)	74 (0.97%)	164 (1.98%)	211 (2.25%)	163 (1.72%)	671 (1.62%)
Rujukan	326	367	421	460	472	2,046
Skin Biopsies	287	284	327	432	343	1,673
Mohs surgery	-	-	-	-	6	6
Tiada maklumat	74	111	241	533	574	1,533
Jumlah	6,808	7,613	8,272	9,397	9,451	41,541

Jumlah pesakit yang dirawat telah menunjukkan peningkatan dalam masa 5 tahun. Namun, kadar kes kulit yang memerlukan kemasukan ke wad bagi rawatan dan penjagaan rapi adalah 1.62% daripada jumlah bilangan pesakit yang dilihat di PPUM. Kes-kes yang memerlukan kemasukan terdiri daripada kes-kes Dermatologi yang serius contohnya, 'Steven Johnsons Syndrome' (SJS), Toxic Epidermal Necrolysis (TEN), eritroderma dan penyakit melepuh (bullous diseases) lain, serta kes-kes 'cellulitis' bermula 2014.

Unit Gastroenterologi

Sejak tahun 2008, unit Gastrointestinal Endoskopi telah dianugerahkan sebagai *OMED Center of Excellence* dan pengiktirafan ini telah dilanjutkan dari tahun 2015-2020 yang kini dikenali sebagai *World Endoscopy Organization (WEO) Center of Excellence*. Anugerah ini telah menempatkan bahagian ini sebagai salah satu daripada 16 pusat Gastrointestinal Endoskopi di dunia ini yang mendapat pengiktirafan tersebut.

Unit Geriatrik

Bilangan Pesakit Wad Geriatrik

	2015	2016	Perbezaan %
Kemasukan Pesakit Ke Wad Geriatrik	620	699	12.8%

Unit Hematologi

Statistik Pesakit Rawatan Harian Unit Hematologi

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Susulan	5676	4902	-13
Kimoterapi /infusi	1190	985	-2
Membantu prosedur aspirasi Sum-sum tulang & ITMTX	192	178	-7
Pengambilan darah	5687	5099	-10
Transfusi Darah & Komponen Darah	1800	1461	-18
Pencucian Luka	485	528	9
Lain-lain	226	174	-23
Jumlah	15,030	13,327	-11

Statistik Perkhidmatan Pesakit Dalam Unit Hematologi

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Jumlah kemasukan pesakit	872	960	13
Allogeneic peripheral blood stem cell transplantation	12	12	0
Autologous peripheral blood stem cell transplantaion	11	10	-9

Unit Neurologi

Pesakit-pesakit yang dirujuk untuk ujian-ujian neurofisiologi, secara amnya mengalami penyakit saraf yang berpunca dari otak (epilepsi, barah otak, stroke, *hemifacial spasms, dystonia, Parkinson's disease*), neuromuscular (Carpal Tunnel Syndrome, Diabetic Neuropathy, Guillaine

Barre Syndrome, muscular dystrophies), saraf tunjang (Motor Neuron Disease, Multiple Sclerosis, Spinal Muscular Atrophy) dan pelbagai lagi. Kesemua pesakit secara amnya di pantau dan di bawah pemerhatian neurologis. Manakala, ujian-ujian pula dijalankan oleh Juruteknologi Makmal Perubatan dengan sebahagiannya dilakukan bersama pakar neurologis.

Statistik ujian-ujian yang dijalankan di Makmal Neurologi

Ujian	Bilangan Kes	
	2015	2016
EEG	1,317	1,166
VEM	44	29
PSG	364	396
MSLT	1	2
NCS & EMG	721	779
EPS	164	191
IOM	90	111
TCD	779	692
U/S Carotid Doppler	251	261
Suntikan Botulinum Toxin A	374	395
Magnetic Stimulation	2	1
Jumlah	4,107	4,023

UNIT MAKMAL KARDIOLOGI

Fungsi unit adalah memberi perkhidmatan pengajaran, penyelidikan dan rawatan penyakit kardiovaskular yang berkualiti dalam memenuhi misi dan visi Pusat Perubatan Universiti Malaya. Unit Makmal Kardiologi

menyediakan perkhidmatan seperti *non-invasive cardiorespiratory laboratory* (NICL), *invasive cardiovascular laboratory* (ICL) dan *non-invasive therapeutic treatment*.

Bilangan Pesakit Menjalani Prosedur Non-invasive

Jenis Ujian	2015	2016	Perbezaan (%)
Resting ECG	14,425	13,769	-2.33
Stress ECG	2,016	1,864	-3.92
24-hour monitoring ECG (holter) / Rhythm Card / King of Heart	1,100	1,149	2.18
Ambulatory Blood Pressure 24 hrs	290	333	6.90
Transthoracic Echocardiogram (TTE)	11,341	11,508	0.73
Transoesophageal Echocardiogram (TEE)	86	86	-
Respiratory Function Test	3,292	3,474	2.69

Bilangan Pesakit Menjalani Prosedur Invasive

Jenis Ujian	2015	2016	Perbezaan (%)
Coronary Angiogram	1,645	1,812	4.83
Percutaneous Transluminar Coronary Angioplasty/stenting (PTCA)	989	1,094	5.04
Percutaneous Transluminar Angioplasty/stenting (PTA)	6	13	36.84
Primary PCI dan Rescue PCI	126	127	0.40
Intravascular Ultrasound (IVUS)	118	102	-7.27
Intraaortic Ballon Pump	9	12	14.29
Pacemaker Implant (single/dual/ICD/CRT)	108	120	5.26

Bilangan Pesakit Yang Mendapatkan Rawatan Extracorporeal Shockwaves Myocardial Revascularization (ESMR)

Jenis Rawatan	2015	2016	Perbezaan (%)
ESMR	37	73	32.73

Kejayaan Unit

Kewujudan MYSTEMI NETWORK di dalam perkhidmatan Unit Makmal Kardiologi dengan kerjasama Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang dan Hospital Shah Alam telah berjaya membantu pesakit

mendapatkan rawatan *primary angioplasty* dengan segera.

Penubuhan Tabung Yayasan Sime Darby telah berjaya menyediakan bantuan kewangan kepada hampir 200 orang pesakit yang tidak berkemampuan untuk menerima rawatan angioplasti koronari.



JABATAN **SOKONGAN KLINIKAL**



**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
MALAYA**

JABATAN DIETETIK

Jenis Perkhidmatan yang disediakan

Perkhidmatan Terapi Pemakanan Perubatan

Perkhidmatan terapi pemakanan perubatan diberikan kepada pesakit luar dan pesakit dalam oleh pegawai dietetik. Terapi pemakanan perubatan merangkumi proses penilaian status pemakanan, diagnosis masalah pemakanan, pelan intervensi termasuk regim pemakanan, pemantauan dan penilaian semula keberkesanan terapi.

Klinik Dietari Rawatan Utama (RUKA)

Klinik ini beroperasi pada setiap hari bekerja dari jam 8.30 pagi – 4.30 petang. Kebanyakan pesakit yang dirujuk adalah dari Klinik RUKA, Keluarga, Kesihatan Kakitangan dan Klinik Saringan. Selain dari itu terdapat juga rujukan dari klinik-klinik pakar lain apabila ketiadaan pegawai dietetik di klinik pada hari tersebut. Klinik ini juga memberi sesi pendidikan berkumpulan kepada pesakit pada setiap sebulan.

Pengurusan Pesakit Secara Berpasukan (*Multidisciplinary Team Management*)

Pegawai dietetik juga terlibat dalam menjagaan pesakit secara berpasukan. Kaedah ini menggabungkan kemahiran dan pengalaman daripada pelbagai profesional kesihatan bagi memastikan menjagaan pesakit lebih berkesan, intensif, berkualiti dan menjimatkan kos. Kaedah ini juga dapat mengelakkan berlakunya pertindanan dalam proses menjagaan pesakit dengan melakukan perbincangan dan komunikasi secara lebih efektif. Pegawai dietetik mengambil peranan penting dalam pasukan seperti Pemakanan sokongan (nutrition support), renal, Klinik FEES Rehab, Pediatrik – gastro, Pediatrik – endokrin dan Pediatrik – metabolic

Kumpulan Sokongan Pesakit (*Patient Support Group*)

Pegawai dietetik juga terlibat dalam memberi ceramah kepada pesakit dan keluarga untuk kumpulan sokongan pesakit apabila diperlukan:

- ‘Psychiatric Support Group’
- ‘Bariatric Patient Support Group’
- ‘Breast Cancer Survivors Group’

Perkhidmatan Bekalan Makanan Enteral dan Formula bayi

Bekalan makanan enteral dan formula bayi untuk pesakit disediakan oleh Unit Bekalan Makanan Enteral yang diselia oleh Jabatan Dietetik

• Makanan Enteral

Makanan enteral merangkumi makanan cecair tambahan atau cecair penuh yang diberi melalui mulut atau melalui tiub ke dalam sistem gastrousus. Terdapat lebih 40 jenis produk yang dibekalkan dalam bentuk RTU (ready-to-use), RTD (ready-to-drink) atau serbuk yang dibekalkan mengikut keperluan pesakit.

• Penyediaan dan Bekalan Formula Bayi

Terdapat empat kategori formula yang di bekalkan iaitu:

- Formula Rumusan Bayi
- Formula Rumusan Bayi Pra-matang
- Formula Khas – (extensively hydolysed dan amino-acid based formula)
- Formula metabolism untuk pesakit in-born errors of metabolism mengikut diagnosis masing-masing

Semua formula bayi termasuk botol susu dan puting akan hanya di bekalkan mengikut preskripsi daripada pegawai perubatan.

Perkhidmatan Sajian

Pentadbiran Unit Sajian diletakkan di bawah pengurusan Jabatan Dietetik sejak 15 Januari 2007. Berikut adalah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Unit Sajian.

• Pengurusan dan pemantauan kontrak sajian makanan

Kawalan mutu perkhidmatan penyediaan dan bekalan makanan kepada pesakit dan makanan tengahari Pegawai Perubatan di Dewan Bedah.

Kaedah pemantauan yang dilakukan adalah melalui:

- Ujirasa makanan oleh kumpulan pegawai penilai dari semua jabatan dan wakil kesatuan pekerja
- Maklumbalas dan aduan pelanggan serta perlaksanaan tindakan ketidakpatuhan
- Menyemak porsi/berat makanan yang masak dan mentah secara rawak
- Memantau masa hidangan makanan dibekalkan mengikut spesifikasi waktu hidangan
- Memantau proses penghantaran dan penghidangan makanan di wad
- Memantau kebersihan di kawasan dapur utama untuk meninjau kebersihan premis dan peralatan hidangan.

Statistik Pesakit Dalam Yang Mendapat Perkhidmatan Pegawai Dietetik

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Dalam	12,454	12,101	- 2.8

Bilangan Pesakit Luar Klinik Dietari

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Baru	1,171	989	15.5
Pesakit Susulan	454	560	23.3
Jumlah	1,625	1,549	- 4.7

Bilangan Pesakit Klinik Pakar Yang Mendapat Perkhidmatan Pegawai Dietetik

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Klinik Ibu Mengandung	710	843	-
Diabetis & Endokrin	174	195	-
Renal&Low Clearance Clinic	696	895	-
Onkologi	152	173	-

Pediatric& Rawatan Harian Pediatric	647	705	-
Cardiac& Neuro Rehab	74	86	-
Surgikal	149	150	-
CAPD	80	59	-
FEES Rehab	34	30	-
Klinik Renal Transplant& Rawatan Harian Renal	165	144	-
Klinik Obesiti	48	48	-
Klinik Gastro	-	138	-
Klinik-klinik Lain (selain RUKA)	23	49	-
Jumlah	2,952	3,515	19.1

Jumlah Pesakit Yang Mendapat Perkhidmatan Terapi Pemakanan Perubatan

Perkhidmatan	2015	2016	Perbezaan (%)
Pesakit Dalam	12,454	12,101	- 4.7
Pesakit Luar (RUKA & Klinik Pakar & Rawatan Harian)	4,577	5,064	19.1
Jumlah	17,031	17,165	0.8%

Jumlah Bekalan Makanan Enteral

Jenis Makanan Enteral	2015	2016	Perbezaan (%)
Pemakanan Tiub	31,009	31,585	-1.9
Minuman Tambahan	19,989	17,063	-14.6
Jumlah	50,998	48,628	-4.6
Purata sehari	140	133	

**Bilangan Pesakit Yang Menerima
Makanan Enteral**

Jenis Makanan Enteral	2015	2016	Perbezaan (%)
Pemakanan Tiub	5,589	5,316	-4.9
Minuman Tambahan	4,318	4,180	-3.2
Jumlah	9,907	9,496	-4.2

Jumlah Bekalan Formula Bayi

Jenis Formula	2015	2016	Perbezaan (%)
Formula Rumusan Bayi	19,636	15,196	-22.6
Formula Bayi Pramatang	10,218	9,734	-4.7
Jumlah	29,854	24,930	-16.5

**Bilangan Pesakit Yang Menerima
Bekalan Formula Bayi**

Pesakit Menerima Formula Bayi	2015	2016	Perbezaan (%)
Bilangan Pesakit	8,614	7,426	-13.8

**Bilangan Pesakit Yang
Menerima Bekalan Makanan
(Diet Normal dan Teraputik)**

Jenis Bekalan Makanan	2015	2016	Perbezaan (%)
Diet Normal (Regular Diet)	220,038	184,029	-16.4
Diet Teraputik	69,168	61,883	-10.5
Jumlah Bekalan	289,206	245,912	-15.0
Purata Sehari	792	672	-
Nisbah Peratusan Diet Normal: Diet Teraputik	76:24	75:25	-

**Jumlah Hidangan
Makanan Yang Dibekalkan
(Diet Normal Dan Teraputik)**

Jumlah Hidangan Keseluruhan	2015	2016	Perbezaan (%)
Diet Normal dan Teraputik	1,336,040	1,229,561	-8.0

**Jumlah Keseluruhan Pesakit Yang
Menerima Bekalan**

Jenis Diet	2015	2016	Perbezaan (%)
Makanan Enteral	50,998	48,628	-4.6
Diet Normal (Regular Diet)	220,038	184,029	-16.4
Diet Teraputik	69,168	61,883	-10.5
Jumlah	340,204	294,450	-13.4
Nisbah Peratusan Enteral: Normal: Teraputik	15:65:20	17:62:21	-

Perkhidmatan Pemantauan Unit Sajian

Berikut adalah skop perkhidmatan pemantauan Unit Sajian selain daripada pemantauan makanan pesakit:

**Skop Perkhidmatan Unit Sajian Yang Lain
(Jumlah Pek)**

Skop	2015	2016	Perbezaan (%)
Hospitaliti	1,700	1,690	-0.06

Pengurusan Aduan Pelanggan

Aduan dari pelanggan diterima dari sesi uji rasa, pesakit di wad, staf PPUM, Jabatan Perhubungan Awam dan juga badan pemantau iaitu Unit Sajian.

**Jumlah Aduan Pelanggan Berkaitan
Sajian Makanan**

Jenis Aduan	2015	2016	Perbezaan (%)
Penilaian Kualiti Makanan	87	82	
Pemantauan Jabatan Dietetik	46	45	
Wad	41	65	
Makanan Supper	2	-	
Jabatan Perhubungan Awam	14	9	
Kajian Kepuasan Pelanggan	3	-	
Ez Form	-	-	
Jabatan Kawalan Jangkitan	1	-	
Bankuasi	-	2	
Jumlah	194	203	4.6

Masalah yang dihadapi memerlukan perhatian pihak Pengurusan PPUM

- Jabatan Dietetik memerlukan pegawai dietetik yang terlatih dan berpengetahuan tinggi. Oleh itu, untuk memastikan tahap kompetensi melalui kualiti perkhidmatan kepada pesakit dan juga aktiviti pengajaran, pegawai-pegawai dietetik yang sedia ada memerlukan program latihan

secara berterusan dan juga program penempatan di dalam atau luar negara untuk menambah pengalaman, kepakaran serta pengetahuan mereka di dalam pelbagai pengkhususan.

- Ketiadaan pejabat setempat Jabatan Dietetik menyukarkan pengurusan harian kerana staf sokongan berada di Unit Bekalan Makanan Enteral dan pegawai-pegawai dietetik berada di dua lokasi yang berbeza iaitu dapur utama dan RUKA.

Racangan Masa Depan Jabatan

- Aplikasi penggunaan 3-minute Screening Tool sebagai alat saringan pemakanan (nutrition screening tool) dicadangkan selaras dengan pewujudan electronic medical record Pegawai Dietetik sebagai kaedah rasmi saringan pemakanan di PPUM selaras dengan keperluan yang dikehendaki oleh MSQH.

- Penggunaan Sistem i-Diet secara menyeluruh meliputi pengurusan pesanan makanan yang sedia ada dengan pengurusan aduan berkaitan makanan serta penilaian kualiti makanan melalui ujirasa menu yang berkaitan.

JABATAN FARMASI

Perkhidmatan/ Prosedur Baharu

- Perkhidmatan MTAC Diabetes**

Perkhidmatan ini mula beroperasi pada Januari 2016 yang bertujuan menilai kefahaman tentang penyakit serta cara pengambilan ubat oleh pesakit serta menentukan isu-isu penjagaan farmaseutikal dalam pengurusan penyakit diabetes yang lebih berkesan.

- Renal Medication Therapy Adherence Clinic (MTAC)**

Perkhidmatan ini bermula pada 1 Jun 2016 yang bertujuan memberi kaunseling kepada pesakit-pesakit yang menghidapi penyakit buah pinggang ("chronic kidney disease" / CKD) mengenai cara pengambilan ubat yang betul.

- Penggunaan Sistem iPharmacy Bagi Menggantikan Sistem Ascribe**

Tarikh berkuatkuasa: 1 Julai 2016

Objektif: Untuk menjimatkan kos penyelenggaraan sistem dan memudahkan pelaksanaan preskripsi elektronik.

Kontrak Penggunaan dan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Farmasi (PIS) Ascribe telah tamat pada 30 Jun 2016 yang lepas dan digantikan oleh sistem iPharmacy yang dibangunkan sendiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat PPUM.

- Bekalan ubat oral Imatinib untuk sebahagian pesakit GIPAP (program kos sifar)**

Syarikat Novartis telah memutuskan untuk menghadkan bekalan ubat Imatinib kos sifar kepada 28 orang pesakit sahaja berikutan penamatan program GIPAP sejak tahun 2010. IPC telah dipertanggungjawabkan untuk mendispen ubat Imatinib kos sifar ini secara bulanan. Pesakit yang mempunyai surat jaminan agensi kerajaan dikehendaki mendapatkan bekalan ubat Imatinib dari PharmUMMC. Ini secara tidak langsung mengurangkan jumlah pesakit yang perlu dibekalkan melalui IPC dan stok ubat boleh dikawal dengan lebih baik.

Statistik Perbandingan Aktiviti Jabatan

Statistik	2015	2016	% perbezaan
Farmasi Logistik			
Peruntukan (RM)	70,000,000.00	62,285,200.00	-11.0
Jumlah nilai pesanan sebenar (RM)	62,822,537.57	61,639,301.00	-1.8
Pelupusan ubat-ubatan (RM)	122,284.10	143,328.94	+17.2

Perbandingan perbelanjaan mengikut VOT bagi tahun 2015 dan 2016

Kod Keterangan	2015 (A)	2016 (B)	% perbezaan
B27051 – Ginjal	2,995,826.92	2,650,000.00	-11.5
B27052 – Ubat Terhad dan Lain-lain	407,812.10	1,435,567.46	252.0
B27054 – Hematologi	571,495.50	748,582.00	30.9
B27057 – Peadiatrik	1,074,337.44	1,300,000.00	21.0

Kod Keterangan	2015 (A)	2016 (B)	% perbezaan
B27058 – Pengeluaran Farmaseutikal	543,613.90	550,000.00	1.1
B27059 – Kawalan Infeksi	297,462.83	350,000.00	17.6
B27060 – Gastroenterologi	1,974,862.83	1,699,364.02	-13.9
B27061 – Kardiologi	6,192,623.64	8,000,000.00	29.1
B27062 – Respiratori	1,752,637.67	1,700,000.00	-3.0
B27063 – CNS	10,000,000.00	8,177,470.50	-18.2
B27064 – Infeksi	11,100,843.14	10,600,000.00	-4.5
B27065 – Endokrin	5,166,162.69	5,500,000.00	6.4
B27066 – O&G, UTI	1,483,843.46	1,296,283.85	-12.6
B27067 – Onkologi	3,000,000.00	2,399,548.75	-20.0
B27068 – Nutrisi & darah	9,830,848.63	8,971,607.83	-8.7
B27069 – Otot & sendi	996,098.03	825,200.00	-17.1
B27070 – Oftalmologi	783,184.80	900,000.00	14.9
B27071 – ENT	360,641.88	271,731.90	-24.6
B27072 – Kulit	385,482.21	350,000.00	-9.2
B27073 – Vaksin / Immunoglobulin	1,547,778.08	1,267,772.97	-18.0
B27074 – Anesthesia	2,241,075.01	2,500,000.00	11.5
- Pelaksanaan Rasionalisasi Skim Perkhidmatan Bagi Perkhidmatan Awam Persekutuan Di Bawah Sistem Saraan Malaysia.

Sejajar dengan Transformasi Perkhidmatan Awam dalam memastikan Perkhidmatan Awam mempunyai modal insan yang kompeten untuk

merealisasikan wawasan negara, maka Kerajaan telah melaksanakan rasionalisasi skim perkhidmatan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilanga 1 Tahun 2016. Rasionalisasi ini bertujuan memperkermaskan pengurusan skim perkhidmatan, menambah baik kemajuan kerjaya dan mengemaskini syarat lantikan dengan melibatkan kajian ke atas 252 skim perkhidmatan. Lembaga Pengurus pada 7 Jun 2016 telah bersetuju menerima pakai pekeliling perkhidmatan ini secara keseluruhan.

Statistik implikasi kewangan yang terlibat

KETERANGAN	BILANGAN STAF	JUMLAH (RM)
Pemberian 1 KGT Julai	5,759	796,910.00
Pegawai Yang Terlibat Dengan Gaji Minimum RM1,200.00	314	68,129.86
Implikasi 1 KGT Oktober	1,153	500,130.00
JUMLAH		1,365,169.86

- Pelaksanaan Dan Penambahbaikan Projek-Projek Secara Atas Talian
Bagi meningkatkan kecekapan dan memudahkan urusan berkaitan hal ehwal pengurusan perkhidmatan dan

latihan di Jabatan Sumber Manusia, satu penambahbaikan proses kerja di Jabatan Sumber Manusia telah dibuat secara atas talian. Berikut adalah aktiviti yang telah dilaksanakan :

KETERANGAN SISTEM	PENAMBAHBAIKAN
1. SISTEM PENGHANTARAN SURAT PANGGILAN TEMUDUGA DALAM TALIAN	<p>a. Calon berkelayakan akan menerima emel panggilan temuduga selepas saringan permohonan selesai.</p> <p>b. Kebaikan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penjimatan kos - Pengurusan masa yang berkesan - Pemilihan calon lebih telus dan berintegriti
2. PENAMBAHBAIKAN MODUL PENYEDIAAN JADUAL BERTUGAS PEGAWAI PERUBATAN DALAM SISTEM ELAUN KERJA LUAR WAKTU BEKERJA BIASA (EKLWBB)	<p>a. Pegawai Perubatan yang telah memohon bercuti tidak akan disenaraikan dalam Jadual Bertugas Atas Panggilan.</p> <p>b. Kebaikan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memudahkan urusan permohonan dan pembayaran Elaun Kerja Luar Waktu Bekerja Biasa
3. MEWUJUDKAN MENU ANALISA KEBERKESANAN LATIHAN GENERIK	<p>a. Penyelia/Ketua Jabatan akan membuat penilaian keberkesanan kursus generik yang dihadiri staf sebelum ini.</p> <p>b. Kebaikan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengetahui tahap kemahiran, pengetahuan dan sikap staf. - Latihan, pendidikan dan pembangunan dapat dikenalpasti ke arah melahirkan pekerja yang berkualiti.
4. PERLAKSANAAN SISTEM PENILAIAN PRESTASI 360° BAGI PENAMBAHBAIKAN PROGRAM LATIHAN PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH	<p>a. Kriteria pemarkahan dibahagikan kepada 40% berdasarkan buku log dan 60% adalah penilaian prestasi 360°. Penilaian prestasi 360° adalah ditentukan oleh Penyelia PPS, Ketua Jururawat dan peers.</p> <p>b. Kebaikan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Melahirkan Pegawai Perubatan yang kompeten serta selamat untuk mengamalkan secara professional dan beretika serta mengekalkan motivasi PPS untuk terus menjalani latihan siswazah sehingga tamat tempoh latihan. - Proses kerja penyediaan buku log dan pemantauan kompetensi PPS akan lebih efisyen dan sistematis.
5. PROJEK RINTIS MUAT NAIK SIJIL CUTI SAKIT SECARA DALAM TALIAN	<p>a. Penambahbaikan rekod dan maklumat sistem cuti dengan memuat naik salinan sijil cuti sakit kerajaan dan swasta.</p> <p>b. Kebaikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Memudahkan jabatan untuk menyimpan rekod dan carian sijil cuti sakit. - Kelulusan permohonan dapat dilaksanakan dengan mudah dan cekap.

KETERANGAN SISTEM	PENAMBAHBAIKAN
6. SISTEM KUOTA PERMOHONAN LATIHAN INDUSTRI	<p>a. Permohonan latihan industri secara kuota berdasarkan keperluan Jabatan/unit.</p> <p>b. Kebaikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Membantu mengawal kemasukan permohonan latihan industri dari Institusi Pengajian Tinggi Awam/Swasta berdasarkan jumlah maksima yang dibenarkan oleh Jabatan/unit. - Kemudahan ini juga dipanjangkan kepada anak staf untuk memohon latihan industri walaupun tempat pengajian tiada MoU dengan PPUM.
7. MAKLUMAT GAJI, ELAUN DAN KEMUDAHAN YANG DITERIMA STAF DI PORTAL	<p>a. Faedah dan kemudahan yang layak diterima sepanjang perkhidmatan.</p> <p>b. Kebaikan :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Maklumat ini boleh dijadikan sebagai panduan mengenai faedah dan kemudahan yang diterima oleh staf sepanjang perkhidmatan mereka di PPUM.

Kedudukan Perjawatan Semasa

Kumpulan Perkhidmatan	Perjawatan		Pengisian		Kekosongan	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Pengurusan Tertinggi	8	8	5	6	3	2
Pengurusan & Profesional*	693	502	647	468	46	34
Pelaksana	4,989	4,985	4,862	4,872	127	113
Jumlah Keseluruhan	5,690	*5,495	5,514	5,346	176	149

- Nota: Pemulangan waran sebanyak 193 perjawatan Pegawai Perubatan Siswazah Gred UD43 melalui SKP S72/2016 bertarikh 12 Oktober 2016 dan penjumudan jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19 (KUP).

Kenaikan Pangkat

Kumpulan Perkhidmatan	Tahun	
	2015	2016
Pengurusan Tertinggi	2	0
Pengurusan & Profesional	86	62
Kumpulan Pelaksana	143	135
Jumlah	231	197

ANALISA KENAIKAN PANGKAT

PADA TAHUN 2016

RANCANGAN MASA HADAPAN

- a. Kenaikan pangkat secara hakiki : 57 orang staf
- b. Kenaikan pangkat Laluan Kerjaya : 35 orang staf
- c. Kenaikan pangkat Fleksi : 15 orang staf
- d. Kenaikan pangkat Time Based Kecemerlangan : 90 orang staf

Peletakan Jawatan, Tamat Tempoh Penempatan Dan Penamatan Perkhidmatan

Kumpulan Perkhidmatan	Tahun	
	2015	2016
Pengurusan & Profesional	165	83
Kumpulan Pelaksana	201	114
Jumlah	366	197

Pusing Ganti Kerja

PUNCA KUMPULAN
PELAKSANA MERUPAKAN
PUSING GANTI KERJA
TERTINGGI

- a. Kesukaran mendapat calon yang sesuai dengan jawatan.
- b. Kebolehpasaran dan kompetensi staf PPUM sehingga menjadi permintaan organisasi luar seperti jawatan Jururawat.
- c. Merupakan kumpulan sokongan klinikal yang terbesar dan memberi impak kepada perkhidmatan perawatan pesakit.

Pengurusan Tatatertib

Bil	Jenis Kesalahan	Bilangan Staf Terlibat
1.	Tidak Hadir Bertugas	3
2.	Kes Mahkamah (termasuk Mahkamah Syariah)	4
3.	Tidak Jujur dan Tidak Amanah	35
4.	Tidak bertanggungjawab	7
5.	Ingkar perintah	1
	Jumlah	50

* Nota: Bilangan kesalahan/perlanggaran tatakelakuan adalah melebihi daripada bilangan staf yang dilaporkan kerana ada staf yang terlibat melebihi dari satu (1) kesalahan/perlanggaran

Jenis hukuman yang telah dikenakan oleh Jawatankuasa Tatatertib

Langkah kawalan dan penambahbaikan bagi menangani isu tatatertib.

Tindakan Pengawalan

Mengadakan proses saringan lantikan melalui Ujian Psikologi dan Minat Kerjaya

Taklimat Tatatertib semasa orientasi dan Kursus Perintah Am

Bengkel Pengurusan Tatatertib melibatkan Penyelia dan Ketua Jabatan

Mewujudkan siasatan awal di peringkat Jabatan dan J/K Adhoc bagi mengenalpastikan kes

Sokongan kaunseling secara berterusan

Perancangan Penambahbaikan

Perjumpaan berkala antara JSM dan jabatan/unit terlibat untuk mengkaji perkembangan kes

Melaksanakan denda pentadbiran untuk memberi kesedaran kepada staf

Memantapkan integriti untuk mengelak berlakunya tatakelakuan di kalangan staf seperti rasuah.

Staf Menghadiri Kursus Jangka Pendek

Bulan	Kursus Dalam Negeri				Kursus Luar Negeri			
	Jumlah Kursus		Jumlah Peserta		Jumlah Kursus		Jumlah Peserta	
	2015	2016	2015	2016	2015	2016	2015	2016
Januari	220	224	3,487	3,707	3	6	5	10
Februari	209	193	5,171	4,633	2	2	7	2
Mac	321	310	6,647	7,076	6	8	17	15
April	357	284	8,265	7,377	6	4	11	4
Mei	414	313	6,597	4,514	7	5	12	8
Jun	275	220	5,329	2,816	12	6	19	7
Julai	127	106	1,493	2,632	1	0	3	0
Ogos	296	212	6,317	5,217	4	6	5	9
September	217	147	4,587	3,976	11	10	20	16
Oktober	288	167	6,995	3,982	6	8	7	13
November	295	132	4,473	3,817	11	10	25	15
Disember	281	225	4,967	1,923	4	2	4	2
JUMLAH	3,300	2,533	64,328	51,670	73	67	135	101

Staf Yang Melanjutkan Pengajian

PENGAJIAN	MOD PENGAJIAN	BILANGAN STAF	
		2015	2016
Doktor Falsafah	Sepenuh Masa	0	0
Ijazah Sarjana (Klinikal)	Sepenuh Masa	15	5
Ijazah Sarjana	Sepenuh Masa	1	1
	Separuh Masa	4	9
Ijazah Sarjana Muda	Sepenuh Masa	0	0
	Separuh Masa	13	23
Diploma Lanjutan/ Pos Basik	Sepenuh Masa	73	75
Subkepakaran Fellowship	Sepenuh Masa	0	2
JUMLAH		106	115

Pelajar Mengikuti Latihan Elektif

Latihan	Bilangan Pelajar	
	2015	2016
Latihan Elektif	187	131

Kursus Lanjutan Kejururawatan

KURSUS LUAR PPUM	BILANGAN STAF	
	2015	2016
Pos Basik Kementerian Kesihatan Malaysia (Sesi Januari)	0	0
Diploma Lanjutan anjuran KKM (Sesi Kemasukan Mac 2015)	7	9
Diploma Lanjutan Anjuran KKM (Sesi Kemasukan September 2015)	4	8
Diploma Lanjutan ** (Tajaan PPUM)	60	58
Diploma Lanjutan anjuran IUMW (Sesi kemasukan Jun 2015)	2	0
Diploma Lanjutan (Tajaan Agensi luar)	5	103
JUMLAH	78	178
KURSUS DALAM PPUM	2015	2016
Perawatan Renal	4	9
Perawatan Koronari	-	-
Perawatan Kecemasan	6	0
Metodologi Pengajaran	4	0
Perawatan Kritikal	16	23
Pendidikan Diabetes	-	-
Perawatan Perioperatif	5	9
Kebidanan	25	17
JUMLAH	60	58
JUMLAH KESELURUHAN	138	236

Peperiksaan Perkhidmatan Awam Dan Subjek Jabatan

Peperiksaan	Bilangan Staf	
	2015	2016
Perkhidmatan Awam	154	112
Subjek Jabatan	11	27
Jumlah	165	139

RANCANGAN MASA HADAPAN

- Pelaksanaan dasar pemisah (exit policy) bagi pegawai yang berprestasi rendah di PPUM. Kebaikan Perlaksanaan Dasar Pemisah adalah seperti berikut:
 - Merupakan kaedah/tindakan untuk mengendalikan staf yang berprestasi rendah.
 - Tempoh pemerhatian dan intervensi selama setahun merupakan tempoh untuk menilai prestasi dan kelakuan Pegawai sebelum tindakan penamatkan dilakukan.
 - Mengeluarkan staf yang berprestasi rendah dari organisasi supaya hanya staf yang komited dan berprestasi tinggi sahaja dapat mengekalkan kecermerlangan organisasi.

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Urusan ICT Jabatan telah dibahagikan kepada dua (2) seksyen utama iaitu Seksyen Aplikasi dan Seksyen Infrastruktur. Seksyen Aplikasi dibahagikan kepada 2 unit utama iaitu Pembangunan dan Penyelenggaraan. Bagi Seksyen Infrastruktur, terdapat 3 unit utama iaitu Unit Khidmat Pelanggan, Unit Rangkaian dan Keselamatan ICT dan Unit Pusat Data. Disamping itu juga, terdapat Unit pentadbiran yang akan menguruskan pentadbiran keseluruhan Jabatan Teknologi Maklumat.

Secara keseluruhannya, pada tahun 2016 Jabatan Teknologi Maklumat telah melaksanakan beberapa projek penambahbaikan perkhidmatan dan sistem ICT di PPUM antaranya adalah menaiktaraf prasarana ICT, perlaksanaan EMR, pembangunan sistem secara dalaman iaitu sistem kewangan, sistem farmasi, sistem pengurusan dokumen, sistem penilaian prestasi KPI, penjenamaan semula laman web serta beberapa peningkatan sistem iaitu perluasan isyarat sistem rangkaian wireless, naiktaraf pelayan iPesakit, naiktaraf pelayan myUMMC dan penambahan peralatan di wad. Latihan ICT juga telah dilakukan secara berterusan bersesuaian dengan pelaksanaan sistem yang telah dibangunkan dan projek yang dijalankan di sepanjang tahun 2016.

Seksyen Aplikasi

Pada tahun 2016, JTM berjaya membangunkan beberapa sistem bagi memenuhi dan menambahbaik keperluan PPUM dalam memberikan perkhidmatan kesihatan, pengajaran dan penyelidikan terbaik kepada pelanggan.

- Sistem Klinikal

2016 adalah tahun perlaksanaan dan pemantapan penggunaan sistem **Electronic Medical Record (EMR)** dalam jumlah yang lebih besar berbanding tahun 2015 iaitu sepenuhnya.

Pada tahun ini beberapa keperluan 'specialised', penambahbaikan dan

perlengkapan EMR terutamanya melibatkan fungsi *Care Charts, Care Plan dan Others Charts* di dalam modul *Nursing Workbench*, telah ditambahbaik bagi membolehkan perlaksanaan yang lebih efektif dan berkesan dapat dibuat bagi keperluan penyelidikan dan pengajaran serta memenuhi keseluruhan proses kerja di PPUM.

Perlaksanaan pilot telah dijalankan di Jabatan Trauma dan Kecemasan secara berperingkat bagi keseluruhan modul yang telah dibangunkan sehingga April 2016. Modul-modul yang telah berjaya dilaksanakan di Trauma dan Kecemasan ini seterusnya telah diperkembangkan di keseluruhan hospital-klinik dan wad. Jumlah penggunaan sehingga Disember 2016 telah mencapai 87% bagi nota klinikal dan *nursing modul* di wad dan klinik; 77% bagi radiologi *order* di wad dan Trauma dan Kecemasan, 95% bagi lab *order* di Trauma dan Kecemasan, 100% dan 68% *eprescribing* di Trauma dan Kecemasan dan klinik. 100% penggunaan untuk *Rehab Workbench* dan *Psychologist workbench* untuk semua klinik dan wad. Begitu juga dengan keperluan Unit Makmal Neurologi yang telah dilancarkan pada 2016 telah digunakan sepenuhnya pada tahun 2016. Pada tahun 2016 juga fungsi *referral, rehab servis order, cardiology order* telah dibangunkan dan akan dilancarkan pada tahun 2017.

Beberapa integrasi mesin di wad telah juga dilaksanakan pada tahun 2016 dengan mengambil kira semua wad ICU melibatkan patient monitor dan mesin ABG. Pada tahun 2017, JTM akan memperluaskan lagi perlaksanaan integrasi ini bagi mesin-mesin perubatan yang lain seperti mesin CTG, ventilator dan *infusion pump* untuk melengkapkan lagi *real-time* rekod pesakit ke dalam EMR. Bagi 2017, JTM akan melaksanakan juga integrasi dengan mesin radioterapi bagi membolehkan

Radiotherapy Workbench menjadi lebih lengkap dengan real-time data dari mesin radioterapi tersebut.

- Sistem Sokongan Klinikal

Pada tahun ini Sistem Maklumat Farmasi (PIS) telah ditukar daripada sistem yang dibeli dari luar negara kepada sistem yang dibangunkan secara dalaman pada 1 Julai 2016 yang dikenali sebagai sistem iPharmacy. Sistem ini digunakan secara total yang melibatkan semua seksyen dan unit di Jabatan Farmasi. Sistem iPharmacy telah dibangunkan dengan pesat bermula pada tahun 2014 melibatkan modul *e-prescribing*, *dispensing*, pengurusan stor, pengeluaran farmaseutikal, *total parenteral nutrition (TPN)* dan integrasi MiMS. Modul e-Prescribing (preskripsi elektronik) telah digunakan di hampir keseluruhan perkhidmatan pesakit luar dengan penggunaan secara purata sebanyak 70%. Penggunaan e-Prescribing di perkhidmatan pesakit luar dijangka mencapai 100% pada suku tahun pertama 2017 berikut arahan penarikan borang preskripsi manual oleh Jabatan Maklumat Pesakit. Penggunaan modul ini di perkhidmatan pesakit dalam akan diperluaskan bersekali dengan perlaksanaan EMR pada tahun 2017.

Sistem Maklumat Pengimejan Bio-Perubatan RIS PACS yang telah mula digunakan semjak 29 Oktober 2013 telah mengalami beberapa siri naiktaraf untuk memastikan sistem berfungsi pada tahap optimum. Di antara aktiviti naiktaraf ialah melibatkan aplikasi PACS UV (*Universal Viewer*) daripada versi 5 sp 5.0 kepada sp 7.0.2 dan telah selesai dilaksanakan pada 19 Februari 2016. Di samping itu juga aktiviti menambah storan RIS cluster system telah dilaksanakan pada 27 Mei 2016 untuk tambahan storan sebanyak 1.8TB kepada saiz sedia ada berjumlah 10TB. Penyimpanan imej-imej berasaskan DICOM juga sedang di dalam perancangan untuk disimpan di dalam storan VNA (*vendor neutral archive*) RIS

PACS. Perbincangan telah dilakukan dengan pengguna klinik Oftalmologi dan projek ini akan diteruskan pada tahun 2017.

Sistem Maklumat Materniti (ObsCentral), Sistem Maklumat Endoskopi (ARIES), Sistem Maklumat Kardiologi (CVIS), Sistem Maklumat Makmal (LIS) dan Sistem Maklumat *Blood Donor (TrueBlood)* adalah sistem yang dibeli sebelum ini dan digunakan tanpa melibatkan penaiktarafan sistem. Ini kerana, sistem-sistem tersebut akan dibangunkan dan digantikan secara berperingkat pada tahun 2017 dan 2018 dengan sistem yang dibangunkan secara dalaman.

Sistem iDiet yang telah dilancarkan semenjak 9 September 2014 telah digunakan pada tahun ini dengan lancar. Pada tahun 2016 sistem iDiet telah diintegrasikan dengan sistem iKewangan. Pada tahun 2017, perlaksanaan nota dietitian dan charting diet akan dilaksanakan selaras dengan keperluan EMR. Ini termasuklah juga dengan fungsi untuk review keputusan makmal bagi sajian terutamanya enteral diet, yang akan diintegrasikan bersama dengan keputusan makmal. Modul ini dinamakan sebagai *Dietitian Workbench* yang akan berintegrasi dengan sistem iDiet.

Selain itu, pembangunan fungsi pesanan pemeriksaan kardiologi dalam talian dan integrasi bil pesakit di dalam sistem iPesakit telah dibangunkan pada penghujung tahun 2016 dan perlaksanaan akan dilakukan pada suku pertama 2017.

- Sistem Pentadbiran dan Pengurusan

Tahun 2016 merupakan tahun yang melibatkan kesinambungan pembangunan sistem dalaman dan penambahbaikan berterusan bagi sistem-sistem Pentadbiran dan Pengurusan seperti perlaksanaan penambahbaikan sistem seperti iPerolehan, MyMeeting, Permohonan Latihan Industri, Cuti dan Tuntutan

- Online dan lain-lain yang telah dibangunkan dan dilaksanakan sejak tahun 2015. Pembangunan secara dalaman melibatkan sistem Pengurusan Aset, Inventori dan Kewangan bagi menambah baik sistem Kewangan sedia ada juga telah mula dilaksanakan bagi membolehkan pengurusan dan pentadbiran di PPUM lebih seragam dan terurus.
- Sistem Pengurusan Kewangan
Sistem Pengurusan Kewangan telah mula giat dibangunkan sejak awal tahun 2016. Setelah hampir setahun pembangunan dan melibatkan 9 orang Penolong/Pegawai Teknologi yang khusus untuk fokus kepada pembangunan, sistem tersebut yang dinamakan iKewangan telah mula dilaksanakan secara berperingkat sejak akhir Disember 2016 dan sepenuhnya pada Januari 2017. Dengan adanya sistem iKewangan ini, PPUM akan menikmati penjimatan kos penyelenggaraan sistem dan lesen tahunan. Ia juga telah membuka lebih banyak ruang kepada transformasi berteraskan teknologi ICT terhadap proses kerja manual sedia ada. Disamping itu, sistem iKewangan juga dilihat amat berpotensi besar menjadi sebahagian daripada produk ICT PPUM yang boleh dikomersialkan untuk penjanaan pendapatan PPUM di masa akan datang.
 - Sistem iPerolehan
Sistem iPerolehan telah dibangunkan pada penghujung tahun 2012 dan dilaksanakan pada penghujung tahun 2013 secara berperingkat. Sepanjang tahun 2016, penambahbaikan dan perlaksanaan diteruskan. Kini, sistem iPerolehan merangkumi keseluruhan proses perolehan bermula daripada penyediaan spesifikasi, iklan, penilaian teknikal, mesyuarat perolehan dan penawaran. Dalam erti kata lain, PPUM telah menjalankan proses perolehan secara menyeluruh secara atas talian pada tahun 2016.
 - MyMeeting
Sistem MyMeeting adalah yang digunakan secara projek rintis sejak tahun 2014 hingga 2015 telah diperluaskan penggunaannya pada tahun 2016 yang melibatkan pelbagai mesyuarat utama PPUM termasuk Mesyuarat Pengurusan, Pemandu ICT, Kualiti dan lain-lain. Pada tahun 2016, sistem ini ditambah baik dengan penambahan fungsi rekod kehadiran ahli mesyuarat dengan menggunakan kad staf, alat pengimbas kad (card reader), dan berintegrasi dengan maklumat cuti dan latihan staf. Dengan terlaksananya fungsi ini, maka staf tidak perlu lagi menandatangan kehadiran mesyuarat atau latihan serta pemakluman dan maklumbalas minit mesyuarat menjadi lebih mudah dan tepat.
 - Sistem Maklumat Pelajar Bersepadu (SMPB) dan Portal Pelajar Versi Baru
Kolej Sains Kesihatan telah mula menggunakan SMPB dan Portal Pelajar pada tahun 2008. Walau bagaimanapun, atas keperluan semasa pengguna, versi baru bagi kedua-dua sistem ini telah dibangunkan semula pada tahun 2016. SMPB versi baru merangkumi modul seperti Pengambilan, Peperiksaan, Pengurusan dan Jadual Penempatan Pelajar. Manakala Portal Pelajar versi baru menyediakan fungsi untuk pelajar melihat keputusan peperiksaan, penilaian berterusan dan akhir, melihat jadual kelas dan penempatan klinikal, rekod kehadiran dan maklumat peribadi. Disamping itu, pelajar juga boleh membuat aduan berkenaan fasiliti asrama melalui portal ini.
 - Sistem Rostering
Sistem Rostering telah dibangunkan dan digunakan pada tahun 2015 untuk menguruskan penyediaan jadual bertugas bagi staf PPUM yang bertugas secara syif pembangunan ini adalah bagi menggantikan sistem yang dibeli dari pembekal pada tahun 2008. Pada Tahun 2016, sistem ini

telah dipertingkatkan bagi menampung keperluan penggunaan oleh pegawai perubatan dan pelajar.

- iResearch

Sistem iResearch mula dilaksanakan sejak Mac 2014 yang berintegrasi dengan Clinical Investigation Center Information System (iCIC), dan Sistem eHR. Pada tahun 2016, Sistem iResearch ditambahbaik dengan perubahan utama pada struktur soalan yang perlu diisi oleh pemohon selaras dengan keperluan standard antarabangsa bagi permohonan menjalankan penyelidikan. Fungsi pindaan bagi permohonan yang telah diluluskan turut disediakan. Selain itu, fungsi bagi permohonan fail pesakit juga dibangunkan bagi membantu para penyelidik mendapatkan maklumat berkenaan rekod pesakit untuk kajian yang dilakukan. Ini adalah selaras dengan perluasan penggunaan Sistem EMR di seluruh jabatan di PPUM.

- Modul Cuti Online

Pada tahun 2016, modul cuti online telah ditambahbaik dengan mewujudkan fungsi memuat naik dokumen sokongan bagi permohonan seperti cuti sakit dan cuti tanpa rekod. Dengan adanya fungsi ini, ia dijangka dapat meningkatkan lagi keberkesanaan proses permohonan cuti, urusan dokumentasi yang lebih teratur dan pengurangan penggunaan kertas ke tahap minima. Pada tahun 2016, fungsi penambahbaikan ini telah dilaksanakan secara pilot di empat (4)

buah jabatan iaitu Jabatan Sumber Manusia, Jabatan Kewangan, Jabatan Perolehan dan Jabatan Teknologi Maklumat, dan perluasan perlaksanaan di seluruh PPUM akan dilaksanakan pada tahun 2017.

- Permohonan Latihan Industri

Sistem Permohonan Latihan Industri mula digunakan pada Februari 2015. Sistem ini dilengkapi dengan fungsi permohonan oleh pelajar dari institusi pengajian tinggi yang berdaftar dengan PPUM, semakan oleh urusetia di Bahagian Latihan kelulusan oleh Ketua Jabatan dan penjanaan surat tawaran kepada pemohon yang berjaya secara atas talian. Melalui sistem ini, ia dapat membantu Bahagian Latihan dalam mendapatkan maklumat permohonan yang lengkap daripada pemohon, mempercepatkan urusan permohonan, rekod masuk dan keluar pelajar latihan industri, selain laporan yang lebih komprehensif dapat dijana. Sistem ini digunakan sepenuhnya pada tahun 2016. Selain itu, pada tahun yang sama juga, sistem ini telah ditambahbaik dengan perlaksanaan fungsi kuota yang mana dapat membantu jabatan dalam menghadkan penerimaan jumlah pelajar industri berdasarkan kepada beban tugas mereka.

- Laman Web PPUM

Laman Web PPUM telah diubahsuai dengan rekabentuk baru sejak awal tahun 2016 bagi menggantikan Laman Web sedia ada. Ia telah dilancarkan pada



September 2016 dengan rekabentuk yang lebih menarik, pengelasan info yang lebih mudah dicapai dan paparan yang lebih teratur mengikut kategori pengguna serta memenuhi garis panduan yang ditetapkan oleh pihak MAMPU dan MDEC.

- Sistem Pengurusan Dokumen

Sistem Pengurusan Dokumen dibangunkan bagi menyediakan fungsi untuk menyimpan semua kategori dokumen yang digunakan atau dirujuk di PPUM. Sistem ini juga menyediakan fungsi carian untuk pengguna mencari dokumen-dokumen yang diperlukan. Disamping itu, sistem ini turut menyediakan pautan bagi dokumen yang merujuk kepada dokumen lain. Sistem Pengurusan Dokumen ini telah mula digunakan pada bulan November 2016. Sistem ini dapat menyediakan kemudahan kepada setiap pengguna untuk mendapatkan semua dokumen yang diperlukan. Dengan adanya sistem ini, secara tidak langsung penggunaan Portal Kualiti akan dihentikan kerana sistem Pengurusan Dokumen ini lebih lengkap dan memenuhi keperluan semasa.

- Sistem Permohonan Penubuhan Perkhidmatan Baru

Sistem ini dibangunkan bagi membolehkan pengguna membuat permohonan penubuhan perkhidmatan baru di PPUM secara atas talian. Fungsi ini dilengkapi dengan ruang untuk pemohon memasukkan semua maklumat yang diperlukan dalam setiap permohonan bagi penubuhan perkhidmatan baru seperti keperluan kewangan, sumber manusia, ruang dan sebagainya. Pemohon juga boleh menyemak status bagi setiap permohonan yang dikemukakan. Fungsi ini dapat membantu pihak pengurusan untuk membuat keputusan secara menyeluruh dengan melihat keperluan keseluruhan bagi setiap permohonan yang diterima serta mendapatkan maklumbalas atau status daripada semua Jabatan yang terlibat.

- Pemantauan Hand Hygiene Secara Atas Talian

Sistem Pemantauan Hand Hygiene Secara Online telah dibangunkan bagi menggantikan borang manual pemantauan hand hygiene yang digunakan oleh jururawat-jururawat di Jabatan Kawalan Jangkitan. Sistem ini mula dibangunkan pada April 2016 dan mula digunakan secara pilot pada bulan September 2016. Sistem ini telah digunakan sepenuhnya pada bulan Oktober 2016 setelah aktiviti pilot telah berjaya. Melalui sistem ini, jururawat yang melakukan pemantauan hand hygiene di setiap lokasi klinikal akan terus memasukkan rekod pemantauan melalui tablet yang dibekalkan JTM. Analisis data hand hygiene compliance dapat dilakukan dengan lebih cepat dan tepat melalui sistem ini serta penjimatan jangka panjang tanpa penggunaan kertas.

- Penggantian Mesin Perakam Waktu Elektronik di PPUM

Sejumlah 60 unit mesin perakam waktu telah dibeli bagi menggantikan kesemua mesin usang yang telah digunakan PPUM sejak pertengahan Mei 2008. Aktiviti perolehan telah berlangsung sejak Mac hingga Julai 2016. Aktiviti pengujian dan penggantian mesin telah berlangsung secara berperingkat dan selesai pada Disember 2016.

- Penggunaan Kad Debit sebagai Kad Staf di PPUM

Aktiviti ini adalah kerjasama antara PPUM dan Bank Islam yang bertujuan untuk menggalakkan perkhidmatan pembayaran secara tanpa tunai (cashless) di PPUM. Ia secara langsung juga bertujuan untuk membantu kepada usaha meningkatkan tahap kebajikan staf melalui penyediaan kemudahan diskaun kepada staf yang membuat pembelian menggunakan Kad Debit tersebut. Kerja-kerja bagi melaksanakan aktiviti ini dijalankan bersama Jabatan Kewangan, Jabatan Pembangunan Perniagaan, Jabatan Sumber Manusia dan Jabatan Perhubungan Awam telah bermula sejak Februari 2016.



Aktiviti melibatkan kajian kesesuaian, rekabentuk kad, penyediaan infrastruktur bagi penyediaan kad debit sebagai kad staf juga sistem bayaran bersepada di seluruh PPUM. Buat masa ini, kesemua aktiviti bagi persediaan untuk perlaksanaan kad debit ini masih lagi berlangsung dan dijadualkan perlaksanaan secara berperingkat akan bermula Jun 2017.

Seksyen Infrastruktur

- Unit Pusat Data

Pada tahun 2016, unit Pusat Data telah membuat pembaharuan penyelenggaraan seperti lesen penduaan (backup) dan penyelenggaraan Oracle Database. Bagi penyelenggaraan seperti SAN Storage, IBM DS 5300 & 5020 kontrak masih berlangsung manakala untuk storan 3PAR ianya masih dalam tempoh waranti.

Selain dari itu perolehan dua belas (12) unit pelayan, lima (5) unit rak pelayan dan satu (1) unit storan NAS (Network Attached Storage) telah dilaksanakan untuk memantapkan pelaksanaan sistem iPesakit dan sistem-sistem baru yang sedang dibangunkan oleh Seksyen Aplikasi. Disamping itu, perolehan alat ganti untuk storan sedia ada iaitu HP EVA 8000 SAN dan Synology NAS telah dilakukan bagi tujuan penggantian sekiranya Hard Disk Drive (HDD) rosak sejak ianya diselenggara secara dalaman oleh staf Pusat Data mulai tahun 2016. Ini adalah bagi penjimatan kepada PPUM disamping meningkatkan keupayaan pasukan dalaman Pusat Data dalam penyelenggaraan storan.

Selain itu juga, bagi memenuhi keperluan standard antarabangsa bagi simpanan data, JTM telah menempatkan storan NAS di Cyberjaya yang terletak melebih 25km dari Pusat Data Utama di PPUM sebagai lokasi offsite untuk simpanan jangka panjang data dan maklumat sistem di PPUM. Antara simpanan jangka panjang tersebut adalah maklumat kritikal termasuklah rekod-rekod pesakit, rekod staf, pelajar, kewangan dan lain-lain. Projek ini telah bermula pada Disember 2016 dan akan dimantapkan lagi pada tahun 2017.

Pelan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery*) PPUM juga telah ditambah baik pada tahun 2016. Cadangan penambahbaikan ruang dan infrastruktur di Pusat Data dan Bilik DR juga telah dimajukan kepada Pengurusan Tertinggi untuk kelulusan. Penambahan dan naiktaraf ini penting untuk menjamin perkhidmatan ICT yang sentiasa tersedia dan sifar gangguan dan akan dilaksanakan pada tahun 2017.

- Unit Rangkaian dan Keselamatan

Pada tahun 2016, beberapa projek penambahbaikan telah dilakukan oleh unit ini antaranya ialah penambahbaikan kepada akses wifi di seluruh PPUM. Semua pengguna wifi di PPUM telah dikelaskan kepada wifi SSID (Service Set Identifier) seperti Jadual dibawah. Pendekatan ini dilaksanakan bagi membolehkan kawalan akses diberikan berdasarkan kepada kumpulan sasar yang telah ditetapkan mengikut polisi.

Wifi SSID	Kumpulan Pengguna	Liputan
Wifi@ UMMC-Staff	Staf PPUM & FOM sahaja	Seluruh PPUM
Wifi@ UMMC-WPA	Akses sistem klinikal sahaja	Wad Sahaja
Wifi@ UMMC-Student	Pelajar dan RA	Kolej, Asrama & Hotspot
Wifi@ UMMC-Guest	Pelawat (terhad 4 jam sehari)	Klinik, Wad & Hotspot



Penambahbaikan seterusnya ialah pengguna Wifi Staff (Wifi@UMMC-Staff) tidak lagi perlu untuk memasukkan ID Pengguna dan kata laluan hanya perlu log-in sekali sahaja mulai 9 Mac 2016 berbanding log-in dua kali sebelumnya. Selain itu juga, Jabatan Teknologi Maklumat juga telah melakukan penguraian trafik internet kepada beberapa laluan internet berasingan seperti dalam Jadual di bawah. Justeru, dengan penambahbaikan ini perkhidmatan internet telah menjadilebih lancar dan pantas untuk kemudahan semua staf, pelajar, pesakit dan pelawat di PPUM.

Talian Internet	Kelajuan Internet	Kumpulan Pengguna
Universiti Malaya	500 Mbps	Staf
TM Unifi	50 Mbps	Pelajar
1GOVnet	20 Mbps	Orang Awam
myREN	30 Mbps	Video Conferencing

Untuk penambahbaikan IT Governance di PPUM, aktiviti-aktiviti untuk mendapatkan akreditasi ISO/IEC 27001:2013 Information Security Management System (ISMS) telah dimulakan pada suku akhir tahun 2016. Oleh yang demikian, beberapa aktiviti telah dirancang dimana salah satu daripadanya adalah memberikan maklumat kesedaran ICT kepada staf PPUM. Beberapa poster berkennaan

dengan keselamatan ICT telah direka dan dimuatnaik kepada paparan elektronik di seluruh PPUM sebagai salah satu aktiviti memberikan kesedaran kepentingan keselamatan ICT kepada warga PPUM.

- Unit Khidmat Pelanggan

Bagi memantapkan perkhidmatan dan pengurusan ICT di PPUM pada tahun 2016, unit ini telah melaksanakan beberapa projek baru yang melibatkan penghantaran dan pemasangan perkakasan ICT di seluruh PPUM. Maklumat projek ICT adalah seperti di Jadual di bawah.

BIL.	PROJEK ICT	TARIKH	STATUS
1.	Penghantaran dan pemasangan 1 unit heavy duty scanner	Okt - Sept 2016	Selesai
2.	Penghantaran dan pemasangan 170 pencetak barkod label	Sept - Nov 2016	Selesai
3.	Penghantaran dan pemasangan 50 entry level komputer	Jun - Okt 2016	Selesai
4.	Penghantaran dan pemasangan 160 mobil troli dan komputer riba	Sept - Okt 2016	Selesai
5.	Penghantaran dan pemasangan Peralatan Audio Video di Dewan Kuliah Anjung Penyayang	Mac - Mei 2016	Selesai

Pada tahun 2016, aduan ICT yang telah diterima ialah berjumlah 14,018 berbanding dengan 10,937 aduan pada tahun 2015. Data menunjukkan, terdapat penambahan aduan sebanyak 3,081 aduan lanjutan daripada pelaksanaan sistem baru iaitu sistem iPharmacy dan sistem Electronic Medical Record (EMR) yang telah digunakan secara lebih menyeluruh di PPUM. Penggantian Kad Reader Time Management System (TMS) di seluruh PPUM juga turut menyumbang kepada pertambahan aduan dan menyebabkan objektif kualiti tidak tercapai pada bulan pada Ogos, September dan November 2016.

- Unit Multimedia

Unit ini telah ditubuhkan pada awal tahun 2016 bagi meningkatkan penghasilan kandungan multimedia yang lebih berkualiti dan terkini. Unit ini juga menawarkan perkhidmatan rakaman video serta penyuntingan video bagi penghasilan video serta grafik bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, unit ini bertanggungjawab bagi menyelenggara laman web PPUM

untuk memastikan rekabentuk laman web menarik dan mengikut trend masa kini. Unit yang dipantau terus oleh Ketua JTM ini juga menawarkan perkhidmatan Video Conferencing bagi membolehkan komunikasi secara dua hala untuk kolaborasi PPUM bersama pihak luar. Antara Jabatan dan Unit yang telah menggunakan kemudahan ini adalah Unit Endoskopi, Unit Kanser Payu Dara, Unit Kardiologi, Jabatan Surgeri, Jabatan Pediatrik dan Klinik Kesihatan Staf. Diharapkan dengan penggunaan teknologi ini, ia akan dapat meningkatkan tahap pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan di PPUM.

PENCAPAIAN PENTING

- Bermula pada tahun 2016, JTM telah mula bergiat secara aktif dalam memasarkan produk dan inovasi ICT yang telah dihasilkan untuk penjanaan pendapatan kepada PPUM. Beberapa sistem ICT PPUM telah diperoleh oleh beberapa agensi kerajaan seperti berikut;



- Pembekalan Sistem Total Hospital Information System (THIS) kepada Pusat Perubatan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
 - Pada 18 Ogos 2016, pihak PPUM telah menandatangan perjanjian bersama pihak UIAM bagi pembekalan sistem THIS kepada hospital pengajar UIAM di Kuantan Pahang. Kontrak yang bernilai RM 4.8 Juta ini merangkumi semua modul-modul bagi sistem yang telah dibangunkan oleh JTM untuk digunakan bagi operasi di hospital tersebut. Dengan termetrainya perjanjian ini, PPUM kini akan mengorak langkah dengan lebih pantas bagi meningkat aktiviti pemasaran dan dalam pada masa yang sama akan melengkapan pembangunan modul-modul THIS menjelang 2018. Ini adalah bertepatan dengan misi MAMPU bagi penjimatan kos perolehan sistem disamping perkongsian inovasi ICT antara agensi kerajaan.
 - Pembekalan Sistem Pengurusan Pelajar kepada Institut Professional Baitulmal (IPB)
- Sistem yang telah dibekalkan merangkumi fungsi merekod pengurusan maklumat pelajar, pengurusan peperiksaan, pendaftaran subjek, pengurusan maklumat akademik, pengurusan penempatan pelajar dan pengurusan hutang pelajar. Seterusnya, fungsi-fungsi lain seperti pengurusan hal ehwal pelajar, portal kakitangan, sistem perolehan, sistem sumber manusia, sistem tempahan fasiliti dan sistem pemasaran akan turut dibekalkan kepada IPB pada tahun 2017. Melalui projek pembekalan sistem-sistem ini kepada IPB akan memberikan pengalaman dan pengetahuan baru disamping membantu PPUM menjana pendapatan.

KOLEJ SAINS KESIHATAN (KSK)

Perkhidmatan yang disediakan:

- Program Kejururawatan
- Program Teknologi Makmal Perubatan
- Program Radiografi
- Program Pendidikan Lanjutan Kejururawatan

Program baru

- Program Diploma Lanjutan Perawatan Kebidanan
- Program Diploma Lanjutan Perawatan Koronari

Jumlah Pelajar Program adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016
1	205	190
2	182	199
3	184	182
	571	571

Jumlah Pelajar Program Makmal Teknologi Perubatan adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016
1	0	12
2	25	-
3	32	24
	57	36

Jumlah Pelajar Program Radiografi adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016
1	-	0
2	27	0
3	27	25
	54	25

Jumlah Pelajar Kursus Diploma Lanjutan / Sijil Kejururawatan Bagi Tahun 2016 adalah seperti berikut:

Kursus	Bilangan
Perawatan Kritis (Sesi 2016/2017)	41
Perawatan Perioperatif (Sesi 2016/2017)	29
Perawatan Kebidanan (Sesi 2016/2017)	56
Sijil Perawatan Renal (Sesi 2016: 2 Sesi)	62
JUMLAH	188

Jumlah Pelajar Kursus Jangka Pendek Bagi Tahun 2016 adalah seperti berikut:

Kursus	Bilangan
Kursus Kemahiran Terapi Intravena (19 sesi)	689
JUMLAH	689
JUMLAH BESAR	877

KEJAYAAN DAN ANUGERAH

- Program Diploma Lanjutan Kebidanan telah berjaya mendapat akreditasi penuh dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pengiktirafan ini memberi impak yang positif di mana program yang ditawarkan diiktiraf dan diterima di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.
- Program Diploma Kejururawatan, Diploma Lanjutan Perawatan Kritis, Diploma Lanjutan Perawatan Perioperatif dan Diploma Lanjutan Perawatan Kecemasan telah mendapat akreditasi sementara dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Pengiktirafan ini memberi impak yang positif di mana program yang ditawarkan diiktiraf dan diterima di dalam negeri dan di peringkat antarabangsa.

- Kemudahan mendapatkan pembiayaan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan pengeluaran wang Kumpulan Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membiayai pengajian Program Diploma Kejururawatan, Program Diploma Teknologi Makmal Perubatan dan Program Diploma Radiografi memberi peluang kepada pelajar untuk mengikuti kursus yang ditawarkan oleh KSK.
- Seramai 183 orang pelajar Tahun 3 telah lulus peperiksaan Lembaga Jururawat Malaysia. Seramai 167 graduan tajaan PPUM telah ditawarkan bertugas sebagai Jururawat Terlatih bertauliah di PPUM.
- Pada tahun 2016, seorang pengajar jururawat telah menamatkan kursus Ijazah Sarjana Kejururawatan dengan jayanya.
- Kesemua 184 orang graduan telah menerima Diploma Kejururawatan di Majlis Konvokesyen 2016 bagi Program-program Diploma PPUM yang berlangsung pada 20 Oktober 2016.
- Pada tahun 2016, seramai 31 orang pelajar telah lulus peperiksaan akhir Diploma Teknologi Makmal Perubatan.
- Pada tahun 2016 juga, terdapat seramai 2 orang pengajar TMP telah tamat pengajian Diploma Lanjutan Metodologi Pengajaran dengan jayanya.
- Kesemua 31 orang graduan telah menerima Diploma Teknologi Makmal Perubatan di Majlis Konvokesyen 2016 bagi Program-program Diploma PPUM yang berlangsung pada 20 Oktober 2016.
- Pada bulan Jun 2016, seramai 27 orang pelajar Tahun 3 telah lulus peperiksaan akhir Diploma Radiografi.
- Bagi tahun 2016, seramai 150 pelajar telah tamat pengajian mereka dengan jayanya. Seramai 43 pelajar telah menerima Anugerah Cemerlang.

RANCANGAN MASA HADAPAN

- Bagi memenuhi keperluan tenaga kerja dalam bidang kejururawatan, penambahan pengambilan pelajar seramai 300 orang sekali setahun akan diadakan sebaik sahaja kemudahan infrastruktur seperti dewan kuliah yang lebih besar dapat disediakan.
- Akan memulakan kursus Diploma Lanjutan Radiografi. Pada masa ini, ianya masih di peringkat perincian dan perbincangan.
- Akan mengadakan program Diploma Lanjutan bagi staf Teknologi Makmal Perubatan PPUM dan juga untuk organisasi luar.
- PPLK merancang menjalankan dengan lebih banyak kursus Diploma Lanjutan dan Sijil Perawatan dalam bahagian Pengkhususan secara online. Ini adalah untuk memudahkan lebih ramai jururawat mengikuti kursus yang ditawarkan dan juga pada masa yang sama dapat mengatasi masalah Pentadbiran Kejururawatan yang tidak dapat menghantar staf untuk berkursus kerana kekurangan tenaga kerja di wad.

MASALAH YANG DIHADAPI

- Program Kejururawatan memerlukan dewan kuliah yang boleh menampung 300 orang pelajar. Buat masa ini Program Kejururawatan hanya mempunyai dua dewan kuliah sahaja yang boleh menampung seramai 190 pelajar setiap kelas. Satu kelas lagi menjalankan kuliah secara sistem teleconferencing yang mana pihak Jabatan Teknologi Maklumat telah memasang sistem teleconferencing ini secara kekal di bilik kuliah tersebut.
- Program Diploma Kejururawatan juga memerlukan satu tambahan bas bagi kegunaan pelajar melakukan posting luar bandar. Pada masa ini, terdapat tiga buah bas yang diperuntukkan bagi kegunaan pelajar berulang alik ke empat kawasan berbeza bagi posting luar bandar sebagai memenuhi

keperluan kursus Perawatan Kesihatan Masyarakat (PKM). Sebuah bas perlu dikongsi oleh dua kumpulan pelajar ke Pusat Kesihatan Sungai Buloh dan Pusat Kesihatan Taman Ehsan Kepong yang jaraknya adalah lapan kilometer antara kedua-dua pusat kesihatan tersebut. Manakala dua buah bas lagi digunakan untuk membawa pelajar ke Pusat Kesihatan AU2 Keramat dan ke Pusat Kesihatan Rawang.

- Program Kejururawatan juga memerlukan bilik komputer yang dilengkappan dengan mesin pencetak bagi memenuhi keperluan pelajar menaikturun nota, mendapatkan maklumat dan seterusnya memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan melalui on-line.
- Program Radiografi di bawah Kolej Sains Kesihatan memerlukan sebuah makmal X-ray bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan pengajaran yang dilengkapi dengan satu unit mesin X-ray dan satu unit sistem integrasi radiografi berkomputer.
- Terdapat pengurangan bilangan pelajar yang mengikuti kursus Program Diploma Teknologi Makmal Perubatan pada tahun 2016 kerana kos pengajian yang agak tinggi bagi Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).
- PPLK memerlukan lebih bilik kuliah untuk memenuhi keperluan kursus yang dijalankan tanpa henti sepanjang tahun. Buat masa sekarang, PPLK meminjam bilik kuliah UM di Aras 6, Wisma R&D. Bilik kuliah yang kecil menyebabkan pelajar kurang selesa untuk mengikuti pembelajaran mereka.
- PPLK juga memerlukan penaiktarafan bilik komputer bagi memenuhi keperluan pelajar sekiranya kursus secara on-line dimulakan sepenuhnya. Komputer yang usang perlu diganti dan dilengkappan dengan mesin pencetak. Akses wifi perlu dinaiktaraf supaya lebih laju dan memudahkan pengajar dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.
- Apabila pembelajaran secara on-line ditawarkan bagi semua kursus, PPLK menjangkakan lebih ramai pelajar luar dari PPUM akan mengikuti kursus ini dan mereka memerlukan tempat tinggal jangka pendek untuk menghadiri kelas dan tutorial. Oleh itu, PPLK ingin memohon supaya kemudahan penginapan pelajar dipanjangkan kepada pelajar PPLK yang datang dari luar daerah untuk kemudahan pelajar.

UNIT FASILITI DAN KEMUDAHAN AM

Unit ini bertanggungjawab dalam tadbir urus perkhidmatan dan kemudahan am di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) seperti berikut

Penyumberan Luar

Perkhidmatan penswastaan yang dipantau adalah:

- Pembersihan Dalaman Hospital
- Pengurusan Sisa Klinikal
- Pencucian Cermin Aras Tinggi Dan Aluminium Cladding
- Pengawalan Serangga dan Haiwan Perosak
- Pelupusan Sisa Kimia
- Kitar Semula

Pengurusan Linen

Aktiviti pengurusan dan perolehan pakaian pesakit dan pakaian seragam staf PPUM.

Perkhidmatan Percetakan

Menguruskan percetakan semua dokumen rasmi yang meliputi borang dan bahan cetakan yang lain bagi keperluan perkhidmatan di PPUM.

Perkhidmatan Pejabat Mel

Pusat penerimaan dan penghantaran surat/dokumen rasmi bagi Pusat Perubatan Universiti Malaya.

Perkhidmatan Logistik

Menyediakan perkhidmatan pemasangan banner, perpindahan barang, pemasangan, pembekalan meja, kerusi dan panel pameran untuk majlis.

UNIT KEJURUTERAAN BIOMEDIKAL

Perkhidmatan utama yang disediakan oleh Unit Kejuruteraan Biomedikal ialah:

- Penyelenggaraan mencegah (Plan Preventive Maintenance) termasuk kalibrasi dan servis.
- Penyelenggaraan baik-pulih peralatan yang rosak.
- Perundingan teknikal untuk tujuan perolehan termasuk penyediaan spesifikasi dan penilaian teknikal sebut harga/tender.

- Pengujian dan Pentauliahan bagi kesemua alat-alat baru yang di bawa masuk ke PPUM

Perkhidmatan baru

Sekretariat Jawatankuasa Keselamatan Peralatan Perubatan (JKPP) yang bertindak untuk menyaring permohonan peralatan baru, permohonan demonstrasi dan pinjaman peralatan daripada pihak luar.

Perkhidmatan Penyelenggaraan Mencegah

JUMLAH WORK ORDER\ TAHUN	2013	2014	2015	2016
Penyenggaraan Mencegah/ Kalibrasi	5,512	4,698	5,178	6,709

Perkhidmatan Penyelenggaraan Baik-Pulih

JUMLAH ADUAN\ TAHUN	2013	2014	2015	2016
Baik Pulih	3,500	2,786	2,923	2,557

Perkhidmatan Perundingan Teknikal untuk tujuan perolehan

TENDER/ SEBUTHARGA	TAHUN 2013		TAHUN 2014		TAHUN 2015		TAHUN 2016	
	Bil.	Bajet (RM)	Bil.	Bajet (RM)	Bil.	Bajet (RM)	Bil.	Bajet
Tender	35	44,435,000	21	22,845,689	11	22,327,800	9	41,434,596
Sebutharga	60	12,012,748	77	14,345,285	35	6,458,592	42	5,303,084
Jumlah	95	56,447,748	98	37,190,974	46	28,831,392	51	46,737,680

Perkhidmatan Pengujian & Pentauliahan

PERKARA	BILANGAN PERALATAN (2013)	BILANGAN PERALATAN (2014)	BILANGAN PERALATAN (2015)	BILANGAN PERALATAN (2016)
Bilangan Peralatan baru yang diterima untuk proses T/C.	613	694	647	169
Bilangan Peralatan Sediada yang didaftar dibawah Jabatan Kewangan	5,541	5,706	6,103	6,799
*Bilangan Keseluruhan peralatan biomedikal di PPUM	6,154	6,400	6,750	6,968

UNIT KESELAMATAN, KESIHATAN DAN PERSEKITARAN PEKERJAAN (OSHE)

Program dan Aktiviti di Unit OSHE sepanjang tahun 2016 adalah seperti berikut:

- Program Minggu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Inovasi 2016 pada 20 hingga 22 April 2016 dengan tema adalah “Mencegah kemalangan Ke Arah Kualiti Penjagaan Kesihatan dan Persekitaran”.
- Latihan Bencana Dalaman (Kebakaran, Tumpahan Bahan Kimia dan Pendedahan Bahan Radioaktif) 2016 pada 7 Disember 2016
- Pemantauan terhadap Pelaksanaan Penilaian Risiko di PPUM
- Siasatan/Pemerhatian dan Semakan terhadap insiden kemalangan dibawah keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- Tugas - tugas Kesetiausahaan dan Keurusetiaan
 - Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan & Alam Sekitar PPUM
 - Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko (OSHE)
 - Jawatankuasa Tercucuk Jarum PPUM
 - Jawatankuasa Pencegahan Tibi Staf PPUM
 - Jawatankuasa Pasukan Root Cause Analysis (RCA)
- Pengajaran, latihan dan kesedaran berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

PERKHIDMATAN BARU

- **Bahagian Pencegahan Kebakaran**

Bahagian kebakaran menjalankan program di bawah Pengurusan Kebakaran di PPUM termasuk latihan/ taklimat, kursus, pemantauan, pemeriksaan, pelaksanaan *Fire*

Drill/ Table Talk/ Mock Drill dan apa-apa program dibawah Pengurusan Pencegahan Kebakaran di PPUM.

Bermula pada penubuhan bahagian ini, aktiviti asas seperti taklimat asas kesedaran kebakaran telah diadakan dua kali sebulan bermula pada bulan September 2016 hingga Oktober 2017. Target bagi taklimat asas ini dapat dicapai sehingga 90% jumlah staf di PPUM dalam tempoh yang dijadualkan.

- **Bahagian Kesihatan Pekerjaan**

Menjalankan program promosi Kesihatan Pekerjaan melalui penilaian risiko, taklimat kesedaran, siasatan kes penyakit pekerjaan dan lain-lain dibawah skop kesihatan pekerjaan

Pengoperasian klinik kesihatan pekerjaan yang diletakan dibawah Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan setiap hari Jumaat pada jam 8 pagi hingga 4.30 petang.

RANCANGAN MASA HADAPAN

Strategi Jangka Pendek Kurang 5 Tahun

- Unit Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran Pekerjaan mempunyai ruang pejabat yang dapat menempatkan semua staf di satu pejabat.
- Pelaksanaan Sistem *Occupational Safety & Health Environmental Management System Certification* OSHSAS 18001:2007, MS 1722:2011 & ISO 14001: 2004).
- Membangunkan rekod data-data pemeriksaan fasiliti di tempat kerja melalui sistem atas talian
- Meningkatkan program peningkatan kefahaman mengenai kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan

melalui program “*Train on Trainer*” kepada staf di Jabatan’.

- Sentiasa mengemaskini dan memantau petunjuk prestasi Unit OSHE
- Memberi peluang latihan/ pembelajaran kepada staf sedia ada dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan supaya staf mendapat kompetensi di dalam bidang dikawal selia.
- Semua Jabatan dapat melaksanakan e-Risiko dan Pelaksanaan “*Hazard Identification Risk Assesment and Risk Control (HIRARC)*” secara komprehensif
- Meningkatkan fungsi dan peranan Pegawai Pengurus Risiko Jabatan/ Unit

Strategi Jangka Panjang Melebihi 5 Tahun

- PPUM dapat mencapai pensijilan penuh *Sistem Occupational Safety & Health Environmental Management System Certification OSHSAS 18001:2007, MS 1722:2011*

- Mewujudkan beberapa penjawatan tetap di Unit OSHE bagi memastikan staf yang dilatih dan berkemahiran di dalam bidang OSH tidak bertukar ganti
- Mengembangkan fungsi Unit OSHE dibawah Pemantauan Kesihatan Awam
- Mewujudkan perkhidmatan/ servis seperti konsultansi/ latihan/kursus dan program-program keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada pihak luar bagi menambahkan pendapatan disamping meningkatkan sumbangan kepakaran ke luar
- Mewujudkan *Competency Based Training* kepada staf mengikut peranan, jawatan/bidang dan keperluan latihan OSH supaya staf mempunyai kompetensi/kompeten dengan skop kerja yang dilaksanakan.

UNIT PERUNDANGAN

Perkhidmatan perundangan yang disediakan oleh Unit Perundangan adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada :-

- nasihat perundangan - memberikan nasihat dan pandangan undang-undang kepada pihak pengurusan dan jabatan/unit di PPUM;
- aduan mediko-legal - mengendali kes-kes aduan mediko-legal yang mempunyai implikasi undang-undang yang serius termasuk menjalankan siasatan, mentadbir polisi insurans medical malpractice liability dan menyediakan surat jawapan kepada pengadu;
- semakan dokumen perundangan - menggubal, menyemak dan memuktamadkan Kontrak, Memorandum Persefahaman, Surat Niat dan pelbagai dokumen perundangan yang berkaitan;
- tindakan undang-undang - mengendali dan menyelaras tindakan undang-undang oleh atau terhadap PPUM termasuk menyediakan laporan dan kertas kerja yang berkaitan, menyemak kertas-kertas kausa serta mengeluarkan notis tuntutan melalui peguam;
- pendidikan undang-undang - memberi taklimat, syarahan dan ceramah mengenai undang-undang kepada staf dan pelajar PPUM.

Aktiviti Utama Perkhidmatan Perundangan

Perkhidmatan Perundangan	2015	2016
Semakan Memorandum Persefahaman	4	4
Semakan Kontrak	17	11
Nasihat Perundangan	102	98
Semakan Dokumen	7	13
Pelbagai	4	18

Contoh tugas pelbagai dilaksanakan pada tahun 2016 adalah penyediaan dokumen pewartaan keahlian Lembaga Perolehan A PPUM dan Lembaga Perolehan B PPUM, membantu mengendalikan isu sepina mahkamah yang dikeluarkan terhadap pengamal perubatan PPUM dan menyediakan polisi yang digunakan di seluruh PPUM.

RANCANGAN MASA HADAPAN

Strategi Jangka Pendek

- Sistem Pengurusan Dokumen Perundangan

Unit Perundangan dalam proses awal bekerjasama dengan Jabatan Teknologi Maklumat untuk membangunkan satu sistem pengurusan maklumat dan dokumen perundangan. Sistem ini bertujuan meningkatkan keberkesaan dan kecekapan pengurusan perkara-perkara perundangan di mana maklumat dan dokumen perundangan boleh diakses oleh pegawai yang bertanggungjawab dan juga pihak pengurusan bagi tujuan rujukan dan analisa dan seterusnya merangka rancangan dan tindakan susulan.

- Tindakan Undang-Undang Terhadap Penghutang PPUM

Unit Perundangan juga telah dipertanggungjawabkan untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap penghutang PPUM seperti staf yang meletak jawatan serta tidak mematuhi syarat kontrak untuk berkhidmat dengan PPUM dalam tempoh yang telah ditetapkan. Tugasan ini akan dilberikan keutamaan pada tahun 2017 memandangkan jumlah hutang yang berjaya dipungut semula akan menyumbang kepada pendapatan PPUM.

- Pendidikan Undang-Undang

Unit Perundangan akan lebih aktif dalam memberikan pendidikan undang-undang kepada warga PPUM

dengan menganjurkan taklimat dan bengkel secara berterusan. Usaha ini bertujuan memberikan pendedahan dan juga meningkatkan pengetahuan warga PPUM mengenai undang-undang Malaysia dan perkembangan perundangan semasa yang berkaitan dengan tugas mereka dan juga hospital.

Di samping itu, Unit Perundangan juga berhasrat untuk melaksanakan pendidikan undang-undang kontrak khususnya kepada jabatan/unit lain yang ditugaskan mentadbir sesuatu kontrak bagi memastikan perjalanan kontrak

adalah selaras dengan apa yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak.

Strategi Jangka Panjang

- Latihan Kepada Staf Unit Perundangan Selaras dengan perkembangan dalam bidang undang-undang, Unit Perundangan ingin memastikan stafnya mendapat peluang latihan yang meluas dalam bidang kepakaran masing-masing agar staf tersebut akan menjadi sebagai pusat rujukan oleh pihak dalaman dan juga luaran.


JABATAN KEWANGAN

Jabatan Kewangan bertanggungjawab menguruskan kewangan dan perakaunan PPUM dengan memastikan penjanaan dan

penggunaan sumber adalah mematuhi peraturan dan tatacara pengurusan kewangan Kerajaan

Peruntukan Dari Kerajaan

Peruntukan Dipohon, Diluluskan Dan Diterima Dari Kerajaan Bagi Tahun 2012 Sehingga Tahun 2016



Tahun	Geran Kerajaan	Pesakit	Bukan Pesakit	JUMLAH
2012	388,000,000	68,566,944	17,807,222	474,374,166
2013	417,675,511	76,732,003	22,818,103	517,225,617
2014	526,670,955	78,394,102	21,992,427	627,057,484
2015	405,675,318	86,767,521	31,073,707	523,516,546
2016	458,728,630	88,700,243	29,187,573	576,616,446

Perbelanjaan

Tahun	Emolumen	Perkhidmatan dan Bekalan	Pemberian dan Kenaan	JUMLAH
2012	225,911,571	212,227,194	5,521,507	443,660,272
2013	245,999,827	240,863,377	6,018,441	492,881,645
2014	273,135,168	230,885,483	6,114,901	510,135,552
2015	273,614,884	249,693,374	8,958,617	532,266,875
2016	295,001,198	233,510,456	7,206,735	535,718,389

Aset Tetap

Perkara	Tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016
Hartanah, loji dan mesin	365,779,378	931,589,423	924,767,012	909,592,359	884,621,377
Kerja dalam kemajuan	571,851,296	44,404,470	48,683,145	62,055,692	65,426,955

Aset Semasa

Perkara	Tahun				
	2012	2013	2014	2015	2016
Stok	14,097,934	12,841,151	14,936,347	16,219,052	17,536,903
Baki Tunai	46,694,771	27,182,746	38,928,808	37,124,247	16,628,159
Simpanan Tetap	206,000,000	269,040,000	338,040,000	326,040,000	347,040,000
Penghutang – Pinjaman Komputer	506,747	364,013	339,250	313,570.44	377,387
Penghutang – Pinjaman Kenderaan	1,644,208	1,570,823	1,327,778	1,285,091.88	1,283,994
Pelbagai Penghutang, Cagaran dan Bayaran Terdahulu	68,146,557	69,661,985	75,787,680	96,985,728.30	81,905,082

KEJAYAAN DAN ANUGERAH

PPUM telah memperolehi Sijil Bersih bagi Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2015 pada 17 Jun 2016.

PENYATA KEWANGAN 2016



**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
MALAYA**



**PUSAT PERUBATAN
UNIVERSITI
M A L A Y A**

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
JABATAN KEWANGAN**

Tingkat 14, Menara Utama Lembah Pantai,
59100 Kuala Lumpur, Malaysia



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 31.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pusat Perubatan Universiti Malaya dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengurus Pusat Perubatan Universiti Malaya bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengurus Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurus bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000. Lembaga Pengurus juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya, Lembaga Pengurus bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pusat Perubatan Universiti Malaya untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pusat Perubatan Universiti Malaya.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurus.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurus, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pusat Perubatan Universiti Malaya sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengurus, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.


Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Pusat Perubatan Universiti Malaya telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Public Sector Accounting Standards* (MPSAS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengurus terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih/Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan penyata kewangan Pusat Perubatan Universiti Malaya bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.
- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengurus dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 OGOS 2017




**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

PENYATA OLEH AHLI LEMBAGA PENGURUS

Kami, **DATO' SERI IR. MOHAMAD OTHMAN BIN ZAINAL AZIM** dan **PROFESOR DR. TUNKU KAMARUL ZAMAN BIN TUNKU ZAINOL ABIDIN**, dua orang daripada ahli-ahli Lembaga Pengurus **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurus, Penyata Kewangan di muka surat 3 hingga 31 adalah disediakan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA** pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurus,




**DATO' SERI IR. MOHAMAD OTHMAN BIN
ZAINAL AZIM**

Pengerusi
LEMBAGA PENGURUS

24 AUG 2017

Kuala Lumpur



**PROFESOR DR. TUNKU KAMARUL ZAMAN
BIN TUNKU ZAINOL ABIDIN**

Pengarah
PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

24 AUG 2017

Kuala Lumpur

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA**

Saya, **HASHIM BIN ANUAR** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kewangan di muka surat 3 hingga 31 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan-sesungguhnya
diakui oleh penama di atas, **HASHIM BIN ANUAR**
di **SHAH ALAM** dalam Negeri **SELANGOR DARUL EHSAN**
pada **24 AUG 2017**


HASHIM BIN ANUAR



NO. 203A, LEVEL 2
BLOK 1, LAMAN SERI BUSINESS PARK
SEKSYEN 13
40100 SHAH ALAM
SELANGOR.

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM	01.01.2015 RM
ASET				
ASET SEMASA				
Inventori	3	17,536,904	16,219,052	14,936,347
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	32,105,626	30,843,554	55,245,935
Lain-lain Belum Terima dan Deposit	5	49,799,456	32,885,256	20,541,745
Penghutang-Pinjaman Komputer	6	377,387	313,570	339,250
Penghutang-Pinjaman Kenderaan	7	1,283,994	1,285,092	1,327,778
Simpanan tetap	8	347,040,000	326,040,000	338,040,000
Wang di Tangan dan di Bank	9	16,628,159	38,739,552	38,928,808
JUMLAH ASET SEMASA		464,771,526	446,326,076	469,359,863
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji dan Peralatan	10	884,621,377	909,592,359	924,961,477
Pembinaan Dalam Kemajuan	11	65,426,955	62,055,692	48,683,145
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		950,048,332	971,648,051	973,644,622
JUMLAH ASET		1,414,819,858	1,417,974,127	1,443,004,485
LIABILITI				
LIABILITI SEMASA				
Urusniaga Pertukaran Belum Bayar	12	60,515	3,721,955	431,920
Lain-lain Belum Bayar	13	28,326	10,700	-
Cagaran dan Pertaruhan	14	5,508,636	4,927,385	11,894,682
Peruntukan Manfaat kakitangan	15	1,488,147	1,323,514	1,070,557
JUMLAH LIABILITI SEMASA		7,085,624	9,983,554	13,397,159
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Peruntukan Manfaat kakitangan	15	12,074,679	11,281,326	10,139,957
Geran Tertunda	16	94,218,294	139,727,235	126,726,425
Tabung Amanah	17	116,444,433	84,287,340	57,964,298
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		222,737,406	235,295,901	194,830,680
JUMLAH LIABILITI		229,823,030	245,279,455	208,227,839
ASET BERSIH		1,184,996,828	1,172,694,672	1,234,776,646
DIBIAYAI OLEH:				
Lebihan Terkumpul	18	1,181,496,828	1,169,194,672	1,225,276,646
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan		3,000,000	3,000,000	8,500,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer		500,000	500,000	1,000,000
JUMLAH ASET BERSIH		1,184,996,828	1,172,694,672	1,234,776,646

Penyata Kedudukan Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 9 hingga 31.

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	2016 RM	2015 RM
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	19	517,237,571	462,674,508
Urusniaga Pertukaran:			
Pesakit	20	88,700,243	86,767,521
Bukan pesakit	21	29,187,573	31,073,707
		117,887,816	117,841,228
		<hr/> 635,125,387	<hr/> 580,515,736
JUMLAH HASIL			
PERBELANJAAN			
Emolumen kakitangan	22	295,001,198	273,614,884
Perkhidmatan dan bekalan	23	233,510,456	249,693,374
Pemberian dan kenaan faedah	24	7,206,735	8,958,617
		<hr/> 535,718,389	<hr/> 532,266,875
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	10	71,955,616	72,320,096
Hapuskira	25	12,397,510	37,636,218
Kerugian atas pelupusan		2,751,716	374,521
		<hr/> 622,823,231	<hr/> 642,597,710
JUMLAH PERBELANJAAN			
LEBIHAN / (KURANGAN) BAGI TAHUN DIPINDAHKAN KE LEBIHAN TERKUMPUL		12,302,156	(62,081,974)
		<hr/> =====	<hr/> =====

Penyata Prestasi Kewangan di atas hendaklah dibaca bersama dengan nota kepada Penyata Kewangan di muka surat 9 hingga 31.

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH / EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

Nota	Lebihan Terkumpul (RM)	Kumpulan Wang Mengurus (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan (RM)	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer (RM)	Jumlah Pembangunan (RM)	Kumpulan Wang Amanah (RM)	Jumlah Aset Bersih (RM)
	32	1,225,276,646	(350,416,552)	-	8,500,000	1,000,000	1,000,718,069
Baki pada 1 Januari 2015 - Seperti yang Dinyatakan Terdahulu		350,416,552	8,500,000			58,832,748	1,419,467,369
Kesan Pemakaian Awal MPSAS							
Baki pada 1 Januari 2015 - Seperti yang Dinyatakan Semula							
Pindahan dari Kumpulan Wang Pinjaman ke Kumpulan Wang Terkumpul (Kurangan) Pendapatan Untuk Tahun Kewangan 2015		6,000,000	-	(5,500,000)	(500,000)	-	-
		(62,081,974)	-	-	-	-	(62,081,974)
Baki pada 31 Disember 2015	1,169,194,672	-	3,000,000	500,000	-	-	1,172,694,672
Lebihan Pendapatan Untuk Tahun Kewangan 2016		12,302,156	-	-	-	-	12,302,156
Baki Setakat 31 Disember 2016	1,181,496,828	-	3,000,000	500,000	-	-	1,184,996,828

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2016

	Nota	2016 RM	2015 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan / (Kurangan) hasil daripada perbelanjaan		12,302,156	(62,081,974)
Pelarasan Bukan Tunai:			
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	10	71,955,615	72,320,096
Peruntukan hutang rugu		12,397,510	37,636,218
Hapuskira aset		2,513,144	374,521
Hapuskira lain-lain		238,572	-
Pelarasan lebihan terkumpul		2,009,484	2,725,337
Hutang lapuk terpulih		(2,298,804)	(647,455)
Aliran tunai daripada operasi sebelum perubahan modal kerja		99,117,677	50,326,743
Perubahan dalam modal kerja :			
(Pertambahan) Inventori		(1,317,852)	(1,282,705)
(Pertambahan) Urusniaga pertukaran belum terima		(11,662,069)	(12,518,017)
(Pertambahan) Lain-lain belum terima dan Deposit		(16,914,200)	(12,343,511)
(Pengurangan) / Pertambahan Urusniaga pertukaran belum bayar		(3,661,440)	3,290,035
(Pengurangan) Lain-lain belum bayar, Cagaran dan Pertaruhan		(452,621)	(8,287,608)
(Pengurangan) / Pertambahan Geran tertunda Pertambahan Tabung Amanah		(45,508,941)	13,000,810
		32,157,093	26,323,042
		(47,360,030)	8,182,046
Aliran bersih tunai daripada aktiviti operasi		----- 51,757,647	----- 58,508,789
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Kerja dalam pembangunan Pembelian hartaanah, loji dan peralatan		(49,497,777) (3,371,263)	(57,325,498) (13,372,547)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(52,869,040)	(70,698,045)
Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai		(1,111,393)	(12,189,256)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari		364,779,552	376,968,808
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	27	363,668,159	364,779,552
		=====	=====

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

**PENYATA PERBANDINGAN JUMLAH BAJET DENGAN JUMLAH SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	JUMLAH BAJET	JUMLAH SEBENAR	VARIAN BAJET
	ASAL (RM)	AKHIR (RM)	(RM)
Gaji dan Upahan	189,659,900	190,862,530	14,110,164
Elaun Tetap	66,425,200	66,425,200	(467,112)
Sumbangan Berkanun untuk Kakitangan	35,561,300	35,561,300	3,643,149
Elaun Lebih Masa	2,867,200	2,867,200	(6,720,338)
Faedah Kewangan Yang Lain	6,523,400	6,523,400	(3,327,431)
JUMLAH EMOLUMEN	301,037,000	302,239,630	7,238,432
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	216,000	216,000	94,330
Pengangkutan Barang	-	-	-
Perhubungan dan Utiliti	27,824,000	27,824,000	29,843,008
Sewaan	100,000	100,000	193,457
Bahan-bahan Makanan & Minuman	1,050,000	1,050,000	1,644,598
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-bahan untuk Pembaikan	-	-	-
Bekalan & Bahan-bahan Lain	117,389,000	117,389,000	126,343,055
Penyelenggaraan & Pembaikan Kecil Yang Dibeli	23,410,000	27,410,000	33,798,884
*Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Yang Dibeli Dan Hospitaliti	39,500,000	39,500,000	41,593,124
JUMLAH BEKALAN DAN PERKHIDMATAN	209,489,000	213,489,000	233,510,456
Tanah & Pembaikan Tanah	-	-	-
Bangunan & Pembaikan Bangunan	-	-	-
Kemudahan & Pembaikan Kemudahan	-	-	-
Kenderaan	-	-	-
JUMLAH ASET	-	-	-
Biasiswa,Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran	6,000,000	6,000,000	7,206,735
Pemberian Dalam Negeri	-	-	-
Tuntutan Insuran & Pampasan	-	-	-
Ganjaran	-	-	-
JUMLAH PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP	6,000,000	6,000,000	7,206,735
JUMLAH KESELURUHAN	516,526,000	521,728,630	(13,989,759)

*Belanja Insuran termasuk dalam Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Yang Dibeli Dan Hospitaliti

**PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1. MAKLUMAT UMUM

(a) Status Perundangan dan Negara Diperbadankan

PPUM diperbadankan dan bermastautin di Malaysia.

PPUM adalah sebuah hospital pengajaran di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan merupakan sebuah badan berkanun, ditubuhkan di bawah Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya.

(b) Kegiatan Utama

Kegiatan utama Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) ialah menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, latihan dan penyelidikan yang berkualiti tinggi dalam perkhidmatan perubatan tertiar, komuniti dan kebajikan pesakit.

Tiada perubahan yang ketara bagi kegiatan PPUM sepanjang tahun ini.

(c) Persembahan Matawang

Matawang yang dinyatakan di dalam Penyata Kewangan adalah dalam Ringgit Malaysia dan jumlah dinyatakan di dalam Ringgit.

(d) Tarikh Kelulusan Penerbitan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 telah diluluskan oleh Lembaga Pengurus bertarikh 24 Ogos 2017.

2. DASAR PERAKAUNAN

(a) Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini disediakan mengikut kos asal, selain yang dinyatakan secara berasingan dan menepati Keperluan Pendedahan Am (*General Disclosure Requirements*) dan berdasarkan kepada prinsip-prinsip perakaunan di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia [*Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)*] yang diluluskan di Malaysia.

Penyata Kewangan PPUM ini adalah merupakan penyata kewangan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Sebelum ini penyata Kewangan PPUM telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian ("PERS"). PPUM telah mengguna pakai MPSAS ini lebih awal daripada tarikh kuatkuasanya seperti yang dinyatakan pada Nota 1(b) kepada Penyata Kewangan.

(b) Penyataan Pematuhan Kepada MPSAS

Pada bulan November 2015, Jabatan Akauntan Negara ("ANM") telah menerbitkan MPSAS 33, "First-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs". MPSAS 33 memberikan pengecualian peralihan kepada PPUM dalam menggunakan asas akruan MPSAS untuk kali pertama dan menyediakan bimbingan bagi membantu PPUM melaksanakan rangka kerja MPSAS. Ia memberi peruntukan pengecualian selama tiga tahun bagi PPUM untuk mengiktiraf dan/atau mengukur aset dan liabiliti tertentu. Peruntukan ini membolehkan PPUM mempunyai masa yang mencukupi untuk melaksanakan rangka kerja MPSAS bagi tujuan mengiktiraf dan mengukur aset dan liabiliti semasa tempoh peralihan.

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan pentafsiran MPSAS yang telah dikeluarkan oleh ANM dan diguna pakai oleh PPUM.

MPSAS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017

MPSAS 1, Pembentangan Penyata Kewangan

MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai

MPSAS 3, Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan

MPSAS 4, Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

MPSAS 9, Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

MPSAS 12, Inventori

MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan Kewangan

MPSAS 23, Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)

MPSAS 24, Pembentangan Maklumat Bajet di dalam Penyata Kewangan

MPSAS 33, *Fist-Time Adoption of Accrual Basis MPSASs*

Berikut adalah piawaian perakaunan, pindaan dan pentafsiran MPSAS yang telah dikeluarkan oleh ANM tetapi tidak diguna pakai oleh PPUM. Walau bagaimanapun, PPUM akan menggunakan piawaian perakaunan ini dalam penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

MPSAS, tafsiran dan pindaan yang berkuatkuasa bagi tempoh bermula pada atau selepas 1 Januari 2017

MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan

MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

MPSAS 20, Urusniaga dengan Pihak Berkaitan

MPSAS 21, *Impairment of Non Cash Generating Assets*

MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan

MPSAS 25, Manfaat Pekerja

MPSAS 26, *Impairment of Cash Generating Assets*

MPSAS 28, Pembentangan Instrumen Kewangan

MPSAS 29, Pengiktirafan dan Pengukuran Instrumen Kewangan

MPSAS 30, Pendedahan Instrumen Kewangan

(c) Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Bantuan Kerajaan Malaysia

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai Geran Modal Tertunda dan akan dilunaskan mengikut susutnilai projek yang telah siap dan aset yang dibeli serta belanja operasi yang tidak dipermodalkan.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

(i) Pendapatan Dari Pesakit

Pendapatan dari pesakit diambil kira berdasarkan akruan setelah ditolak pengenepian, pengurangan dan pelepasan terhadap Kakitangan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan.

(ii) Pendapatan Bukan Pesakit

Pendapatan bukan pesakit yang terdiri dari sewaan, faedah dari simpanan tetap dan lain-lain pendapatan diambil kira berdasarkan akruan.

(d) Kemerosotan Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kemerosotan. Jika wujud tanda demikian, nilai aset dijangka dapat diperoleh dianggarkan. Nilai dijangka dapat diperoleh merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berdasarkan aliran tunai yang dijangka didiskaunkan.

Kemerosotan Aset (sambungan)

Kerugian kemerosotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperoleh diiktirafkan sebagai keterbalikan kerugian kemerosotan terdahulu dan diiktirafkan setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktirafkan sebelum ini.

(e) Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

- (i) Tanah dan Bangunan asal PPUM direkodkan pada nilai nominal sebanyak RM10. Tanah dan Bangunan adalah tanah milik bebas atas Lot 1, Jalan Universiti, Seksyen 15 yang diduduki oleh PPUM dengan Universiti Malaya yang didaftarkan di bawah nama Federal Land Commissioner, Federation of Malaya.
- (ii) Semua Hartanah, Loji dan Peralatan yang bernilai lebih daripada RM3,000 ke atas dipermodalkan dan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus atas tempoh penggunaan yang dijangkakan bagi harta berkenaan.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut:-

Bangunan	2%
Kenderaan	10 – 25%
Peralatan pemprosesan data	20%
Perabot dan kelengkapan	5 – 50%
Peralatan dapur	10 – 20%
Peralatan pejabat	20 – 50%
Loji, Peralatan, alat hawa dingin dan lain-lain	5 – 33.3%
Peralatan perubatan, pembedahan dan makmal	5 – 50%

Tanah milik bebas PPUM tidak dilunaskan kerana mempunyai hayat infinit.

- (iii) Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada nilai kos dan ditolak susutnilai terkumpul.
- (iv) Keuntungan atau kerugian dari penjualan akan ditentukan secara perbandingan jumlah hasil jualan bersih dengan jumlah yang tercatat dalam Penyata Prestasi Kewangan.

(f) Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan Dalam Kemajuan terdiri daripada alat kelengkapan yang belum siap dipasang dan bangunan dalam pembinaan. Tiada peruntukan susutnilai dibuat dalam Penyata Kewangan ke atas Pembinaan Dalam Kemajuan.

(g) Inventori

Inventori terdiri daripada bekalan farmaseutikal, bekalan surgikal, pembalut dan bekalan wad, bekalan makmal, tabung darah, kardiorespiratori, neurologi, perubatan nuklear, radiologi, anestetik dan dispensari, bekalan kejuruteraan, bahan membersih, dobi dan bahan makanan kering serta lain-lain barang.

Inventori (*sambungan*)

Inventori terdiri daripada bahan atau bekalan yang akan digunakan dan diagihkan semasa menyediakan perkhidmatan dengan tujuan untuk menjalankan aktiviti utama PPUM.

Inventori dinyatakan pada yang mana lebih rendah antara kos dan nilai penggantian semasa ia dipegang untuk pengagihan dengan caj nominal. Kos bagi stok ditentukan dengan menggunakan formula “masuk-dulu, keluar-dulu” (MDKD).

Inventori PPUM melebihi nilai Ringgit Malaysia Satu Juta setiap hujung tahun selama 3 tahun kebelakang berturut-turut, justeru itu Inventori PPUM dipermodalkan sebagai Aset Semasa.

(h) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

(i) Cukai Pendapatan

Pendapatan yang diterima oleh PPUM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan berdasarkan kepada kedudukan status penubuhan PPUM.

(j) Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. PPUM adalah sebuah hospital pengajaran di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi dan merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Statut Universiti Malaya (Pusat Perubatan Universiti Malaya) 2000, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 adalah pembekalan berkadar standard

Implikasi kepada PPUM adalah seperti berikut :

(i) Cukai Output

Perkhidmatan penjagaan pesakit, penyelidikan dan perkhidmatan bukan kepada penjagaan pesakit contohnya seperti penganjuran seminar atau sewaan ruang niaga adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%). PPUM membekalkan ubat-ubatan berkadar sifar (0%) adalah merujuk kepada Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pembekalan Berkadar Sifar) 2014 P.U (A) 272, Butiran 2 Jadual Pertama.

(ii) Perintah Relif

Merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Butiran 3, Perintah Cukai Barang Dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014, PPUM sebagai badan berkanun tidak dianggap sebagai kerajaan di bawah Akta Cukai Barang Dan Perkhidmatan 2014 dimana hanya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri diberi pelepasan daripada membayar GST tertakluk kepada peruntukan dan syarat yang ditetapkan oleh Akta GST 2014.

Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) (*sambungan*)

(iii) Cukai Input

PPUM boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard 6% dan berkadar sifar (0%).

Pembentangan CBP

Pembentangan di dalam Penyata Kewangan, termasuk penyata-penysata yang berkenaan, dinyatakan sebagai transaksi “tidak termasuk CBP”, kecuali lain-lain belum terima dan deposit dan lain-lain belum bayar, dinyatakan berdasarkan kepada asas “termasuk CBP”. Di dalam keadaan CBP tidak boleh dituntut sebagai cukai input, maka ia diakaunkan sebagai sebahagian daripada aset atau belanja yang berkaitan.

Nilai bersih CBP yang dituntut daripada, atau dibayar kepada, Jabatan Kastam Diraja Malaysia diakaunkan sebagai sebahagian daripada lain-lain belum terima dan deposit dan lain-lain belum bayar di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Nilai bersih CBP dibayar kepada, atau diterima daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia, termasuk CBP berkaitan dengan aktiviti pelaburan diklasifikasikan sebagai operasi aliran tunai di dalam Penyata Aliran Tunai.

Komitmen dan Liabiliti Luar Jangka dinyatakan sebagai transaksi “tidak termasuk CBP”.

(k) Manfaat Kakitangan

(i) Manfaat Kakitangan Jangka Pendek

Manfaat kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, elauan dan caruman keselamatan sosial. Faedah tersebut diakru apabila terjadi dan dikira pada asas yang tidak didiskaunkan. PPUM juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun berikutnya sebagai liabiliti Manfaat Kakitangan Jangka Pendek.

(ii) Manfaat Kakitangan Jangka Panjang

Bayaran manfaat kakitangan yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam Penyata Prestasi Kewangan tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Kakitangan dan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Kakitangan Jangka Panjang.

Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bagi bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur 48 tahun dengan andaian seorang pekerja akan mengumpulkan cuti tahunannya sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut.

Manfaat Kakitangan (*sambungan*)

(iii) Faedah Selepas Perkhidmatan

(a) Pelan Sumbangan Ternyata

PPUM mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam Penyata Prestasi Kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(b) Faedah Persaraan

PPUM memperuntukkan faedah persaraan tidak berdana kepada kakitangan yang layak. Peruntukan faedah persaraan dikira pada asas satu bulan gaji untuk setiap tahun perkhidmatan yang dilengkappkan.

(I) Instrumen Kewangan

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

Objektif pengurusan risiko kewangan PPUM adalah bertujuan memastikan PPUM memaksimumkan pulangan yang diterima di samping meminimumkan pendedahan kepada risiko atau kos yang berkaitan dengan aktiviti kewangan, pelaburan dan operasi PPUM.

Polisi pengurusan risiko kewangan PPUM bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi PPUM dengan lancar. PPUM membiayai operasi dengan sumbangan yang diterima dari Kerajaan dan dana dalaman. Oleh itu PPUM tidak terdedah kepada risiko kadar keuntungan daripada pinjaman bank. PPUM tidak melabur di dalam saham tersiar harga dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

(i) Risiko Kredit

Risiko Kredit, atau risiko pihak peniaga balas gagal melaksanakan urusan mengikut kontrak dikawal dengan pemantauan yang berterusan. Anggaran dibuat bagi hutang rugu setelah kajian semula ke atas baki yang belum dijelaskan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Risiko Kadar Keuntungan

Pendapatan dan aliran tunai operasi PPUM adalah bergantung kepada perubahan dalam kadar keuntungan pasaran. Pendedahan dalam kadar keuntungan ini terbit daripada deposit PPUM. PPUM tidak menangani risiko kadar keuntungan ini.

(iii) Risiko Mudah Tunai

PPUM mengamalkan pengurusan Risiko Mudah Tunai yang berhemah untuk meminimumkan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan dan untuk mewujudkan tahap tunai dan bersamaan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

Instrumen Kewangan (*sambungan*)

(iv) Nilai Saksama

Nilai dibawa tunai dan bersamaan tunai, pendapatan tertunggak, pelbagai dan lain-lain belum terima, pelbagai dan lain-lain belum bayar menghampiri nilai saksama kerana sifat tempoh instrumen kewangan yang pendek dan singkat.

(m) Maklumat Bajet

Bajet dan penyata kewangan PPUM disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akruan menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar di dalam penyata kewangan ini telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet PPUM hanya menjurus kepada bajet mengurus sahaja.

(n) Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) Kerugian Rosotnilai bagi Belum Terima

PPUM menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, PPUM menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar penghutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri - ciri risiko kredit yang serupa.

**Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama
Ketidakpastian Anggaran (*sambungan*)**

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua Hartanah, Loji dan Peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat Hartanah, Loji dan Peralatan dalam tempoh masa 5 hingga 50 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

3. INVENTORI	2016 RM	2015 RM	01.01.2015 RM
Dinyatakan pada kos:-			
Bekalan farmaseutikal	11,725,339	10,493,984	9,711,111
Bekalan surgikal, pembalut dan bekalan wad	3,219,420	2,973,101	2,553,907
Bekalan makmal, tabung darah, kardiorespiratori, neurologi, perubatan nuklear, radiologi, anestetik dan dispensari	1,580,520	1,723,521	1,560,840
Bekalan kejuruteraan, bahan membersih, dobi dan bahan makanan kering	608,050	580,928	649,012
Lain-lain bekalan	403,575	447,518	461,477
	-----	-----	-----
	17,536,904	16,219,052	14,936,347
	=====	=====	=====
4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA	2016 RM	2015 RM	01.01.2015 RM
Penghutang Pesakit	42,729,133	42,819,078	68,695,215
Peruntukan Hutang Ragu	(10,623,507)	(11,975,524)	(13,449,280)
	-----	-----	-----
	32,105,626	30,843,554	55,245,935
	=====	=====	=====
5. LAIN-LAIN BELUM TERIMA DAN DEPOSIT	2016 RM	2015 RM	01.01.2015 RM
Penghutang Kakitangan (Langgar Perjanjian)	3,161,860	2,852,209	6,117,277
Pelbagai Penghutang	35,164,140	21,360,965	9,011,608
Peruntukan Hutang Ragu	(135,881)	(1,294,628)	(394,701)
	-----	-----	-----
	38,190,119	22,918,546	14,734,184
	=====	=====	=====
Keuntungan Pelaburan Bank	3,439,109	2,766,414	990,744
Penghutang Sewa	999,027	1,213,464	858,015
Penghutang Perkhidmatan UMSC	6,772,669	5,663,348	3,958,802
GST dikembalikan	398,532	323,484	-
	-----	-----	-----
	11,609,337	9,966,710	5,807,561
	=====	=====	=====
	49,799,456	32,885,256	20,541,745
	=====	=====	=====
6. PENGHUTANG PINJAMAN KOMPUTER	2016 RM	2015 RM	01.01.2015 RM
Baki pada 1 Januari	313,570	339,250	364,013
Pinjaman yang diberikan dalam tahun kewangan	247,300	156,200	148,200
	-----	-----	-----
	560,870	495,450	512,213
Bayaran balik yang diterima dalam tahun kewangan	(183,483)	(181,880)	(172,963)
	-----	-----	-----
Baki pada 31 Disember	377,387	313,570	339,250
	=====	=====	=====

7. PENGHUTANG PINJAMAN KENDERAAN	2016	2015	01.01.2015
	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari	1,285,092	1,327,778	1,570,823
Pinjaman yang diberikan dalam tahun kewangan	353,900	335,900	165,300
	-----	-----	-----
Bayaran balik yang diterima dalam tahun kewangan	1,638,992	1,663,678	1,736,123
(354,998)	(378,586)	(408,345)	
	-----	-----	-----
Baki pada 31 Disember	1,283,994	1,285,092	1,327,778
	=====	=====	=====

8. SIMPANAN TETAP	2016	2015	01.01.2015
	RM	RM	RM
Bank berlesen	347,040,000	326,040,000	338,040,000
